

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

Jilid IV

Bil. 30

Hari Isnin

14 Disember 1998

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan)

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan)

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999

(Ruangan)

PARLIMEN KESEMBILAN

**Penggal Keempat
Mesyuarat Ketiga**

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,
B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balau Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdulla h bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGANDOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 14 Disember 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARI DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan ini sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“10 Disember 1998

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1998.
2. Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.
3. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 1998.
4. Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 1998.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RUMAH KOS RENDAH - HARGA

1. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa dalam enam bulan pertama tahun 1998, harga bagi semua jenis rumah telah menurun kecuali rumah kos rendah yang telah meningkat sebanyak 14%. Apakah sebab sebenarnya. Apakah usaha kerajaan demi memastikan golongan rakyat berpendapatan rendah mampu membeli rumah kos rendah yang sangat-sangat mereka perlukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, izinkan saya mengalu-alukan sebagai tetamu Jawatankuasa JKKK daripada kawasan Parlimen Padang Besar dan kawasan Parlimen Kangar sebagai tetamu kita di belakang sana. *[Tepuk]* Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, harga rumah selain dari rumah kos rendah telah menurun disebabkan kurangnya permintaan untuk rumah-rumah harga tinggi. Ini adalah selaras dengan faktor supply and demand, dengan izin, dalam pasaran, khasnya akibat dari kegawatan ekonomi. Bagi rumah kos rendah pula, harga dinaikkan supaya lebih selaras dengan harga pembinaan sebenar termasuk harga tanah.

Selama ini harga RM25,000 dikekalkan dengan unsur subsidi yang besar. Dalam keadaan ekonomi sekarang, sekiranya pemaju masih kena menanggung subsidi yang besar, mereka tidak akan terdorong untuk membina rumah kos rendah, akhirnya sasaran pembinaan rumah kos rendah tidak mungkin tercapai.

Oleh itu, langkah menaikkan harga rumah kos rendah adalah untuk menentukan pemaju akan terus mampu membinanya dan dengan itu, pembekalan rumah kos rendah akan berterusan.

Bagi rakyat yang tidak mampu membeli rumah kos rendah, program perumahan awam kos rendah oleh kerajaan masih diteruskan. Di samping itu, kerajaan ada meneruskan program rumah rakyat untuk disewa bagi mereka yang tidak mampu membeli.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon penjelasan berapakah jumlah rumah kos rendah di seluruh negara yang ada pada masa ini dan berapa pula jumlah yang tergendala selama kegawatan ini berlaku dan apakah kerajaan masih berhasrat untuk menaikkan harga rumah kos rendah ini melebihi dari harga yang telah ditetapkan pada hari ini.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf dari segi angka yang sebenar saya tidak ada, saya minta notis, kalau Yang Berhormat izinkan saya, saya boleh membuat jawapan bertulis.

Soalan yang kedua ialah, sama ada kerajaan akan menaikkan harga rumah kos rendah dari tahap yang baru dinaikkan. Dari segi kerajaan, oleh kerana harga rumah kos rendah ini yang baru dinaikkan, baru sahaja diumumkan maka pada ketika ini tidak ada cadangan untuk menaikkan lagi harga rumah kos rendah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah membuat bancian kepada penghuni-penghuni di Lembah Klang yang memerlukan rumah-rumah kos rendah?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang ada dan dari segi jumlah mereka yang memerlukan rumah sentiasa di'update'kan, dengan izin, sentiasa diperbaharui dan dikemaskinikan, memang ada bukan sahaja di Lembah Klang tetapi juga di tempat-tempat lain.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita dengar dari Yang Berhormat Timbalan Menteri harga rumah telah jatuh sekarang kerana tidak ada demand. Jadi, saya baca di dalam surat khabar baru-baru ini berkenaan dengan housing ownership scheme yang baru diadakan, kebanyakan syarikat pemaju yang mengiklankan potong harga atau tawaran khas (special offer) dan diskaun ada yang 30% atau 40% dan ada juga yang sampai 50%. Jadi, saya ingin bertanya adakah ini menunjukkan dan membuktikan sebenarnya keuntungan syarikat pemaju ada sebanyak 40% ataupun 50% dalam kegiatan business ini. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, pengumuman untuk menurunkan harga rumah di seluruh negara telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai satu kempen untuk hanya dalam sebulan ini. Semasa ini semua pemaju rumah diminta menurunkan harga rumah dan yang diminta oleh kerajaan ialah 10% bagi bukan bumiputera dan 15% bagi bumiputera. Tetapi jika ada pemaju yang ingin menurunkan lebih dari itu, memang kita mengalu-alukan. Cuma Ahli Yang Berhormat bertanya tadi sama ada keuntungan adakah lebih 40% atau lebih lagi atau kurang, sebenarnya keadaan sekarang pemaju-pemaju sebagai peniaga biasa, mereka lebih mementingkan aliran wang tunai. Kalau tidak untung pun tetapi kalau wang tunai dapat dialirkan masuk ke dalam syarikat, walaupun rugi sedikit tetapi dari segi pengurusan kewangannya lebih senang dan lebih mudah maka pemaju akan berbuat demikian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan di bawah cadangan MTEN telah menentukan bahawa sektor perumahan menjadikan satu sektor yang amat penting untuk menjana dan menggerakkan balik pertumbuhan

ekonomi. Di dapati di mana-mana di merata negara bukan sahaja di negara kita, malah di Korea dan Jepun sekiranya sektor perumahan jatuh maka ekonomi sendiri sukar untuk dipulihkan semula.

Jadi, yang diumumkan oleh kerajaan dan insentif yang diberi oleh kerajaan bukan sahaja dari segi pemaju menurunkan harga, banyak lagi insentif yang diberi oleh kerajaan, maka dalam tempoh sebulan ini bertujuan untuk menggalakkan semula sektor pembinaan dan sektor perumahan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hanipah. Saya beri lebih sedikit fasal orang Perlis ramai hari ini. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan ini bukanlah untuk mendapat perhatian rakan-rakan dari Perlis, tetapi sebagai tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang saya perlu mendapat penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan telah berpuas hati terhadap pembinaan rumah-rumah kos rendah yang dikelolakan di peringkat negeri dan ini ada satu tohmahan yang telah dinyatakan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengatakan pembinaan rumah kos rendah di dalam pembahagiannya ada terlibat dengan amalan rasuah. Apakah pandangan kerajaan dan jika ada, apakah tindakan yang perlu diambil terhadap tohmahan yang telah dilemparkan kepada kerajaan?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan. Pertama, sama ada kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaan rumah kos rendah di seluruh negara di negeri-negeri. Untuk menjawabnya, sememangnya kerajaan tidak berpuas hati khususnya dari sektor kerajaan. Hasil daripada kecapaian Rancangan Malaysia Keenam didapati pembinaan rumah kos rendah di bawah sektor kerajaan tidak mencapai matlamat. Yang mencapai lebih dari matlamat ialah sektor swasta. Maka dengan itu, pihak kerajaan masih menggalakkan sektor swasta yang lebih menumpukan kepada pembinaan

rumah kos rendah. Namun demikian, sektor kerajaan juga terus digalakkan untuk membinanya.

Soalan yang kedua, dari segi pengagihan rumah-rumah. Memang banyak rungutan dibuat mengatakan itu dan ini dari segi ketidakpuasan hati mereka yang meminta, lama menunggu, tidak dapat, oleh itu Kerajaan Pusat telah menyarankan kepada semua kerajaan negeri supaya mewujudkan sistem pendaftaran terbuka di mana mereka yang ingin membeli rumah-rumah murah mendaftarkan diri di semua jabatan kerajaan di seluruh negara dan sistem ini dibuat secara berkomputer dan agihan rumah-rumah akan dibuat mengikut giliran masing-masing dan mengikut kriteria-kriteria yang tertentu.

Dengan jalan ini diharapkan rungutan dan segala ketidakpuasan hati itu dapat diselesaikan dalam jangka masa panjang.

PESAKIT LUAR NEGARA YANG MENJALANI RAWATAN PAKAR - JUMLAH

2. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah pesakit-pesakit dari luar negeri yang datang ke Malaysia untuk menjalani rawatan pakar memandangkan kemudahan ini akan dapat meningkatkan pelancongan negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini maklum balas yang diterima dari dua buah hospital persendirian mengenai jumlah pesakit-pesakit dari luar negeri adalah seramai 1,902 orang dari Julai 1997 hingga April 1998.

Pihak Kementerian Kesihatan sedang mengumpul data mengenai perkara ini.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah kementerian bahawa terdapat banyak rakyat Malaysia yang menjadi pakar perubatan dan berkhidmat di luar negara terutama sekali di negara jiran kita. Apakah cadangan kerajaan untuk membawa mereka balik supaya kita dapat membuat Malaysia menjadi pusat pakar perubatan sama juga dengan usaha kita untuk membuat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan dalam pendidikan. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, data-data seperti specialist di luar negara yang terdiri dari warganegara Malaysia, statistiknya tidak ada pada masa kini, saya akan beri secara bertulis. Tetapi kita berusaha untuk memujuk mereka melalui duta-duta kita di luar negara, pelancong yang ingin menerima rawatan ini kebanyakan melibatkan hospital persendirian dan bukanlah hospital kerajaan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah menyemak di dalam Anggaran Hasil Belanjawan 1999, saya dapati bahawa anggaran bayaran dari pesakit-pesakit luar adalah kosong (zero). Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah dasar kementerian ke atas pemeriksaan kepada pendatang-pendatang asing yang kita tahu bahawa pendatang asing ramai dalam negara kita, apakah dasar kerajaan, dan berapakah bayaran yang dikenakan dan apakah bayaran ini di dalam anggaran hasil itu di mana dapat kita lihat pendapatan pihak kerajaan dalam mengenakan bayaran kepada pendatang-pendatang asing dan orang-orang luar negara ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Fee, kita caj kepada pendatang asing atau pesakit dari luar negara, bayaran dikenakan adalah dua kali ganda, kalau RM10 mereka akan membayar sebanyak RM20. Saya tidak ada angka-angka berapakah jumlah bayaran yang kita terima dari pesakit orang luar negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya bersyukur kerana dapat hadir dalam sesi di Dewan Negara dalam minggu yang kedua, yang terakhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini kita dengar Menteri Kerja Raya yang mana Setiausaha Parlimen mengumumkan penubuhan universiti perubatan di Langkawi yang akan ditaja oleh parti politik MIC dan saya percaya penubuhan universiti ini kalau mengikut menteri itu kata dipersetujui oleh Menteri Pendidikan. Saya tidak tahulah sama ada dia boleh jawab bagi pihak Menteri Pendidikan. Saya hendak tanya apakah rasional penubuhan universiti ini di Langkawi dari segi hendak menarik pelancong

pergi ke Langkawi dan untuk kepentingan negara dalam bidang-bidang khususnya kepakaran.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita difahamkan universiti itu ditempatkan dekat Sungai Petani, bukan di Langkawi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awalnya memang diumumkan di Langkawi, selepas itu Kerajaan Negeri Kedah yang memberitahu di Bidor, saya juga mengikuti perkembangan itu. Soalan yang saya tanya ialah rasional dari segi penubuhan untuk hendak menarik pelancong, sebab soalan ini ada kaitan dengan hendak menarik pelancong pesakit-pesakit luar datang ke negara ini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, universiti itu dtubuhkan bukanlah bertujuan untuk menarik pelancong, kita mahu ada sebuah universiti bekerjasama dengan Universiti Bristol di United Kingdom dan tempatnya apa yang difahamkan oleh Kerajaan Negeri Kedah ialah ditempatkan dekat Sungai Petani dan bukanlah di Langkawi.

PERAKUAN MAPEN TERHADAP KESAN KEGAWATAN EKONOMI

3. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah perakuan-perakuan penting MAPEN dan perubahan-perubahan dasar yang dibuat bagi negara, dapat menyerap kesan kegawatan ekonomi; dan
- (a) apakah langkah dan strategi kerajaan untuk menggembleng tenaga rakyat agar terus produktif dan memberi tumpuan untuk mengatasi kegawatan ekonomi sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan kepada soalan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin serentak dengan soalan-soalan mengenai perkara-perkara yang berkaitan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim pada hari

ini dan Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor juga pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, perakuan bagi mencapai enam objektif utama Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) telah dilaksanakan. Dengan pelaksanaan perakuan-perakuan tersebut oleh pihak kerajaan dan sokongan daripada rakyat Malaysia keseluruhannya, banyak tanda positif yang ekonomi negara telah beransur pulih.

Pertamanya, keyakinan pengguna dan pelabur telah meningkat dengan bertambahnya perbelanjaan penggunaan dan pelaburan sejak kerajaan mengemukakan langkah menetapkan kadar tukaran asing dan kawalan modal secara terpilih untuk menstabilkan Ringgit. Bagi pelabur, penetapan kadar tukaran asing, dibantu oleh kos dana yang lebih rendah melalui penurunan kadar faedah dapat memudahkan mereka membuat keputusan untuk melabur dengan lebih yakin. Jelas, strategi menetapkan kadar tukaran asing bukan sahaja dapat melindungi nilai Ringgit dari tekanan spekulasi, malah dapat mengekalkan Ringgit pada paras kompetitif.

Kedua, objektif untuk menstabilkan pasaran kewangan telah membuahkan hasil yang nyata, di mana tidak ada sebuah pun bank di Malaysia perlu ditutup, tidak seperti di negara lain yang terjejas oleh kegawatan yang dimulakan oleh pedagang mata wang yang menyerang banyak negara membangun, bukan sahaja di Asia Timur tetapi juga di Amerika Latin. Penubuhan Danamodal dan Danaharta dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah dapat membantu sistem perbankan kita untuk menangani masalah yang wujud.

Ketiga, melalui usaha memperkukuhkan asas ekonomi, defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran telah dapat diperbaiki melalui peningkatan eksport dan usaha mengurangkan import. Dalam hubungan ini, perangkaan menunjukkan bahawa lebih dagangan bagi bulan Januari hingga Oktober 1998 telah meningkat kepada angka RM44 bilion.

Keempat, objektif PPEN untuk memastikan golongan yang terdedah kepada kemerosotan ekonomi dapat dilindungi. Kegawatan ekonomi telah

memberi kesan kepada golongan berpendapatan rendah berikutan daripada penguncupan kegiatan ekonomi, khususnya sektor perkilangan dan pembinaan. Kenaikan harga dan peningkatan kos hidup, terutama barang yang diimport juga telah menjejaskan taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan miskin. Bagi meringankan beban yang dialami oleh golongan yang berpendapatan rendah, kerajaan telah melaksanakan program jaringan keselamatan sosial (social safety net programme). Di samping itu, usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri telah menampakkan kejayaan, di mana harga sayur-sayuran dan buah-buahan telah dapat dikawal dan seterusnya meringankan beban pengguna-pengguna, terutama golongan yang berpendapatan rendah, serta mengurangkan import bahan-bahan makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua 585 cadangan PPEN telah dan sedang diambil perhatian oleh kementerian/agensi terlibat, dan pada masa ini ianya adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Tiada kementerian atau agensi yang enggan melaksanakan keputusan MTEN. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dikenal pasti boleh melambatkan pelaksanaan PPEN, antaranya sesetengah perakuan tersebut memerlukan pindaan akta dan peraturan-peraturan tertentu. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah menggesa pihak kementerian, agensi dan kerajaan-kerajaan negeri supaya segera menyemak semula undang-undang dan peraturan-peraturan yang melambatkan sesuatu tindakan diambil. Dalam hal ini, pihak Urusetia MTEN sentiasa membantu pelaksanaan PPEN dan melaporkan kemajuannya kepada Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian/agensi terlibat juga ada disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan setiap dua minggu sekali. Laporan dua minggu sekali ini juga boleh diperolehi dari Internet <http://epu/.jpm.my/neac>

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah

menerangkan kepada kita dengan panjang lebar berkenaan dengan perakuan-perakuan yang tertera di dalam PPEN. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan salah satu kesan daripada pelan pemulihan ini ialah bank tidak dilihat ditutup tetapi suasana yang sedang berlaku, pandangan akar-umbi rakyat pada hari ini seolah-olah melalui perakuan ini, kita hanya menyelesaikan masalah bank tidak ditutup, tetapi bank masih lagi tidak dapat menterjemahkan hasrat murni kerajaan dan pimpinan negara untuk melepaskan pinjaman-pinjaman yang tertentu sehingga kerajaan beberapa kali telah memberi teguran-teguran. Apakah senario ini pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menidakkan pelan ini sendiri untuk menjayakan program pemulihan ekonomi secara menyeluruh sekiranya bank tidak dapat menterjemahkan arahan-arahan terutama sekali daripada Perbendaharaan dan juga Bank Negara. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, izinkan saya menyatakan bahawasanya senario yang bank tidak ditutup adalah lebih baik daripada sekiranya terdapat bank-bank dalam negara ini yang tertutup. Sekurang-kurangnya apabila bank tidak ditutup, ianya ada memberi kemungkinan dan peluang ataupun chances untuk memanjangkan perkhidmatan bank memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam. Oleh itu, saya merasakan bahawasanya senario ini adalah lebih baik daripada senario yang didapati di negara-negara, walaupun diberi sokongan oleh IMF tetapi bank-bank ditutup dan seterusnya tidak seorang pun peminjam mendapat faedah daripadanya.

Perkara yang kedua, iaitu sama ada kerajaan menyedari sesungguhnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan memang menyedari walaupun kita telah melonggarkan, memperbanyakkan dan mempertingkatkan liquidity dalam negara kita, tetapi masih ada lagi bank-bank yang sukar hendak memberi pinjaman. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawasanya kerajaan memandang sangat serius terhadap bank-bank seperti ini malahan satu ketika, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun telah mengarahkan supaya kalau sekiranya terdapat bukti

yang kukuh bank-bank ini tidak mahu memberi sokongan kepada peminjam-peminjam tempatan yang berasas, maka tindakan yang wajar perlu diambil kepada bank-bank yang berkenaan. Begitulah Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan seriusnya kerajaan hingga kita meminta Kementerian Kewangan dan Bank Negara sentiasa memantau permasalahan ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah pun memberi jawapan yang begitu memuaskan. Cuma saya ingin mendapat pendedahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pendedahan MTEN kepada masyarakat umum. Saya mengakui bahawa dengan adanya MTEN masalah-masalah ekonomi dan kegawatan ekonomi yang berlaku di negara kita dapat diselamatkan dan penemuan-penemuan yang telah pun disebutkan tadi sebanyak 585 penemuan dan usaha-usaha yang telah pun dibuat melalui Jawatankuasa MTEN dan juga sokongan daripada pihak badan-badan dan juga agensi kerajaan memang telah pun dapat menyelamatkan kedudukan negara kita, ini memang kita akui, cuma yang saya ingin bangkitkan di sini adakah pihak MTEN tidak berhasrat untuk mendedahkan dengan lebih luas lagi usaha-usaha ini supaya masyarakat umum tahu apa yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan kerana pencapaian dan juga usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan ini tidak sampai ke akar umbi. Saya tahu di peringkat negeri ada Jawatankuasa MTEN, itupun tidak menyeluruh. Wakil-wakil rakyat saya rasa di peringkat Parlimen dan juga Dewan Negera tidak terlibat, cuma melibatkan kerajaan negeri yang saya tahu.

Tambahan pula golongan yang lebih bawah lagi tidak ada penglibatan golongan bawah dengan MTEN yang menyebabkan masyarakat umum tidak tahu bahawa MTEN telah pun berusaha menyelamatkan negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sekurang-kurangnya Yang Berhormat menyedari bahawasanya MTEN

memang telah banyak melaksanakan program-program yang membantu memulihkan ekonomi kita yang saya kira adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, alternatif yang ada pada kita, kalau kita tidak ada MTEN ialah IMF dan kalau kita tengok umpamanya IMF di negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan sebagainya terdapat pemulihan ekonomi tidak seperti seketara seperti mana yang terdapat dalam negara kita. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawasanya mungkin ramai tidak mengikuti perkembangan MTEN sebab itu dalam jawapan saya tadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawasanya laporan-laporan MTEN biasanya disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan tiap-tiap dua minggu sekali dan saya setuju pihak-pihak di akar umbi mungkin tidak dapat penerangan yang sejelas-jelasnya dan sesungguhnya saya akan memaklumkan kepada Kementerian Penerangan agar dapat dimainkan peranan yang lebih aktif kerana semasa saya di dalam Kementerian Penerangan dahulu kita dapati kalau rakyat itu tidak memahami dasar-dasar kerajaan biasanya dia sukar hendak menyokong kerajaan. Tetapi apabila dia memahami dasar-dasar kerajaan dan mengetahui bahawa dasar-dasar itu baik dan tindakan-tindakan itu menguntungkan mereka biasanya mereka akan menyokong kerajaan. Di atas cadangan Yang Berhormat saya ucapkan ribuan terima kasih.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Soalan tambahan. Saya ingin memohon mendapatkan penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dia yang dikatakan usaha-usaha MTEN untuk memberikan jaminan keselamatan sosial atau social safety net untuk golongan berpendapatan rendah. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menghuraikan satu persatu akan mengambil masa, saya ada senarai di sini dan saya akan beri kepada Yang Berhormat sebentar selepas ini tetapi kalau boleh Yang Berhormat sepintas lalu saya menyatakan kalau kita lihat umpamanya golongan yang termiskin yang berpendapatan rendah yang terjejas dengan pembelian barangan yang meningkat harganya. Ini telah dilaksanakan oleh kerajaan dengan menggalak kita bercucuk tanam umpamanya, giatkan

usaha-usaha pertanian dan dimudahkan urusan pinjaman kepada projek-projek pertanian umpamanya Food For Fund (FFF) sebagai satu contoh, dan berbagai-bagai lagi langkah untuk memudahkan urusan menggalakkan pertumbuhan bekalan barangan makanan dan ini sesungguhnya telah membantu rakyat jelata dalam mendapat bekalan makanan yang lebih murah daripada negara-negara lain. Hingga hari ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat negara-negara jiran kita sekarang hendak menyeludup barang-barangan daripada Malaysia ke negara-negara jiran.

Yang kedua, kalau boleh secara sepintas lalu saya menyatakan kalau kita tengok umpamanya di dalam bidang pendidikan, walaupun kita tahu dalam keadaan kegawatan kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang lebih kalau dahulunya umpamanya Jabatan Perkhidmatan Awam diberi RM450 juta untuk pinjaman dan biasiswa tetapi di dalam kegawatan kita merasakan kita tidak perlu menjejaskan anak-anak kita dalam pendidikan dan juga JPA mengeluarkan perbelanjaan yang melebihi RM600 juta. Ini sebagai satu contoh dan berbagai lagi langkah-langkah kerajaan yang mana tertera di dalam apa yang ada pada saya hari ini, insya-Allah, selepas ini saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Puan Kamalia. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucap tahniah pada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana ia menjawab soalan-soalan ekonomi. Saya ingat dia telah naik kepada Timbalan Menteri Kewangan [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkenaan dengan bantuan dan pinjaman kepada penuntut-penuntut melalui JPA, adalah difahamkan bahawa bantuan-bantuan dan pinjaman-pinjaman ini telah pun dikeluarkan oleh kerajaan tetapi mengambil dua atau tiga bulan untuk diperolehi oleh penuntut-penuntut khususnya Universiti Putra Malaysia dan ini menyebabkan penuntut-penuntut mempunyai keadaan yang tidak selesa, ada yang tidak makan setengah hari pun ada.

Tuan Yang di-Pertua: Setengah hari sahaja?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, setengah hari, tidak ada sarapan. Makan setengah hari ini adalah satu perkara yang tidak patut berlaku di negara kita ini dan saya difahamkan juga penuntut-penuntut ini akan dipotong RM200-RM300 untuk dimasukkan ke dalam dana negara. Jadi kalau RM200-RM300 adalah satu bulan perbelanjaan makan penuntut-penuntut ini, saya puji usaha yang baik oleh penuntut-penuntut ini tetapi janganlah terlalu banyak sangat. Kalau RM20.00 pun tahanlah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya akui pada permulaan kegawatan ekonomi dahulu kita berada dalam keadaan shocked atau terkejut malahan apabila kita melihat kewangan yang mengalir dari Jabatan Perkhidmatan Awam itu begitu perlahan hingga menjejaskan sedikit aliran wang tunai itu dan terlambat memberi bantuan ataupun biasiswa. Kerajaan ingin memberi jaminan bahawa keadaan kita sekarang telah lebih baik daripada lima atau enam bulan yang lalu dan perkara ini akan disampaikan kepada pihak JPA supaya tidak lagi terjadi seperti perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Zuki.

Berkaitan perkara yang kedua iaitu perkara ini adalah pertama kali saya dengar bahawasanya ada potongan untuk dana negara dan saya akan siasat perkara ini dan kalau benar saya akan minta JPA untuk meneliti semula perkara yang disebutkan tadi. Terima kasih.

PENGIKLANAN - SENSITIVITI MASYARAKAT ISLAM

4. **Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan walaupun pengiklanan merupakan sumber pendapatan kepada syarikat pengeluar, sensitiviti masyarakat Islam perlu dijaga kerana akhbar adalah bahan bacaan utama rakyat di negara ini. Apakah tindakan terhadap akhbar-akhbar harian, khususnya yang berbahasa Inggeris, menyiarkan iklan arak secara berleluasa setiap hari dalam ruang yang agak besar, kadang-kadang satu muka surat penuh.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali [Timbalan Menteri Dalam Negeri]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu bangsa yang bertamadun, berdaya maju dan bermoral tinggi

maka Kementerian Dalam Negeri telah pun memberi teguran kepada akhbar-akhbar berkenaan supaya tidak lagi menyiarkan iklan-iklan arak yang sedemikian rupa. Adalah diharapkan akhbar-akhbar berkenaan akan sentiasa mematuhi arahan tersebut. Kegagalan mereka mematuhi arahan tersebut menyebabkan tindakan tegas akan diambil terhadap penerbitan berkenaan.

Dato' Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rakyat kita terdiri dari berbagai kaum dan agama. Adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan sekiranya pengiklanan menyentuh sensitiviti pihak kaum dan agama lain selain daripada agama Islam.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan negara yang berbilang kaum ataupun majmuk dan berbilang agama dengan berbagai-bagai kebudayaan. Kerajaan akan sentiasa mengambil ingatan berkenaan dengan perbezaan-perbezaan tersebut dan ini juga terkandung dalam Rukun Negara di mana kita menghormati kebudayaan, agama dan juga bahasa bangsa-bangsa yang ada di negara kita ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bercakap berkenaan dengan sensitiviti rakyat dan masalah keselamatan negara, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan penyebaran akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang juga berupa bentuk iklan yang banyak mengandungi unsur-unsur yang menghasut dan memfitnah pemimpin dan yang menghentam kerajaan. Ada satu akhbar dibubuh di kedai akhbar untuk ahli sahaja tetapi ditempatkan di tempat-tempat yang semua orang boleh beli dan akhbar ini akhbar yang cukup teruk sensitivitinya dari segi menuduh pemimpin dan menghentam kerajaan. Apa pandangan pihak kementerian, adakah memadai setakat mensyaratkan bubuh untuk ahli sahaja lepas itu boleh dibeli secara bebas oleh sesiapa sahaja. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak kementerian memang sedar bahawa *Harakah* yang sepatutnya diedarkan hanya kepada ahli-ahli PAS sahaja tetapi hari ini dijual secara berleluasa di kedai-kedai buku. Kementerian telah pun memberi amaran

bahawa sekiranya mereka didapati menjual akhbar *Harakah* yang sepatutnya hanya diedarkan kepada ahli PAS kepada umum maka tindakan tegas akan diambil.

Saya telah pun pergi ke beberapa buah kedai dan memberikan amaran kepada mereka dan mereka telah menyatakan tidak akan lagi menjual akhbar ini kepada mereka yang bukan ahli PAS. Di masa yang akan datang kementerian juga telah pun memberi amaran bahawa tindakan yang lebih tegas akan diambil terhadap mereka yang menjual akhbar ini kepada bukan ahli PAS.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasa sukacita kerana pihak kerajaan menjawab soalan *Harakah* ini tadi. Saya rasa kerajaan telah pun ketinggalan zaman, sebab saya berkata begitu, *Harakah* kalau kita tidak boleh beli di kedai, kita boleh buka home pages Internet, tengok dalam itu penuh dengan *Harakah*. Saya rasa Akta Percetakan yang ada sekarang ini patutlah dibawa kembali ke Dewan ini untuk diperbetulkan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki, sebenarnya itulah satu cadangan yang cukup baik dan kementerian akan mengkaji cadangan tersebut dan sekiranya wajar akan diambil tindakan yang sewajarnya.

TABUNG YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA – KEDUDUKAN KEWANGAN

5. **Puan Siti Hawa binti Mohd. Noor** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauh mana kedudukan kewangan Tabung Yayasan Kebajikan Negara sehingga kini dan bolehkah Menteri berkenaan mengenal pasti bantuan yang telah diberi kepada mereka yang memerlukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini Yayasan Kebajikan Negara mempunyai jumlah dana terkumpul termasuk saham-saham sebanyak RM38

juta sehingga Oktober tahun ini. Oleh kerana kemerosotan ekonomi, YKN telah mengalami kerugian sebanyak RM12 juta dari segi kemerosotan nilai.

Di samping itu juga sumbangan daripada badan korporat dan orang ramai telah berkurangan dengan banyaknya berbanding pada tahun-tahun sebelum ini. Jumlah bantuan yang diperuntukkan bagi tahun ini ialah RM5.62 juta dan antara jenis-jenis bantuan yang diberi kepada mereka yang memerlukan ialah bantuan perubatan kepada pesakit jantung, buah pinggang, leukemia dan lain-lain. Bantuan kebajikan seperti pembelian alat-alat tiruan, motosikal roda tiga kepada orang cacat, bantuan orang miskin dan lain-lain. Bantuan mangsa bencana alam, bantuan untuk pertubuhan kebajikan sukarela dan bantuan berbentuk pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya mendengar tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa nilai wang yang dimiliki oleh Yayasan Kebajikan Negara telah pun merosot. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah wang ini disimpan dalam simpanan di bank ataupun wang ini dilaburkan di mana-mana pelaburan misalnya dilaburkan dalam pelaburan saham dan sebagainya, yang mengakibatkan bahawa wang ini telah pun merosot nilainya. Terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang terhormat, kita simpan sejumlah wang dalam fixed deposit, kita juga melabur sejumlah wang dalam saham-saham yang diurus oleh Amanah Raya Berhad. Terima kasih.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yayasan Kebajikan Negara ini akan untung bila saham kita naik dan yang RM12 juta itu mungkin bertambah balik. Cuma saya hendak tahu mengenai pesakit-pesakit jantung untuk memastikan pesakit-pesakit ini mendapat bantuan. Saya menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat dan mendengar laporan tetapi didapati beberapa kes pesakit-pesakit ini tidak mendapat

bantuan. Bagaimanakah cara untuk memastikan pesakit jantung itu mendapat bantuan? Terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat bantuan ada syarat-syarat tertentu, kadang-kadang pesakit-pesakit itu tidak layak, kadang-kadang dia layak. Sebab itu juga setengah dari mereka yang membuat permohonan tidak mendapat bantuan. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah sumber pendapatan ataupun sumber kewangan yang terutama bagi Tabung Yayasan Kebajikan Negara ini dan sama ada yayasan ini bercadang untuk mengadakan satu skim seperti ASB untuk diberi kepada mereka yang memerlukan ini bagi menampung kesusahan mereka.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, sumber wang ialah kita dapat geran daripada kerajaan, kita juga dapat sumbangan daripada sektor-sektor korporat dan orang ramai. Sekarang kita tidak ada cadangan untuk memberi saham-saham kepada mereka yang termiskin. Terima kasih.

BENCANA LA NINA – JANGKAAN KERUGIAN

6. **Dato' Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jangkaan kerugian yang bakal ditanggung akibat bencana La Nina dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk meminimumkan kerugian tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli bersama-sama dengan dua soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memandangkan terdapat persamaan di antara soalan-soalan tersebut.

Soalan-soalan tersebut dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dijawab pada tarikh-tarikh seperti berikut iaitu 15 Disember 1998 - Tuan Janggu Anak Banyang dan 17 Disember 1998 - Tuan N. Marimuthu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli fenomena La Nina yang sederhana sedang berlaku dan dijangka akan tamat pada bulan Februari 1999. Berdasarkan maklumat daripada Bahagian

Keselamatan Negara memaklumkan bahawa kerugian akibat bencana La-Nina adalah dianggarkan lebih kurang RM100 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai satu langkah meminimumkan kerugian, pihak kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia sentiasa mengawasi dan memantau keadaan cuaca secara berterusan di seluruh negara dan akan mengeluarkan nasihat atau amaran sebaik sahaja tanda-tanda menunjukkan hujan lebat akan berlaku mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Janggu Anak Banyang jentera pengurusan bencana di bawah agensi-agensi terbabit telah bersiap sedia melalui Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara di peringkat daerah, negeri dan pusat. Langkah dan tindakan ini adalah selaras dengan Arahan MKN No. 20. Bahagian Keselamatan Negara (BKN) juga telah mengeluarkan satu Arahan Gerakan Bil. 6/98 kepada kerajaan-kerajaan negeri tentang langkah-langkah yang harus diambil dalam menangani bencana akibat La Nina. Persiapan-persiapan serta tindakan tersebut antara lain adalah dengan mengenal pasti tempat-tempat yang terdedah dengan banjir dan risiko tanah runtuh, mencari dan menyelamatkan, pemindahan mangsa-mangsa, perkhidmatan kesihatan dan perubatan, bantuan logistik, kebajikan mangsa-mangsa di pusat-pusat pemindahan dan lain-lain persediaan serta tindakan yang seumpamanya. Kerajaan tempatan juga telah diminta mengawasi pembangunan di lereng-lereng bukit untuk mencegah berlakunya tanah runtuh dan tanah longsor bila hujan lebat berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan N. Marimuthu musim tengkujuh bersama fenomena La Nina boleh menjejaskan kehidupan masyarakat serta keselamatan awam. Bagi mengelakkan daripada berlakunya impak yang besar terhadap nyawa dan harta benda kesan La Nina, agensi-agensi terlibat telah mengambil pelbagai langkah serta persiapan awal.

Dalam konteks ini, Jabatan Pengairan dan Saliran memainkan peranan utama dan telah menjalankan langkah-langkah 'disaster mitigation', dengan izin, bagi mengurangkan impak bencana akibat banjir daripada fenomena ini.

Selain daripada itu, lain-lain jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya, Penyiasatan Kajibumi, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya turut telah mengambil langkah-langkah bercorak 'mitigation' bagi mengurangkan impak bencana akibat fenomena La-Nina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jabatan-jabatan terlibat juga telah mengemaskinikan pelan kontinjensi masing-masing bagi menghadapi fenomena La-Nina ini. Usaha dan program berbentuk pencegahan, panduan/nasihat serta pendidikan tentang bahaya banjir juga ditingkatkan. Kerajaan-kerajaan negeri juga telah memberikan komitmen masing-masing selaras dengan langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah maklumat-maklumat awal yang diperolehi oleh pihak kementerian berhubung dengan La-Nina ini seperti tanda-tanda kedatangannya, tindakan-tindakan yang harus diambil oleh pihak-pihak agensi dan sama ada kementerian ini mempunyai satu jawatankuasa khas tindakan La-Nina ataupun diletakkan di bawah Jawatankuasa Bencana Alam di mana Yang Berhormat Menteri Penerangan yang menjadi pengerusi dan sektor-sektor yang mengalami banyak kerugian termasuk sektor pertanian, sektor perikanan – sektor-sektor yang melibatkan orang awam, bukan pengusaha-pengusaha kilang yang kaya, yang mendapat subsidi daripada kerajaan sahaja.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan yang dikemukakan. Kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia sentiasa mengamalkan atau mengawasi perkembangan terkini melalui imej-imej atau gambar-gambar daripada satelit dan ramalan-ramalan dengan menggunakan alat-alat yang lain. Setelah mendapat rumusan mengenai

keadaan kaji cuaca, maklumat ini disiarkan melalui Internet atau media cetak dan media elektronik dan juga dimaklumkan kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk makluman orang awam dan tindakan-tindakan seperti yang saya terangkan dalam jawapan saya, orang ramai adalah dimaklumkan atau

dinasihatkan langkah-langkah yang patut mereka ambil untuk menghadapi kerugian yang mungkin dihadapi oleh mereka.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, peristiwa tanah runtuh di Balik Pulau, Pulau Pinang yang berlaku baru-baru ini, adakah ianya melibatkan kecederaan ataupun nyawa manusia?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, tanah runtuh yang berlaku di Pulau Pinang hingga sekarang tidak ada bukti yang kukuh ia adalah berkaitan atau akibat daripada fenomena La-Nina. Walau bagaimanapun, mengikut catatan yang kita ada iaitu kadar purata hujan yang kita dapat, umpamanya pada tahun 1996 untuk bulan November puratanya adalah 259.5 milimeter dan tahun 1997, 207.1 milimeter untuk 19 hari dan tahun ini, bulan November kita ada dapat 516.9 milimeter untuk 22 hari. Mungkin ini ada sedikit sebanyak kaitan dengan tanah runtuh yang berlaku di pulau tersebut.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sebagaimana yang telah maklum, di akhir-akhir ini sering berlaku pencemaran air dan udara hasil daripada pembangunan industri dan kilang-kilang di tanah air kita ini. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan pejabat-pejabatnya di peringkat daerah-daerah untuk mengawasi lebih dekat lagi tentang pencemaran air dan udara?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan Yang Berhormat Senator terkeluar sedikit daripada soalan asal tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Senator tetapi ini tertakluk kepada kemampuan negara khasnya sekarang negara kita menghadapi kesusahan ekonomi. Mungkin ini ada dalam cadangan atau rancangan kementerian pada jangka panjang. Harap suatu hari nanti mungkin ini dapat dilaksanakan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan di bahagian negara manakah yang dijangka akan menerima bencana buruk La-Nina dan adakah maklumat ini telah disampaikan kepada bahagian-bahagian yang berkenaan?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, mengikut ramalan yang kita dapat sekarang, La-Nina yang sedang berlaku dalam negara ini adalah lemah dan mungkin akan meningkat sedikit kepada sederhana dan negeri-negeri yang mungkin menerima kesan yang lebih daripada negeri-negeri yang lain ialah negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Sabah.

MUSIM HUJAN – TINDAKAN MEMBAIKI JALAN YANG ROSAK

7. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan musim hujan sedang melanda negara ini apakah tindakan sedang diambil supaya membaiki dengan segera jalan raya utama dan lebuh raya yang rosak dan berluang-lubang kerana hujan lebat dan permukaan jalan menjadi lembut untuk mengelak kemalangan jalan raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan-jalan raya utama serta lebuh raya yang rosak dan berlubang-lubang sentiasa dijalankan. Bagi menghadapi musim hujan yang sedang berlaku, pihak JKR telah mempertingkatkan lagi kerja-kerja pemeriksaan ke atas jalan-jalan raya utama di seluruh negara bagi memastikan keselamatan para pengguna. Sekiranya terdapat kerosakan-kerosakan ke atas permukaan jalan atau di bahagian-bahagian tertentu jalan raya yang boleh mendatangkan bahaya, tindakan segera akan diambil.

Bagi maksud ini, selain daripada peruntukan penyelenggaraan jalan raya yang telah diperuntukkan setiap tahun, Kerajaan Persekutuan telah juga meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi maksud menghadapi fenomena La-Nina. Seterusnya bagi mengawal dan memantau keadaan keselamatan jalan raya pada musim hujan, satu laporan disediakan oleh JKR setiap dua minggu sekali mengenai keadaan banjir atau tanah runtuh yang mungkin berlaku di kawasan-kawasan jalan dan lebuh raya di seluruh negara. Laporan tersebut akan membantu JKR dan lain-lain pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan-tindakan susulan yang berkesan bagi mengatasi masalah yang berlaku.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan terutama Kementerian Kerja Raya sedar bahawa kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini sudah ada kecenderungan dilakukan pada akhir-akhir tahun sahaja, yang giat dibuat tetapi tidak berjalan mengikut jadual dari masa ke semasa. Kecenderungan ini sebenarnya tidak memberi manfaat kepada rakyat dan kepada pengguna, ia hanya untuk menghabiskan peruntukan yang ada. Itu satu segi.

Satu lagi, adakah pihak kementerian sedar bahawa kerja-kerja penyelenggaraan ini juga tidak dibuat mengikut kehendak alam semula jadi supaya masalah banjir juga boleh diatasi. Selain JKR buat jalan, ia tidak fikir dari segi saluran air yang hendak lalu mengikut jalan itu dan kebanyakan tempat di mana jalan yang baru dibuat selalu berlaku banjir terutama di negeri Perlis, bila JKR buat jalan, saluran air tersekat – berlaku banjir mengakibatkan kerugian kepada penduduk di sekitarnya dan ini adalah faktor-faktor yang perlu dibuat secara bersama dengan agensi lain. Apa pandangan kementerian ke atas masalah ini?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak benar kalau Kementerian Kerja Raya hanya membelanjakan wang tergesa-gesa pada hujung tahun yang akan mengakibatkan kerja-kerja tidak sempurna dilakukan. Sebenarnya kerja-kerja penyelenggaraan berjalan sepanjang tahun. Barangkali ada kes-kes tertentu di mana kerja-kerja yang perlu disiapkan di bawah syarat-syarat tender yang telah dikenakan keadaan kelam-kabut mungkin berlaku untuk menyiapkan kerja yang boleh menyebabkan ada perkara-perkara yang di‘over-look’, dengan izin. Itu satu perkara yang mungkin berlaku tetapi pada dasarnya kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan sepanjang tahun, tidak timbul soal hujung tahun baru kelam-kabut.

Yang kedua, soal sama ada JKR membuat perancangan atau tidak dalam melakukan satu-satu kerja. Soalnya ialah memang sama ada kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor ataupun JKR sendiri ada perancangan. Barangkali, dalam kes-kes tertentu bila satu-satu jalan ataupun sebuah longkang atau parit dibina, tidak berlaku perkembangan-perkembangan

pembangunan di sekitarnya yang tidak ternampak pada waktu pelaksanaannya. Kemudian berlaku banjir kilat dan sebagainya yang menyebabkan longkang tersumbat dan sebagainya. Ini boleh berlaku oleh kerana adanya perkembangan-perkembangan pembangunan di sekitarnya pada masa-masa tertentu. Saya tidak menafikan kadang-kadang kelemahan dari segi JKR pun ada, ini kita terima – teguran-teguran yang diberi. Kadang-kadang, orang kata ‘nature’, kehendak alam yang berlaku tidak dapat kita elakkan. Namun demikian, kita sentiasa berwaspada dan memantau keadaan-keadaan seperti ini supaya dapat kita baiki dari masa ke semasa.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dengan berlakunya banjir baru-baru ini yang melibatkan lebuhraya dan dua kawasan, satu di Alor Bongsu, Perak dan satu di Pulau Pinang, lebuhraya di kawasan berkenaan telah terpaksa ditutup buat sementara waktu dalam satu ketika kerana tidak dapat dilalui. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapa banyakkah kerugian yang dialami oleh kerajaan akibat daripada banjir yang mengakibatkan lebuhraya dan dalam jangka panjang adakah pihak kerajaan bertujuan untuk memperbaiki ataupun mencadangkan satu perubahan struktur yang perlu dibuat supaya kawasan-kawasan ataupun lebuhraya yang ada dalam negara kita ini tidak akan terganggu oleh banjir seperti yang berlaku baru-baru ini yang saya kira tidaklah begitu besar sebenarnya.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, keadaan banjir yang berlaku dekat Alor Pongsu dan juga di Lebuhraya NKVE Shah Alam, sebenarnya ianya berlaku di jalan raya PLUS dan kerugian yang berlaku belum dapat kita ketahui daripada pihak PLUS sendiri. Begitu juga dengan Pulau Pinang dan tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah sekarang pihak PLUS sedang mengkaji sebarang kemungkinan sama ada hendak membuat ban iaitu benteng bagi mengelakkan air daripada melimpah ke jalan raya pada masa depan atau hendak meninggikan jalan (raise) supaya sebarang banjir besar tidak akan melimpah ke atas jalan. Ini disebabkan oleh

kerana apabila hujan lebat yang berlaku di Utara iaitu memenuhi Empangan Pedu, air melimpah ke Sungai Muda kemudian terus melimpah ke jalan raya.

Jadi, ekoran daripada perkembangan-perkembangan pembangunan di persekitaran Sungai Petani yang begitu pesat, banyak tempat yang didapati telah memberikan laluan kepada air kepada tempat-tempat yang menerima bencana seperti Alor Pongsu dan juga Tikam Batu dan begitu juga halnya di Shah Alam – di Lebuhraya NKVE didapati Sungai Semantan yang ada sekarang semakin hari semakin cetek akibat daripada perkembangan pembangunan di persekitarannya yang mengakibatkan asas sungai (river base) sudah naik menyebabkan bila hujan lebat, air melimpah ke atas jalan.

Jadi, dalam kes ini sekarang pihak PLUS sedang mengambil tindakan bagi mengatasi sama ada hendak memasang ban ataupun hendak meninggikan jalan yang ada bagi mengelakkan banjir berlaku lagi di masa hadapan.

TNB DAN IPP – PERBINCANGAN UNTUK MENGURANGKAN CAJ

8. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah kesan daripada perbincangan di antara TNB dan enam pengeluar tenaga persendirian (IPP). Berapakah caj untuk satu unit dan adakah pihak IPP bersetuju untuk mengurangkan caj ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perundingan semula di antara TNB dengan IPP bagi mengkaji semula terma dan syarat perjanjian penjualan tenaga ataupun dengan izin, PPA telah pun berlaku. Sehingga kini perkembangan positif yang dicapai antara kedua-dua pihak ialah persetujuan dalam mengubah penjadualan pembayaran yang mana dalam masa pendek akan membantu pihak TNB mengurangkan masalah aliran tunai yang dihadapinya sekarang ini. Caj seunit untuk setiap IPP adalah berbeza. Mengikut PPA yang dimeteraikan di antara IPP dengan TNB berdasarkan harga gas sebanyak RM6.40 satu, dengan izin, Million British Thermo Unit (MMPTU) dan lot factor loji janakuasa sebanyak 72.7%

bagi kesemua IPP. Caj seunit elektrik yang dikenakan ke atas TNB adalah seperti berikut:

- (i) YTL Power Generation Berhad – RM15.05 sen seunit.
- (ii) Segari Energy Venture Sdn. Bhd. – RM15.15 sen.
- (iii) Genting San Yen Power Berhad – RM13.07 sen.
- (iv) Port Dickson Power Sdn. Bhd. – RM15.01 sen.
- (v) Power Tech Berhad – RM15.28 sen.

Sehingga kini pihak IPP tidak bersetuju untuk memberi apa-apa pengurangan caj yang dikenakan ini. Buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk campur tangan di dalam perundingan di antara kedua-dua pihak dan berharap mereka akan teruskan usaha bagi mencari penyelesaian demi kebaikan negara dan rakyat bersama.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Pagi ini kita lihat dalam akhbar bahawa janakuasa yang berada di Klang akan dijemput IPP membeli 40%. Ini tidak dapat tidak, kita tidak dapat mengelakkan kerana bagi mengatasi masalah Tenaga Nasional Berhad sendiri. Adakah kementerian faham dengan terjualnya 40% daripada saham dalam janakuasa ini kita akan menghadapi masalah esok hendak menurunkan harga-harga seperti dalam rundingan kerana 40% investment daripada Syarikat IPP itu bukan sedikit, rebatnya beratus-ratus juta dan melibatkan pinjaman bank. Sudah pastilah IPP yang membeli itu memerlukan harga jualan unit-unit itu dengan harga yang lebih baik. Apakah pendapat kementerian dengan menjual janakuasa yang berada di Klang itu, kita dapat mengurangkan masalah-masalah meskipun Tenaga Nasional Berhad berhak mengawal 100% dalam perjanjian? Akan tetapi saya rasa dari segi harga unit, kita Tenaga Nasional tidak mampu berbincang dengan IPP. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi, pihak kerajaan tidak akan campur tangan dalam perundingan di antara kedua-dua pihak IPP dan juga TNB. Kita juga tidak akan campur tangan dalam business harian yang dijalankan oleh pihak TNB. Memang TNB

sekarang menghadapi masalah aliran wang tunai. Ini bukan oleh kerana pentadbiran ataupun management yang tidak sihat. Ini adalah akibat daripada kemerosotan nilai wang Ringgit, oleh kerana sebahagian besar daripada pinjaman TNB adalah dalam bentuk Dolar Amerika. Maka untuk menyelesaikan masalah yang dianggap berat juga dihadapi oleh TNB, TNB digalakkan untuk mencari jalan menyelesaikannya. Maka dengan menjualkan sebahagian daripada janakuasa yang sedia ada yang dimiliki oleh TNB ataupun saham yang dimiliki oleh TNB dalam IPP. Ini memang merupakan satu cara penyelesaian yang didapati mungkin berkesan dalam jangka masa yang pendek.

Walau bagaimanapun apa jua perjanjian ataupun penyelesaian yang didapati di antara kedua-dua pihak, kerajaan tidak akan membenarkan harga elektrik di dalam negara ini naik sebelum tahun 2000 ini. Ini memang merupakan satu janji kerajaan kepada rakyat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejak daripada kerajaan meluluskan beberapa IPP akhir-akhir ini, berapa buahkah yang telah dapat dilaksanakan, berapa buah lagi yang belum dapat dilaksanakan, apakah bantuan yang kerajaan berikan kepada IPP yang dicadangkan di negeri Perlis yang sehingga ini belum lagi dilaksanakan, memandangkan negeri Perlis adalah terletak di antara negeri-negeri yang terlibat dengan IMT-GT. Sepatutnya kerajaan memberikan keutamaan kepada lokasi-lokasi yang penting dan strategik begini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, IPP yang telah dilaksanakan adalah seperti mana yang saya sebutkan tadi daripada YTL sampai kepada Power Tech, kelima-lima buah IPP ini telah pun dilaksanakan. Satu lagi IPP yang telah diluluskan kepada pihak TNB iaitu Janamanjong, ini telah pun dilaksanakan sebahagiannya tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi permintaan elektrik telah pun kurang sekarang. Pada masa sekarang TNB ada lebih elektrik sebanyak hampir 50%, lebih kurang 48% dan kita jangka dalam dua, tiga tahun yang akan datang ini boleh memenuhi segala permintaan oleh seluruh Semenanjung Malaysia ini, maka selain daripada IPP yang telah dilaksanakan ada juga dua, tiga buah lagi yang diluluskan tetapi belum

dilaksanakan dan pihak kerajaan meminta supaya perkara ini dikaji semula. Bukan kaji semula kelulusannya tetapi mengkaji semula tentang pelaksanaannya memandangkan keadaan lebih elektrik yang dialami oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal Jawab Lisan telah pun selesai ya.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 56 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.' *[10 Disember 1998]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin menyambung. Sudah cakap bukan, baru mula hari inikah?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, baru bermula, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baru bermula, akan bermula hari ini ya.

11.14 pagi

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua sebab hari Khamis dahulu tidak ada sangat Ahli-ahli Dewan Negara yang hendak berucap. Saya telah pun mulakan ucapan saya tetapi disebabkan kesuntukan masa terpaksa, Tuan Yang di-Pertua, memberi saya masa untuk sambung semula pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan saya pada petang hari Khamis yang dahulu. Saya bercerita berkenaan dengan bas, jadi saya hendak habiskan dahulu perkara-perkara yang saya fikir patut saya bangkitkan sebelum saya pergi kepada Belanjawan 1999 ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bas – yang cerita bas hari itu. Akhirnya bas ini bertolak dari Perhentian Bas Jalan Pekeliling pada pukul 10.45 pagi setelah pemandu yang dua orang bertukar-tukar mengambil sarapannya. Pemandu ini sepatutnya membawa bas itu pada pukul 12.00 tengah hari, disebabkan jadualnya tidak teratur, penumpang-penumpang tidak diberitahu berkenaan dengan terlambatnya bas ini bertolak, jadilah satu masalah di Perhentian Bas Jalan Pekeliling.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berharap pada masa akan datang pihak kerajaan akan mengambil tahu sedikit berkenaan dengan kedudukan bas yang telah pun usang dan tua ini yang 'sub'nya tidak begitu baik, sampai ke Kuantan, sahabat saya itu demam. Bas-bas ini pula terlalu laju, sebab apa bas ini laju, disebabkan pemandu-pemandu ini gaji mereka hanyalah RM750.00, apabila banyak kali dia boleh bawa bas, banyaklah dia dapat elaun. Disebabkan itu dia hendak bawa cepat, balik pun cepat.

Begitu juga pada suatu masa dahulu lori-lori balak, kita dapati pada masa harga balak naik tinggi, banyak lori balak yang berkeliaran di jalan raya sampai dua, tiga trip ia memunggah balak. Oleh itu banyaklah kemalangan jalan raya yang berlaku disebabkan sekali trip itu dia dapat RM1,000, kalau tiga trip sudah RM3,000. Jadi semua pemandu mengambil kesempatan untuk mencari kewangan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perhentian bas yang telah pun dibawa beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini iaitu Perhentian Bas di Puduraya amat sesak, penuh dengan asap carbon monoxide dan tidaklah begitu teratur. Jikalau kita pergi ke Puduraya menunggu bas, kalau tiap-tiap seorang yang berulang alik ke Terengganu, ke Kelantan, seminggu sekali, kalau duduk di situ saya rasa dalam enam bulan, kalau pergi periksa doktor kemungkinan dia dapat kanser paru-paru. Inilah masalahnya. Walau bagaimanapun,

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin

Kamaluddin. Dalam sebulan atau dalam setahun berapa kalikah Yang Berhormat berada di Perhentian Puduraya di atas tohmahan-tohmahan yang telah Yang Berhormat katakan tadi?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya tidak banyak kali saya pergi tetapi adalah dalam tiga kali. Tetapi tidak perlulah kita pergi banyak kali sangat, kita pergi sekali kita sudah tahu. Jadi dari segi lalu lintas di Perhentian Puduraya itu adalah satu jalan lalu lintas yang sesak dan amat ketara pada masa sekarang ini. Oleh itu saya harap pihak kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih tegas lagi berkenaan dengannya.

Selepas ini saya hendak pergi kepada apa yang berlaku di Dewan Parlimen ini. Daripada luar pemandangan Parlimen kita nampaknya cantik, tersergam, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi yang membawa – tengok ke belakang dan ke hadapan, gelap sana itu. Saya tidak nampak pegawai-pegawai kerajaan yang duduk di belakang itu dan jikalau ada Ahli Dewan Rakyat di belakang itu, saya pun tidak berapa nampak tetapi setakat ini semenjak saya hampir empat tahun di dalam Dewan Negara ini saya tidak dapat menengok Ahli Dewan Rakyat sekalipun datang duduk di belakang untuk mendengar apa yang kita bincangkan di dalam Dewan yang mulia ini, melainkan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sahaja. Tetapi Ahli Dewan Negara ada pergi ke Dewan Rakyat untuk mendengar ucapan-ucapan mereka supaya kita dapat perbandingan dan ilmu yang lebih lagi daripada mereka tetapi Ahli Dewan Rakyat tidak pernah datang ke sini, barangkali disebabkan gelap di belakang itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya dahulu dalam lobi Dewan Negara ada komputer, sekarang ini tidak ada komputer. Jadi kalau kita hendak buat research, hendak buat rujukan, kita kena buat di rumah kita sendiri. Mesin fotostat pun di dalam Dewan ini pun tidak ada, di luar itu ada satu sahaja, kalau kita hendak fotostat nota atau bahan-bahan untuk kita berucap di sini, kita kena minta tolong. Mengapa tidak boleh diletakkan satu dalam lobi Dewan Negara,

mengapa tidak ada satu komputer dalam Dewan Negara, mengapa tandas-tandas airnya masih lagi terbuka, tidak boleh ditutup, mengapa masih lagi tandas-tandas tidak begitu bersih, mengapa tempat duduk taklimat, kerusinya macam terperosok ke dalam, sakit punggung, mengapa tidak ada pertukaran, mengapa apabila kita hendak bercakap kena gunakan microphone di hadapan menteri, microphone yang berada di belakang itu tidak boleh didengar. Mengapa ini semua berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, patutlah kita mengambil tindakan walaupun kita dalam keadaan kegawatan ekonomi tetapi Parlimen mesti mendapat kedudukan yang tertentu, Parlimen ini supreme, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kedudukan Parlimen ini mestilah dijaga, kedudukan Dewan yang mulia ini mestilah dijaga supaya tidak ada lagi orang-orang mengatakan bahawa Dewan Negara ini dead wood, kalau Ahli Dewan Rakyat datang kemungkinan dia tidak sangka yang Ahli Dewan Negara ini adalah dead wood dengan izin.

Tuan Long bin Jidin: Bangun.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat laluan kemungkinan laluan-laluan saya banyak sangat benda yang saya hendak bangkitkan dan jikalau di dalam ucapan saya ini banyak saya beri laluan sebab perkara-perkara yang saya bangkitkan ini adalah satu perkara yang kadang-kadang Dewan Rakyat pun tidak pernah bawa, itu sebabnya banyak rakan-rakan saya hendak bertanya kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya beri laluan.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Mohd Zuki. Bolehkah Yang Berhormat Dato' Mohd Zuki derma satu komputer untuk Dewan Negara ini, di dalam bilik rehat Ahli-ahli Parlimen di Dewan Negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah adil jikalau saya hendak menderma sebuah komputer, saya rasa kalau kerajaan tidak boleh mengadakan komputer Kelab Senator boleh mendermakan, sama-sama kita contribute. [*Bertepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkhidmatan (service) di Parlimen ini, pihak-pihak pegawai-pegawai kita, pangkat dia lambat sikit naiknya, tidak tahulah disebabkan jawatan tertutupah atau tidak, tetapi ini pun mesti dapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak bawakan, berkenaan dengan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat ini. Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang kita telah pun tahu dan baca ada sesetengah sampai 90 menjadi Lembaga Pengarah. Mana ada masa Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan supaya kerajaan atau ROC dengan izin, Registrar of Company memikirkan untuk meminda Undang-undang Akta Syarikat 1965 itu supaya Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang menduduki syarikat-syarikat yang kerajaan ada saham dalamnya dihadkan kepada 10 sahaja. Tidak boleh lebih daripada itu. Yang syarikat-syarikat bersendirian ini susah sedikit hendak tentukan sebab syarikat kepunyaan sendiri tetapi kepada saya kalau seorang itu duduk dalam 50 syarikat sebagai Lembaga Pengarah, walau pun syarikat sendirian jadi dia tidak akan memberi hasil kepada syarikat itu, tidak ada input kepada syarikat itu, oleh itu satu perkara patutlah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang saya hendak perkatakan, walau bagaimanapun kita ada masa, saya hendak membahagi masa kepada sahabat-sahabat saya oleh itu saya memendekkan ucapan saya dan pergi kepada Belanjawan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut senarai ini banyak sangat, Yang Berhormat Dato' Haji Sairin bin Karno satu jam ia hendak berucap, jadi kalau satu jam dia berucap biarlah saya satu jam setengah pun cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa minggu ini banyak telah diperkatakan mengenai dengan perbelanjaan, jadi tidak perlulah bagi saya untuk mengulangi lagi selain dari mengatakan bahawa belanjawan tahun 1999 ini adalah belanjawan yang mengembangkan dan sesuatu yang boleh memberi

nafas baru untuk memulihkan ekonomi negara kita. Sesuatu belanjawan itu hanyalah bagus setakat mana ia dilaksanakan. Dalam lain perkataan dengan izin, in other word, kebaikan sesuatu belanjawan itu akan hapus tidak memberi makna jika ia tidak dilaksanakan dengan betul. Dalam kontek inilah saya akan meneruskan perbahasan saya mengenai dengan Belanjawan 1999.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah berani untuk melindungi negara kita dari spekulator, penyerang mata wang untuk menstabilkan mata wang kita dan mencergaskan semula ekonomi negara. Sememangnya langkah-langkah ini akan membawa kita ke alam baru dengan cabaran baru dengan satu harapan yang ia akan berjaya, insya-Allah.

Perkembangan dalam masa tiga setengah bulan yang lalu telah menunjukkan yang ia amat berkesan. Rizab luar telah melonjak naik dengan US\$4 bilion menjadikan US\$24 bilion, pasaran saham telah meningkat dua kali ganda jumlahnya, kadar faedah telah meningkat dua kali ganda juga dan kadar faedah berian pinjaman asas telah turun kepada 7% daripada 11.7% pada pertengahan bulan Ogos. Izinkan saya juga mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana telah melaksanakan ini tetapi sepanjang masa tiga bulan setengah ini bukanlah satu masa untuk menetapkan aliran wang yang benar. Sebagai penunjuk jangka pendek sahaja yang boleh memberi jaminan bahawa pemulihan yang berkekalan akan membawa negara ke arah perkembangan ekonomi yang sihat.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyuarakan di sebalik kemelesetan pertukaran asing menetapkan Ringgit ke Dollar Amerika kawalan baru yang ketat atau urus niaga saham kita mesti jangan kita merasa lega dengan petunjuk-petunjuk yang mengatakan ekonomi ini akan pulih. Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berhati-hati kerana kejayaan awal kawalan pertukaran wang asing akan disalahertikan dan kerajaan sudah biasa dengan pengawalan pertukaran asing akan terus mengekalkan kawalan pertukaran wang asing ini. Kita mesti elakkan pengalaman beberapa buah negara yang menggunakan kawalan modal untuk melambatkan penyelesaian hutang tidak berbayar (NPL) dan sistem perbankan kita. Kita mesti menyedari hakikat

bahawa penurunan kadar faedah memang baik untuk perdagangan tetapi terlalu rendah ia akan menjejaskan bank-bank yang masih cuba bertahan untuk hidup.

Satu lagi ketidakpastian ialah penurunan kadar akan membawa kesan buruk jika kadar itu tidak memberangsangkan permintaan dalaman, yang berupaya untuk menyegarkan kembali sektor korporat. Jika begitu kadar-kadar bank dan sektor korporat tidak akan mendapat faedah yang cukup untuk memberi nafas baru kepada pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi pihak kerajaan ada menyebutkan bahawa tindakan tegas akan diambil kepada bank-bank yang tidak sudi memberi pinjaman untuk menggerakkan kecairan wang di dalam negara kita ini. Ada sebab-sebabnya yang bank ini liat sedikit untuk memberi pinjaman satu daripadanya ialah pada masa ini ratio pinjaman kepada deposit adalah terlalu tinggi telah mengjangkau 95% kalau dibandingkan dahulu 80% sahaja.

Yang keduanya, berkenaan dengan ekonomi yang tidak menentu, pihak bank akan takut untuk memberi pinjaman.

Yang ketiganya, bank banyak hutang lapuk yang masih belum dapat dikutip.

Yang keempat, bank-bank ini termasuk Public Bank, suka memberi pinjaman antara bank sahaja disebabkan pinjaman yang diberi antara bank ini adalah lebih selamat dan jikalau bank ini mula memberi pinjaman kepada sistem korporat bank-bank kecil akan susah untuk mendapat pinjaman, dengan izin, there will be a scramble for loan, bank-bank kecil ini hidupnya untuk pinjam daripada bank-bank yang besar. Itulah satu daripada sebabnya mengapa kerajaan cuba menyatukan bank besar dengan bank kecil dan bank besar dengan bank besar yang kuat tetapi janganlah menjatuhkan bank yang lemah dengan bank yang lemah, ia menjadi lagi lemah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan apa yang telah saya perkatakan tadi, sebagai penambahan kepada strategi pemulihan dalam melaksanakan langkah-langkah kawalan pertukaran, kita mesti mengadakan pengawasan dan pemantauan yang ketat dan pada masa yang sama membenarkan ruang kemuluran ataupun kelonggaran untuk menerima pakai dasar-dasar baru bila diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah juga kepada kerajaan yang telah menetapkan kadar RM3.8 kepada US\$1 kerana ini telah membawa kestabilan Ringgit kepada kita. Ini tidak sepatutnya menjadi sesuatu yang kekal dan perlu pemantauan rapi kerana menetapkan ini, nampaknya sudah tidak sehaluan dengan nilai sebenar Ringgit semenjak tiga bulan kebelakangan ini sebabnya mata wang rantau ini telah pun naik berbanding dengan Ringgit. Ini telah membuat kita berdaya saing di rantau ini tetapi bolehkah kita membenarkan mata wang kita terus jatuh nilainya berbanding dengan mata wang rantau ini.

Dahulu kita ada perjanjian Bretton Woods di mana satu auns emas bersama dengan US\$34 dan masa itu Dolar dan Ringgit ini ditentukan oleh emas tetapi apabila masa berlalu dia tidak lagi ditentukan oleh emas tetapi telah ditentukan oleh spekulator dan juga orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk membuat duit dengan banyak dalam masa yang singkat tetapi negara-negara seperti negara China, misalnya, the Renminbi itu tidak diturunkan nilainya sebab kerajaan menetapkan dan sekarang ini kerajaan Malaysia pula menetapkan RM3.8 ke US\$1.

Apa yang saya mahu menekankan ialah patutkah kita menilaikan semula Ringgit ini, jikalau dilakukan sekarang, di tahap mana? RM3.5 atau RM3.4 untuk US\$1 tetapi adakah masa ini sesuai untuk penetapan semula, hanya selepas tiga setengah bulan sahaja dan ini akan membuat kita dikritik kerana dana kita tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mata wang ini, bilakah kita sepatutnya hapuskan penetapan ini, adakah pasaran gelap akan wujud akibat penetapan ini? Patutkah kita mengikut pendekatan cara negara China misalnya, dalam kawalan mata wang tetapi tanpa menetapkannya.

Saya menyokong penuh langkah sekatan pembelian dan penjualan saham yang diberi ke atas pembeli asing yang hanya boleh membawa wang mereka keluar selepas satu tahun sahaja kerana ia boleh menyekat spekulator asing di BSKL. Pada masa yang sama saya rasa bila BSKL sudah mula stabil dan menunjukkan kemajuan, kerajaan sepatutnya melonggarkan sedikit

sekatan-sekatan itu supaya ia dapat menaikkan pasaran untuk menarik kemasukan dana asing.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan langkah-langkah seperti berikut. Tempoh sekatan untuk membawa keluar wang pelabur asing patut dilonggarkan ataupun dilonggarkan beransur-ansur, misal kata dari satu tahun ke enam bulan. Sekatan ini patut dihapuskan bila indeks komposit BSKL mencapai tahap 680 mata. Baru-baru ini Malaysia telah pun dilucutkan daripada Morgan Stanley Capital Indexes sebab polisi yang kita ada sekarang ini dan apabila ini menurun, jadi pelabur-pelabur yang hendak masuk untuk melabur di negara kita ini telah pun tertanya-tanya.

Usaha kerajaan untuk menyelesaikan masalah hutang tidak berbayar (NPL) secara berdepan dengan menubuhkan Danaharta dan Danamodal adalah suatu langkah yang bijak tetapi kita jangan lupa bahawa kita menggunakan sumber kewangan yang berkurangan....

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita jangan lupa, bahawa kita sekarang ini menggunakan sumber kewangan yang berkurangan untuk menyelesaikan masalah ini dan kita tidak boleh gagal dalam usaha ini. Masalah hutang tidak berbayar (NPL) adalah masalah yang terbesar dalam krisis kewangan yang masih berterusan dan usaha mulia Danamodal dan Danaharta mesti menjamin kejayaan kerana kegagalan akan menyebabkan negara kita menjunam jauh ke dalam masalah hutang dan krisis kewangan yang lebih besar lagi.

Bagaimana untuk mengelakkan perkara ini dari berlaku, mulanya Danaharta dan Danamodal mestilah memastikan bahawa bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang mendapat bantuan betul-betul akan membuat penyusunan semula dan bukan untuk melengahkan langkah usaha itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberitahu Dewan ini, kita tahu ada sebelas bank yang akan diambil alih oleh Danamodal, sebelas buat

sementara ini, bank-banknya tidak perlu saya sebut. Saya sebut satu dua sudahlah. Yang banyak sekali MBf Finance Berhad – RM3.893 bilion, nombor dua RHB Berhad – RM1.660 bilion. Ia ada sebelas, banyak lagi bank yang diambil alih oleh Danamodal dan Danaharta. Danamodal dan Danaharta ini, ia mengambil alih ini mendapat diskaun, Tuan Yang di-Pertua, di antara 30% – 50% yang secured loan NPL tadi yang tidak bergerak, tidak berbayar tadi ia pun dapat diskaun kalau tidak bagaimana ia hendak buat keuntungan sedikit. Yang 50%nya – RM30 bilion yang hendak diambil alih. Jadi yang 30% diskaun tadi adalah RM21.4 bilion. Ini peringkat yang pertama yang akan diambil alih oleh Danamodal. Di sini saya ingin membuat pertanyaan, untuk ketelusan, yang hendak membeli tidak tahu sangat keadaan bank ini, yang menjual NPL tadi tetapi yang menjual itu tahu. Sekarang ini ada pula diskaun, bagaimana kita hendak tahu ketelusan, bagaimana nilai-nilai bank-bank ataupun pinjaman-pinjaman yang diambil alih oleh Danamodal tadi. Adakah pihak penilaian ini berterusan, adakah penilaian ini dibuat secara pandang dari jauh sahaja seperti yang berlaku dahulu di mana pinjaman diberi kepada seseorang yang mempunyai tanah di Kelantan contohnya yang harganya hanya RM10,000 tetapi pinjaman beri RM50,000 apabila tidak berbayar hendak foreclose tanah itu, tanah itu tidak ada harga. Saya harap penilaian yang dibuat ini adalah betul. Saya tidak menyangka sekali-kali, saya tidak sekali-kali hendak menyatakan bahawa penilai-penilai ini menjalankan perkara yang tidak betul. Mereka adalah satu profesion yang kita sanjung tinggi seperti juga profesion yang lain tetapi kita mesti mengambil perhatian dengan izin monitor the works of all this chartered surveyor and the penilaian-penilaian yang akan membuat kerja-kerja seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mulanya Danaharta dan Danamodal mestilah memastikan bahawa bank-bank tadi dan institusi kewangan yang mendapatkan bantuan betul-betul akan membuat penyusunan semula dan bukan untuk melengah-lengahkan usaha itu.

Kedua, Danaharta dan Danamodal sepatutnya menjalankan sistem 'rombak' atau peraturan yang baru agar hutang tidak berbayar NPL tadi yang diperolehi dapat disusun semula untuk tujuan yang produktif dan bukan untuk spekulatif.

Ketiga, Danaharta dan Danamodal tidak boleh bertolak ansur tidak ada kompromi dari segi kecekapan, profesionalisma dan keteguhan dalam tujuannya itu. Ia juga tidak boleh bertolak ansur di atas ketelusan transparency dan penzahiran ataupun disclosure. Penubuhan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat adalah langkah yang amat bijak tetapi jawatankuasa ini mestilah boleh bertindak secara bebas dan dengan ketelusan. Pengurangan nisbah rizab berkanun (SRR), perkara ini adalah bagus kerana ia membolehkan bank-bank mempunyai kecairan lebih untuk memberi pinjaman yang boleh mencergaskan semua pemulihan sektor korporat tetapi kelonggaran yang lebih dalam nisbah rizab berkanun menjurangkan rizab bank. Ini akan mendatangkan risiko kewangan kepada penyimpan-penyimpan jika bank itu menemui kegagalan. Yang sebenarnya bukan ada tambah kewangan dalam bank hanya rizab bank tadi yang tinggi dahulunya sekarang ini telah pun berkurangan. Bermakna rizab di dalam bank itu sekarang ini boleh digunakan untuk pinjaman. Tidak bermakna pengurangan rizab ini membanyakkan duit dalam bank, tidak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan, Bank Negara sepatutnya mengenakan pengawasan yang lebih ketat terhadap bank-bank dan institusi-institusi kewangan dan peraturan penzahiran dan ketelusan pinjaman bank patut diperbaiki. Inilah satu sebabnya negara-negara yang boleh bertahan yang banyak rizabnya seperti Singapura, Hong Kong China dan Jepun disebabkan pengawasan yang lebih ketat terhadap bank-bank dan institusi-institusi kewangannya. Tetapi Jepun ada sedikit masalah sebab terlalu banyak memberi kecairan kepada bank.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, pada pendapat saya patutlah dibuka kepada orang awam untuk mendengar apa yang

dibincangkan di atas syarat-syarat dapat kebenaran bertulis. Bermakna bukanlah pergi mesyuarat seperti kita ada satu dan dua saham kita dijemput pergi mesyuarat, tidak. Tetapi pada siapa yang patut pergi untuk mendengar perbincangan supaya semua orang tahu dan selepas itu patutlah laporan-laporan dibuat dalam Business Week dalam Monthly Business dan dalam apa juga buku-buku dan majalah-majalah berkenaan dengan ekonomi.

Saya menyokong penuh Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk membantu sektor hartanah kerana ia langkah yang betul khususnya memberi keutamaan kepada sektor rumah-rumah murah dan sederhana adalah satu tindakan yang amat terbaik. Izinkan saya mencadangkan satu langkah lagi. Kerajaan telah mengenakan syarat margin 30% untuk rumah murah bagi kebanyakan projek perumahan sebabnya rumah murah ini terdapat di tempat yang berkenaan sahaja. Kalau di Kenny Hill, Damansara Height tidak payahlah rumah murah, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan mengenakan syarat margin 20% untuk rumah sederhana murah di dalam projek perumahan-perumahan yang akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sedikit berkenaan dengan pemunya-pemunya kondominium. Pemunya-pemunya kondo merasa tidak puas hati terhadap syarat-syarat pengurusan dan penyelenggaraan projek-projek kondominium. Kerajaan sepatutnya mengadakan peraturan dan penguatkuasaan untuk mengawal syarat-syarat tersebut untuk menjaga kepentingan penghuni kondominium. Seseengah daripada kondominium-kondominium itu tidak ada pengurusan yang baik. Seseengah daripada kondominium-kondominium itu tidak mendapat strata title, dengan izin, bertahun-tahun walaupun mereka telah menghuni kondominium-kondominium itu.

Kondominium-kondominium ini daripada masa ke semasa patutlah juga diselaraskan sebab banyak perkara yang tidak diingini kadang-kadang berlaku di projek-projek kondominium-kondominium yang tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Banyak juga projek lain daripada kondominium, projek perumahan yang terbengkalai, separuh jalan dengan pembeli-pembelinya terperangkap setelah membuat bayaran yang dijadualkan. Kita pernah dengar dalam surat khabar banyak orang yang telah membayar deposit, sebanyak 10%, 20%

kadang-kadang rumah itu tidak siap, kadang-kadang projek rumah itu ada juga yang tidak ada. Apakah langkah kerajaan untuk membantu pembeli-pembeli sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembira melihat bahawa pelaburan asing telah tidak terjejas meskipun ada kawalan pertukaran wang asing. Pelaburan asing sangatlah mustahak kerana ia telah menjanakan pertumbuhan pesat untuk sembilan tahun yang lepas. Kita tidak sepatutnya mengurangkan usaha-usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara kita. Dalam hal ini saya rasa kita harus bekerjasama dengan negara-negara yang telah banyak menyumbang kepada pelaburan asing, bukan bermusuhan dengan mereka. Pelaburan asing merupakan saluran terbaik kemasukan kewangan ke negara kita ini.

Dari tahun 1990 hingga 1997 purata kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia ialah 8.7% setahun. Pada tahun 1996 kemasukan modal bersih swasta berjumlah US\$12.1 bilion bersamaan dengan 1/8 daripada KNK Malaysia. Pada hakikatnya pelaburan asing sahaja pada tahun 1996 berjumlah US\$4.5 bilion. Ini adalah US\$1 bilion lebih daripada negara Itali terima pada tahun yang sama. Negara Itali adalah termasuk dalam Kumpulan G7. Kita lebih daripada negara Itali pada tahun 1996. Di dalam usaha kita untuk menambahkan rizab asing. Ada juga yang menghampakan.

Saya sedih memerhatikan walaupun dengan pertumbuhan yang kukuh untuk sembilan tahun lepas dengan rizab yang kukuh, kita tidak berjaya untuk mengumpul rizab yang kukuh yang boleh bertahan untuk menjadikan benteng yang boleh menjadikan Ringgit kita lebih kental kepada spekulasi mata wang dan untuk memberi kita rizab yang telah digunakan semasa kegawatan seperti sekarang. Mengapa kita tidak sedar dalam masa kita baik dahulu untuk menjana rizab yang lebih banyak, mengapa Singapura tidak begitu teruk, sebab rizabnya tinggi. Mengapa Jepun yang tertinggi sekali rizab dalam dunia, cara dia menyelenggara itu tidak betul. Walaupun duit banyak, nombor satu sekali rizab yang terbanyak dalam dunia pada saya adalah Jepun bukan Amerika. Hong Kong banyak rizabnya, Singapura banyak rizabnya

Jadi mengapa masa kita senang dahulu, kita tidak berfikir. Mengapa bila susah baharu kita berfikir. Ini selalu terjadi kepada manusia, bila masa senang, senang lenang, bila susah, oh! patut saya simpan duit sedikit. Jadi saya bertanya kepada kerajaan, mengapa perkara ini tidak difikirkan dahulu masa kita senang. Rizab sekarang yang bernilai RM23.7 bilion adalah kerana kejatuhan nilai Ringgit, di mana sekarang ianya bernilai RM3.8 kepada US\$1` sepatutnya bernilai RM2.5 dahulu. Pertambahan rizab ini berdasarkan penurunan nilai Ringgit yang bukan bermakna fundamental dan oleh itu ia terletak di atas yang tidak kukuh. Asas ini boleh hilang secepat mana dia datang bila tanpa pertukaran menjadi fundamental untuk menambahkan rizab keluaran kita sebaik sahaja ekonomi kita pulih kembali.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, yang menghampakan bagi saya ialah kenaikan yang agak rendah cukai perjudian atau cukai dosa ataupun dengan izin, sin tax iaitu hanya 1% sahaja. Saya berpendapat cukai itu patut dinaikkan lebih tinggi lagi mungkin dari 7% ke 10%. Mungkin cadangan ini boleh dipakai untuk Belanjawan yang akan datang. Kenaikan sekarang untuk 1999 hanya dari 7% ke 8%. Ini tidak akan menjadi penghalang.

Tuan Yang di-Pertua kalau lalu di mana-mana gedung ataupun bandar penuh sesak orang berbaris, kadang-kadang kita ingat ada satu perkara yang ajaib atau perkara-perkara yang tidak kita ingini berlaku tetapi apabila kita lalu dekat kita dapati mereka membeli nombor-nombor ekor Magnum, 3D, Lumba Kuda, Toto, cukup ramai orang membeli dan pembeli-pembeli ini adalah yang berpendapatan rendah. Jadi oleh itu kita naikkan cukai judi ini. Saya tidak berapa setuju judi ini tetapi kalau kita naikkan cukai lagi supaya payah sikit orang hendak berjudi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saranan saya. Saya ini sebagai wakil Dewan Negara ini saya sudah berkata masa saya hidup. Bila tanya di akhirat esok, saya pun sudah berkata, ada banyak kali saya luahkan, Tuan Yang di-Pertua pun mendengar. Jadi saya harap saya akan terlepas daripada disoal jawab nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat peruntukan sebanyak RM50 juta untuk membantu industri kecil dan sederhana (IKS), SMI adalah bagus tetapi sebaik mana ia diberi dengan betul dan kepada yang layak menerimanya dan yang betul-betul komited terhadap membuat penyusunan dan penstrukturan, semua syarikat mereka ini untuk menyelesaikan masalah. Adakah mereka berbuat demikian, yang diberi pinjaman itu saya harap mereka dapat berbuat demikian. Menyuntik jumlah wang yang besar untuk membantu syarikat-syarikat strategik yang menghadapi masalah merupakan langkah terbaik, 'pump primary' yang bagus tetapi syarikat-syarikat yang tidak mahu berubah, apabila kita suntik, dia tidak berubah, apabila kita bagi injection, dia tidak baik, menjadikan penerimaan itu tidak wajar. Bermakna ubat itu salah diberi. Syarikat tersebut tidak mempelajari daripada kesilapan, kita jangan lupa pengalaman Jepun di mana langkah suntikan terbaik dengan izin, pump primary untuk memasukkan wang tunainya yang besar tidak berkesan. Itu masalah Jepun, dia masuk duit ke dalam bank, tidak berkesan. Rizab banyak masuk dalam bank.

Masalah di tanah air kita ini bukannya masalah kerajaan, kerajaan ada duit, masalah korporat dan masalah bank. Saya hendak tanya kerajaan, adakah NPL ini berkaitan dengan unemployment, dengan izin, is it correlated? NPL to unemployment in these country, sebab negara-negara ini ada correlation dia, dengan izin. Jepun tadi, tidak, dia masuk wang pun tiada kesan. Jadi patutlah Malaysia mempelajari daripada pengalaman Jepun dan mengambil langkah berjaga-jaga.

Tuan Yang di-Pertua, hampir satu jam saya sudah berucap, oleh itu saya hendak beri peluang kepada sahabat-sahabat yang lain. Jadi kalau saya hendak bercakap banyak lagi cadangan-cadangan saya banyak lagi untuk dicadangkan kepada kerajaan. Tetapi kita ada satu lagi rang undang-undang perbelanjaan tambahan, kemungkinan saya berucap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, ingatlah apa yang kita perkatakan dan laungkan tidak memberi makna sama sekali jika rakyat tidak dapat memberi kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada keikhlasan Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam perjuangannya untuk mengangkat bangsa Melayu dan Malaysia menjadi bangsa yang tidak boleh dipermainkan dan diperbudak-budakkan oleh negara Barat. Kita mempunyai pemimpin yang berkemampuan membawa kita untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang maju di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya mengagumi Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, bagi saya Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah pemimpin negara yang telah mengangkat maruah dan martabat bangsa di mata dunia. Bukanlah niat saya berdiri di sini untuk memuji Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad tetapi saya percaya dengan kata-kata bestari Inggeris, dengan izin, 'give credit where credit is due' iaitu memuji kepada yang patut dipuji. Beliau telah berjaya mengubah sikap dan pemikiran orang Melayu khususnya dan bangsa Malaysia untuk menjadi bangsa yang yakin dengan kemampuan diri sendiri untuk berdepan dan bersaing di persada antarabangsa di dunia global ini. Saya berdoa kepada Allah (S.W.T) agar melanjutkan usianya dan beliau sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan bertenaga untuk membawa kita ke alaf baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Sairin bin Karno.

12.03 tgh.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Walaupun Dato' Zuki menyebut tadi bahawa saya akan berucap satu jam tetapi rakan-rakan di belakang dan di sebelah kanan saya, ada yang nama-nama mereka tidak tertulis, jadi barangkali saya akan cuba untuk mengambil bahagian tidaklah sebegitu lama dan memberi peluang kepada rakan-rakan walaupun banyak point yang telah disediakan tidak dapat saya sampaikan, saya juga bersama dengan Yang Berhormat Dato' Zuki turut membahaskan dalam perkara-perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana walaupun dalam kegawatan ekonomi yang kita lalui, mudah-mudahan tidak berapa lama lagi kegawatan ini akan berlalu dengan tenang tanpa gangguan, namun kerajaan di atas keprihatinan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah bersetuju untuk memberikan bonus sebanyak RM400. Walaupun barangkali bila kita sebut RM400 cuma tiga angka tetapi bila kita lihat jumlah yang akan menerima ianya melibatkan satu jumlah wang yang begitu banyak yang tidak kurang daripada RM350 juta. Kepada kerajaan saya ingin mengucapkan tahniah, mudah-mudahan apabila kegawatan ini berlalu bonus tersebut akan terus dapat diberikan kepada mereka yang telah menyumbangkan tugas murni kepada kerajaan dan sama-samalah kita menjayakan kerajaan yang ada semoga kerajaan ini akan terus kekal sampai bila-bila.

Yang kedua, tahniah juga kepada kerajaan apabila mengenakan pengawalan wang Ringgit US\$1.00 sama juga dengan RM3.80. Saya berpendapat bahawa ini adalah satu langkah berani mati, silap-silap mati, silap-silap terus hidup. Alhamdulillah kebijaksanaan ternyata berpihak kepada kita apabila ianya berkesan dan ianya sekali lagi menjadi intipan dan menjadi cacian pihak-pihak spekulator terutama manusia yang bernama George Soros dan konco-konconya. Walau bagaimanapun kita memang mempunyai vision yang perlu kita jelaskan dan kita memang percaya bahawa kerajaan membuat kawalan Ringgit ini disebabkan ketidakyakinan dengan sistem kewangan dunia yang akhir-akhir ini dipermainkan oleh spekulator yang tidak bertanggungjawab. Saya juga turut memohon penjelasan untuk berapa lamakah kawalan ini mesti dilaksanakan, sebab apa, saya tidak perlu jelaskan kerana saya percaya Yang Berhormat Dato' Zuki juga telah memberikan alasan-alasan yang saya rasa lebih kurang sama.

Begitu juga dengan offshore yang diadakan di Labuan, sudah tidak ada lagi dan apakah yang akan terjadi kepada Pulau Labuan, untuk itu saya ingin meminta pihak kerajaan supaya mencari alternatif lain meskipun Universiti Malaysia Sabah akan mengadakan kampus cawangannya di Labuan, saya juga

merayu kepada kerajaan memikirkan apakah kerajaan boleh atau merancang untuk membuat sesuatu termasuk mendirikan sebuah universiti sesuai dengan kedudukan geografinya yang saya rasa cukup strategik di Asia Tenggara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Kabinet telah memutuskan bahawa mana-mana CEO Bank yang engkar atau gagal memberi pinjaman akan diambil tindakan. Sebenarnya kalau kita lihat, walaupun barangkali saya boleh sebut Bank Bumiputra atau sebuah bank yang mengalami kerugian bernilai RM1 bilion, namun saya tidak tahu atau barangkali belum dikeluarkan, tidak ada apa-apa tindakan baik kepada pegawai yang berkenaan atau CEO atau mana-mana bank, cawangan-cawangan bank yang ditutup, belum ada yang diambil tindakan dan yang patut ditutup pun belum ada. Hari ini kita mempunyai lebih kurang RM30 bilion floating di dalam bank, namun wang tersebut tidak diberi pinjam kepada peminjam sama ada pemaju perumahan ataupun mana-mana kontraktor, saya rasa Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hasan pernah menyuarakan di mana ramai kontraktor kecil dan besar terutama kontraktor bumiputera yang hari ini sedang menunggu untuk dibankrapkan oleh sebab tidak diberi pinjaman. Kalau ada wang pun yang hendak diberi pinjam, yang dipinjamkan hanya untuk menutup hutang dan melepaskan diri mereka daripada dikenakan tindakan bankrap.

Apa yang terjadi dengan pegawai-pegawai bank kita, apa tindakan yang kita telah ambil, walhal sebenarnya inilah nukleus perniagaan. Perdana Menteri telah mengumumkan semalam soal pinjaman perumahan, apa terjadi kepada bank-bank sekali lagi tidak memberi pinjaman, akhirnya inflasi, deflasi dan yang lebih parah bila berlaku stagflasi dari kedua yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, mana-mana bank yang tidak memberi pinjaman, tutup sahaja. Kalau kita baca apa yang terjadi dengan sebuah fund ataupun Long Term Capital Management Fund (LTCM), Martin Taylor, oleh kerana kegagalan beliau melaksanakan tugas beliau, maka beliau telah dipecat dan mereka revamp pengurusan. Tidakkah kerajaan boleh mengambil sekali-sekala tindakan kepada bank-bank ataupun pegawai-pegawai yang bertanggungjawab supaya mereka ini membuka mata dan memberi

respect kepada pihak kerajaan. Sehingga hari ini saya tidak tahu, belum ada tindakan yang diambil malah saya lihat, saya minta maaf, kadang-kadang kerajaan kita ini barangkali sama ada terlalu berhati-hati atau barangkali terlalu bertimbang rasa. Selalunya penguatkuasaan dikeluarkan, sebagai contoh telefon bimbit, di dalam kenderaan kita tidak boleh menelefon, tindakan akan diambil. Hari ini kita lihat seolah-oleh undang-undang yang telah kita luluskan telah kita keluarkan hanya menjadi 'momokan', menjadi bahan ketawa kepada rakan-rakan kita, ramai yang menggunakan, tindakan tidak ada juga diambil. Walhal sudah menjadi undang-undang.

Semalam saya makan di The Mall tingkat empat, di situ terpampang tulisan yang begitu besar, 'No Smoking', tidak boleh merokok, 'Terima kasih kerana tidak merokok'. Segala undang-undang yang sudah ada tetapi maaf-maaf sahaja, sekali saya lihat empat atau lima meja di situ dengan asap berkepu-kepu tanpa melihat, barangkali sengaja tidak melihat di situ ada amaran tidak boleh merokok. Mana penguatkuasaannya, mengapa penguatkuasaan undang-undang ini kita tidak buat. Walhal kalau orang Malaysia ke Singapura untuk membuang putung rokok pun mereka lihat RM5,000 itu seolah-olah RM500,000, mereka takut. Ada rakan saya dari Malaysia, saya rasa kita perlu dedahkan ini, sampah yang dia ingin buang, secara kebetulan kami berada di Singapura, dia ambil balik sampah itu dan masuk ke dalam kocek. Tetap i keluar ke Johor, toleh kiri-kanan barangkali dia fikir tidak ada orang yang nampak, dia buang.

Di Singapura dia tidak buang sampah tetapi di Malaysia dia buang sampah. Attitude apa yang ada kepada orang-orang kita ini. Meskipun kerajaan telah bermati-matian untuk menguatkuasakan tugas ini, namun nampaknya ia tidak dilaksanakan. Demikian juga dengan bank-bank, kalaulah ada satu-dua kita ambil tindakan, saya percaya bahawa mereka yang lain itu akan melihat itu sebagai satu perkara yang sepatutnya mereka akan laksanakan. Saya mohonlah kepada pihak penguatkuasa yang telah menentukan tugas-tugas, kalau barangkali kerana penguatkuasaan kita kurang, berilah kuasa kepada pegawai-pegawai kerajaan sebagai contoh atau orang-orang tertentu ataupun Member of

Parliament ini, beri kuasa boleh tegur, boleh beri amaran ‘tuan kawasan ini tidak boleh buang sampah’. Saya rasa respect kepada orang yang diberi tanggungjawab ini akan bertambah. Jadi, masalah kita ialah penguatkuasaan.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bila beliau sebut soal judi. Saya dari awal bersama dengan rakan-rakan di Dewan Negara ini memang telah meminta kerajaan bukan sahaja menaikkan cukai judi, barangkali macam Genting Highlands atau tempat-tempat eksklusif yang orang-orang kampung tidak sampai, orang-orang yang berpendapatan rendah tidak sampai, itu barangkali different story, dengan izin, tidak mengapa mereka punya hal. Tetapi nama judi, terutamanya bagi mereka yang beragama Islam adalah haram. Bagi mereka yang bukan beragama Islam itu ‘TST’, tahu sama tahu. Kenapa tidak sahaja Empat Nombor Ekor, Tiga Digit, lumba kuda, Toto – kalau di Sabah Toto lain sedikit maknanya, tetapi Empat Nombor Ekor juga namanya, kalau di kampung-kampung termasuk jackpot, saya tidak tahu apa nama dalam Bahasa Melayu – machine slot diharamkan. Tutup sahaja yang ini.

Jadi, kalau kerajaan hendak buat di tempat lain, itu terserahlah kepada kerajaan. Tetapi kalau boleh yang melibatkan di pekan-pekan kecil dan di bandar-bandar haramkan sahaja judi ini. Sebagaimana yang saya pernah nyatakan di sini ada seorang tauke besar, beliau tauke ikan. Dia ada rumah harga lebih kurang dalam RM400 ribu, dia ada sebuah kenderaan pacuan empat roda – kalau di Sabah dan Sarawak dipanggil ‘Ninja Turtle’, harganya sekarang dalam RM400 ribu. Kemudian dia ada wang simpanan dan ada workshop. Kerana main jackpot ini akhirnya kedai selesai, kenderaan lesap, rumah tergadai, pun masih berhutang kepada jackpot ini sebanyak RM100 ribu. Hari ini kasihan, orang ini sudah tidak siuman lagi. Sepatutnya orang ini tinggal di Tanjung Rambutan kalau di Semenanjung, kalau di Sabah di Bukit Padang. Tetapi beliau bukan tinggal di Bukit Padang, tetapi setiap hari tidak tahu apa dia buat. Dia bukan mengacau orang. Hendak diubat macam mana mahu diubat, segala hartanya telah selesai dan lesap. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan dan kementerian supaya ambil tindakanlah kepada hal-hal

seumpama ini. Di kampung-kampung, di pekan-pekan kecil hentikanlah perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan terutama masalah di negara kita ini barangkali khasnya di Sabah dan Sarawak, Jabatan Perkhidmatan Awam ini terlalu lama menunggu. Kalau mereka mengatakan bahawa masalah kewangan, hari ini saya percaya bahawa sedikit-sebanyak masalah ini dapat kita atasi. Saya mohonlah supaya Jabatan Perkhidmatan Awam jangan terlalu lambat, jangan terlampau berhati-hati sehingga jawatan-jawatan ataupun tugas-tugas tidak dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, RTM (Radio Televisyen Malaysia) Cawangan Sabah berapa ramai kekosongan yang ada di situ. Berapa ramai jawatan yang ada di Malaysia Timur khasnya di Sabah dan Sarawak yang kosong. Kalau boleh kita minta supaya Jabatan Perkhidmatan Awam dapat melihat dan mencari jalan bagaimana ianya dapat diisi.

Begitu juga satu ketika dahulu saya pernah menyuarakan agar Radio Televisyen Malaysia yang banyak memberi penjelasan dan penerangan kepada masyarakat kita di kawasan-kawasan pedalaman, kawasan yang susah di langkau oleh Radio dan Televisyen supaya kerajaan memberi tambahan, memberi peruntukan yang lebih kepada Jabatan Penerangan, kepada Kementerian Penerangan kerana saya rasa mereka perlu memainkan peranan yang berganda lebih kuat, lebih hebat daripada yang ada pada hari ini. Kalau boleh saya rujuk Soalan Lisan hari ini, nombor 25, di mana dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *“Datuk Zainudin bin Maidin minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah kerajaan tidak memikirkan perlu untuk mengambil tindakan terhadap CNN, CNBC dan juga beberapa majalah berita antarabangsa yang telah beberapa kali membuat penyiaran-penyiaran yang terpesong dan salah dari segi fakta, penggunaan video dan sebagainya yang mencemarkan negara Malaysia.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, tetapi saya rasa soalan-soalan seumpama ini adalah soalan yang amat penting, sangat perlu dijawab, didengar dan soalan tambahan daripada rakan-rakan di Dewan Negara ini. Jadi,

pada masa-masa akan datang saya mohon supaya soalan yang penting macam ini, walaupun yang lain semua penting, ini pun penting juga supaya diberi keutamaan untuk dijawab. Juga kalau boleh saya mencadangkan supaya Soal-Jawab Lisan ini dapat diperpanjangkan sedikit sama ada satu jam setengah atau dua jam, sebab saya lihat masa kita sudah bertambah, sudah berubah. Kalau menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi, setiap sesuatu itu kita boleh robah, kita boleh tambah, itu demi untuk kebaikan. Inilah keistimewaan negara Malaysia yang mengamalkan demokrasi berparlimen.

Jadi, saya rasa tidak salah. Kalau boleh kita tambah sedikit waktu untuk Soal-Jawab Lisan daripada satu jam setengah hingga dua jam kalau tidak menyalahi Peraturan Mesyuarat yang ada. Tetapi saya yakin kerana sekarang kita bermula daripada jam 10 pagi sehingga jam 5.30 petang, apa salah kalau ini kita boleh terima dan dipertimbangkan untuk diluluskan.

Berbalik kepada masalah RTM (Radio Televisyen Malaysia). Beberapa kali rakan-rakan di Dewan Negara ini menyuarakan supaya peranan RTM ini dapat diperpanjangkan bukan sahaja di seluruh pelosok negara Malaysia tercinta ini, tetapi apa salahnya ada sesuatu yang boleh kita pantau, boleh kita sekat. Apa yang dibuat oleh CNN kita mahu ambil tindakan kepada mereka pun bukan senang. Terhadap CNBC kita hendak ambil tindakan pun bukan senang. Kita ada duta-duta di luar negara, kita ada agensi-agensi yang boleh membantu kerajaan untuk melaksanakan tugas yang mereka laksanakan. Saya teringat rakan kita Dato' Zuki semasa beliau berada di Australia, melihat perkembangan kita di televisyen sana bahawa negara kita huru-hara, walhal kita tahu gambar di mana yang diambil. Tetapi dengan adanya rakan kita di situ dia menerangkan bahawa why do you not come to Malaysia, mengapa saudara tidak datang ke Malaysia melihat keadaan negara kami yang aman dan damai. Pelancong-pelancong itu akhirnya mengambil keputusan datang ke negara ini dan terbukti bahawa sememangnya keamanan yang tidak ada di dunia luar ada di negara kita.

Jadi, saya mohon kepada kerajaan supaya Kementerian Penerangan ini diberi peruntukan tambahan untuk melaksanakan tugas mereka termasuklah kalau boleh dihalalkan walaupun kementerian dan kerajaan telah menetapkan bahawa.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Datuk Haji Sairin yang memberi laluan kepada saya. Pertamanya saya ingin mengalu-alukan rakan-rakan daripada Perlis yang ada di sini dan juga anak-anak dan adik-adik daripada sekolah. Saya amat tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk tadi mengenai kegagalan kita untuk menerangkan kedudukan sebenar negara kita di luar negara. Kita lihat dari segi pelancongan sekarang ini memang mendapat pukulan yang begitu hebat. Dalam memulihkan keadaan ekonomi negara kita memang tidak dapat menafikan bahawa kita telah berjaya mengawal apa yang berlaku di dalam negara kita, dapat mengatasinya kalau tidak terbaik, memang telah pun baik buat masa sekarang ini, dan kita harap kita dapat kembali kepada keadaan sedia kala. Tetapi di luar negara nampaknya imej Malaysia tidak mendapat gambaran yang sebenarnya kerana media asing memainkan peranan mereka memutarbelitkan keadaan. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk, apa cadangan-cadangan yang perlu kita kemukakan kepada pihak kerajaan, kerana saya fikirkan perkara ini adalah merupakan perkara yang amat penting diberi perhatian selain daripada memulihkan keadaan dalam negara, imej kita di luar negara juga perlu dipulihkan. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin. Sememangnya saya akan membuat cadangan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang kita sedia maklum bahawa Kementerian Penerangan ini selain daripada Menteri Luar Negeri memainkan banyak peranan yang kadang-kadang saya minta maaf, sebab saya keluar negara kadang-kadang sekali-sekala, saya tanya duta-duta kita. Ini bukan menjatuhkan imej duta-duta kita tetapi barangkali kerana permintaan semasa di negara-negara di mana mereka bertugas. Kadang-

kadang mereka kata apa tugas, kadang-kadang tidak ada tugas. Bila tidak ada tugas, jumpa dengan kawan-kawan, member panggil main golf. Jadi, saya rasa tidak salah. Tetapi dalam keadaan negara kita menghadapi tekanan daripada antarabangsa terutama daripada negara yang tidak ingin melihat negara kita terus maju, saya rasa inilah peluang kita pergunakan duta-duta kita, RTM dengan rancangannya. Saya yakin dan percaya ada rancangan RTM untuk memantau apa yang disuarakan oleh CNN, CNBC ataupun anasir-anasir yang telah mengucar-ngacirkan dunia ini termasuk George Soros. Saya rasa kita hendak buat sesuatu biar seperti yang sedia ada. Duta kita ada di sana, pegawai-pegawai kerajaan tinggi kita ada di situ, lawatan demi lawatan ada di situ, saya rasa tidak ada masalah.

Saya pernah beberapa kali berserta dengan rombongan Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz semasa beliau berada di LA, Amerika. Orang Amerika begitu ingin tahu apa sebenarnya keistimewaan Malaysia dengan pelbagai anutan agamanya, dengan pelbagai politiknya, dengan pelbagai suku kaum bangsanya, tetapi mereka boleh menyatukan. Malah Barisan Nasional telah dapat memerintah negara kita ini daripada awal ditubuhkan sehingga hari ini dan insya-Allah, walaupun agak berkocak sedikit pada hari ini, mereka yakin dan saya juga yakin bahawa BN akan terus memerintah. Mereka tertanya-tanya apakah rahsianya. Jadi, peluang-peluang seumpama itu Yang Berhormat kita dapat memberi penjelasan.

Kemudian, dari segi perniagaan yang mereka sebut sebagai 'win-win situation' – tuan untung, saya untung, Malaysia untung, Amerika untung. Memanglah orang datang. Saya berkesempatan bersama dengan rombongan perniagaan Malaysia daripada Sabah ke Filipina Selatan baru-baru ini. Bila disebut Malaysia, 'oh Malaysia bagus'. Bukan kata hendak angkat bakul negara kita, pemimpin kita. Tetapi mereka mengatakan Malaysia punya cara berniaga adalah cara yang terbaik, dia untung kita untung. Lain-lain negara dia kata, dia banyak untung, kami sedikit untung. Jadi, nampaknya cara kita sebenarnya saya rasa saya bukanlah terlalu taasub dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, tetapi ternyata beliau telah dapat

membawa dan mengangkat nama Malaysia ke satu persada yang negara-negara lain tidak senang untuk duduk bersama dengan mereka, begitu sekali.

Saya amat bangga bila disebut saya orang Malaysia. Orang akan sebut, 'oh Malaysia – Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, oh Malaysia nice country.' Alangkah hebatnya negara kita pada hari ini. Yang malangnya kita mohonlah supaya kegawatan yang kita hadapi ini kita atur strategi dengan bagus. Bagaimana kita mengatur strategi. Saya masih teringat saya meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad semasa beliau di Sabah. Dia kata “Tidak apa, kita undur dua langkah untuk maju tiga langkah.” Saya rasa ini termasuk dalam strategi bagaimana mengatasi kegawatan ini. Jadi, kalau ini ada strategi kepada pucuk pimpinan kita, saya yakin bahawa perkara-perkara seumpama ini sama ada CNN, CNBC atau apa juga saya rasa tidak ada masalah. Barangkali kerajaan kena mengeluarkan sedikit kewangan sama ada menghantar makalah-makalah, majalah-majalah, video-video tape ataupun apa juga bentuk kepada NGO mana yang perlu kita hantar, atau kalau boleh kita ambil kadang-kadang dalam rencana-rencana kita ada rencana yang amat bagus, macam mana dia tunjuk kehebatan Malaysia dengan bangunan pencakar langitnya, kita punya bangunan berkembar Petronas yang tertinggi di dunia, dengan Gua Mulu yang ada di Sarawak, dengan Gunung Kinabalu yang ada di Kota Kinabalu dan berbagai-bagai. Kalau kita hantar melalui saluran-saluran ataupun stesen-stesen televisyen di seluruh dunia, saya ingat mereka akan menerima dan mereka akan mengambil. Kosnya tidak begitu mahal selain daripada memantau perkara yang menjadi masalah yang memburukkan negara kita melalui duta-duta kita, melalui pegawai-pegawai kerajaan kita dan melalui pelajar-pelajar kita yang ada di luar negara yang kita anggap sebagai duta-duta kecil kita di mana juga mereka berada.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjanji untuk tidak bercakap panjang, tetapi saya mohon lagi seperkara yang saya rasa yang kerajaan perlu mengambil perhatian. Saya diberitahu oleh rakan-rakan terutama mengenai production house di mana kerajaan telah gagal membayar pembekal-pembekal filem yang mana kadang-kadang bayaran kepada pembekal-pembekal filem tempatan kita terlalu lama, ada yang 60 bulan. Hari ini saya difahamkan bahawa akan ditutup tidak kurang daripada 40 production house di negara kita. Jadi, kalaupun ada bayaran-bayaran bukan besar sangat, ada RM20 ribu, RM30

ribu, RM100 ribu. Malah saya difahamkan oleh seorang rakan bahawa ada satu production house yang mana jumlah begitu besar, puluh juta ringgit yang belum dibayar. Jadi, bila saya tanya kenapa tidak dibayar, dia kata barangkali ada permasalahan antara Kementerian Kewangan dengan Kementerian Penerangan satu ketika dahulu. Jadi, kalau boleh kita tidak mahu ada permasalahan antara Kementerian Kewangan. Hari ini Menteri Kewangan kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, saya percaya bahawa perkara ini sudah dalam perhatian. Kita mohonlah supaya mana-mana production house kita yang 40 buah ini bakal dibankrapsikan, kita mohon kepada kerajaan terutama Kementerian Kewangan melihat ini supaya menyelesaikan perkara-perkara yang memang menjadi hak mereka, menjadi milik mereka yang sepatutnya dibayar tetapi hingga hari ini belum dibayar. Saya mohonlah supaya kementerian ataupun kerajaan melihat perkara ini secara serius jangan sampai production house milik bumiputera terutamanya rakyat Malaysia tidak akan gulung tikar begitu sahaja. Kita kasihan bila melihat mereka ini terus dilanda kegawatan kewangan dan akhirnya mereka tidak ada apa-apa pendapatan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini terlanjur menyebut Kementerian Penerangan. Barangkali sudah sampai waktunya kalau boleh saya lihat terutama saya sebut sebagai contoh di Sabah. Di Sabah kita mempunyai berbagai-bagai bahasa etnik. Hari ini tahniah kepada Kerajaan Persekutuan dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah di Sabah apabila Bahasa Kadazan Dusun telah diperkenalkan. Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mendirikan sebuah radio, walaupun tidak boleh radio yang dimiliki oleh kerajaan, tetapi kita boleh buat secara swasta (privatise). Jadi, kalau boleh macam di Sarawak kita boleh buat Radio Malaysia Saluran Iban umpamanya atau di Sabah – Radio Malaysia Saluran Kadazan Dusun atau Radio Malaysia Saluran Murut dan sebagainya. Ini terserah kepada Kementerian Penerangan memikirkan hal ini sebab dengan adanya bahasa-bahasa ini, dengan adanya radio swasta seumpama ini dalam era Barisan Nasional memerintah, kita boleh memantau tohmahan-tohmahan parti pembangkang. Terutama kalau di Sabah ada disebut ‘bersekutu tidak bertambah mutu’, PBS yang pernah memerintah negeri Sabah, jadi sekurang-kurangnya kalau ini dapat dilaksanakan di Sabah ianya boleh kita memantau masalah yang dihadapi oleh rakyat apabila mereka berkempen dia janji RM300 kepada rakyat Sabah yang boleh mengundi. Jadi, kalau 300,000 yang layak

mengundi, di situ lebih kurang 600,000 orang, $3 \times 600,000 = \text{RM}180$ juta. Ini sebetulnya satu pembohongan.

Di sini kita boleh beritahu, tetapi masyarakat akar umbi di pedalaman kita tidak boleh beritahu. Mereka terima, maklumlah orang kampung, minta maaf bila disebut orang kampung, bukan orang kampung yang di sini, di Sabah. Bila dia dijanjikan RM300, dia isi borang, bila isi borang terima saham tetapinya sebetulnya secara tidak langsung isi borang kepada parti pembangkang. Saya rasa ini satu kesilapan, kesalahan yang boleh kita atasi dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Kita juga di negeri Sabah, Barisan Nasional dari negeri Sabah juga telah bermati-matian, istilah kita di Sabah untuk memperbetulkan keadaan yang tidak betul ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya percaya kalau di Semenanjung ini hampir 100% boleh mendapat siaran televisyen, malangnya kita di Sabah sehingga hari ini masih ada kawasan-kawasan yang siaran radionya tidak dapat, sebab barangkali kawasannya bergunung-ganang, dengan cerunnya dan sungainya yang bukan sedikit bukan dekat, begitu juga dengan televisyen tidak ada, jadi kita di sana satu ketika dahulu ada rakan kita dari sempadan Indonesia, Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan saya jaga Parlimen Keningau, Ketua UMNO Bahagian Keningau, saya jaga daripada Gunung Emas, daripada Kota Kinabalu sampai sempadan Indonesia, besar dia sebesar Negeri Sembilan campur setengah negeri Melaka, itulah kawasan Parlimen Keningau yang saya jaga dan orang di sempadan itu menggunakan parabola yang diambil daripada Indonesia, harganya tidak begitu mahal, barangkali sekitar RM600-RM800 dan bila mereka menggunakan parabola yang dibeli dari negara jiran kita ini, mereka bolehlah mendapat siaran TV3, TV1, TV2 dan boleh dikatakan orang yang ada ini bolehlah menerima maklumat daripada kerajaan kita di sini. Malangnya, ada yang baru 3 bulan, 4 bulan menggunakan parabola ini datang pihak, saya tidak tahu daripada pihak mana ini, dia ditangkap di kenakan denda lagi kepada orang-orang kampung, orang-orang di akar umbi ini kerana menggunakan parabola. Sedangkan kerajaan tidak ada alternatif, dia belum buat sesuatu, sebagai contoh barangkali dia perlu satu stesen yang membolehkan siaran televisyen, siaran radio itu boleh diperolehi, kalau tidak apa juga salahnya mereka mendapat siaran ini. Saya rasa barangkali yang haram tetap haram, yang kerajaan memang tidak halalkan memang tidak halal, tetapi ini pun saya mohon kepada kerajaan supaya melonggarkan ini sehingga stesen radio ini diperolehi seluruh

pedalaman ini boleh memperolehi, kalau pun ditangkap saya ingat rakyat kita di pedalaman sudah sedia untuk menerima tindakan seandainya itu yang mereka lakukan.

Jadi saya mohon supaya kementerian sekali lagi menambah peruntukan Kementerian Penerangan untuk membolehkan hal-hal yang saya sebut dan rakan-rakan tadi sebut supaya dapat di atasi.

Seperkara lagi yang saya lihat di Sabah, kita sedia maklum bahawa harga kelapa sawit pada masa ini kerana ia dibeli dalam Dolar Amerika harganya cukup bagus. Malangnya apa yang dihadapi oleh ladang-ladang termasuklah ladang FELDA di Sahabat, Lahad Datu, pekerjaannya sekarang lebih kurang 70,000 orang. Dalam 70,000 orang ini pun tidak mencukupi pekerja di situ, jadi kalau boleh barangkali Kementerian Sumber Manusia ataupun kerajaan mencari inisiatif bagaimana supaya ladang-ladang sama ada FELCRA ataupun persendirian dan sebagainya dapat diusahakan agar pekerja-pekerja daripada luar sebab pekerja-pekerja tempatan disitu pun tidak mencukupi, jadi mahu tidak mahu kita terpaksa mengambil pekerja daripada luar dan terserahlah kepada kerajaan melihat bagaimana hal ini boleh kita atasi dan kalau tidak silap perkiraan saya kita memerlukan tidak kurang dari 100,000 pekerja untuk melaksanakan tugas menombak buah kelapa sawit. Kalau tidak, kalau terlalu lambat buah kelapa sawit ini diambil grednya akan turun dan apabila gred turun harganya juga akan jatuh dan ini akan menjadikan negara kita kehilangan berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya banyak lagi yang mahu saya sentuh di sini tetapi saya telah berjanji untuk tidak bercakap panjang sebab ada rakan-rakan yang nama mereka tidak tersenarai di sini yang ingin mengambil bahagian jadi saya ingin memberi peluang kepada mereka tetapi sebelum itu sekali lagi kepada Kementerian Kewangan khususnya kepada kerajaan sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah atas keberanian, atas tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memantau masalah yang kita hadapi, mudah-mudahan kita berdoa agar kerajaan yang memerintah pada hari ini dengan dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang dikasihi berserta dengan rakan-rakan beliau akan terus cemerlang, akan terus mencari jalan bagaimana untuk terus mengatasi masalah ini, bagaimana untuk terus memakmurkan rakyat yang ada di negara ini. Jadi, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Long Jidin.

12.36 tgh.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Saya turut sama dalam mambahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999. Kerajaan dilihat begitu tegas dan memberi tumpuan penuh di dalam usahanya untuk memulihkan ekonomi sejak negara ini terjebak ke dalam jangkitan kemelesetan ekonomi serantau. Usaha-usaha MTEN juga menampakkan hasilnya daripada ekonomi negara diramal tumbuh 1% untuk tahun 1999. Belanjawan 1999 telah mengesahkan dan menyokong usaha-usaha MTEN, jadi hakikatnya semua sektor ekonomi telah diberi rangsangan. Kini semuanya terserah kepada kita untuk membuktikan kita boleh. Disiplin dan kerja kuat diperlukan oleh semua rakyat untuk menjadikannya sebagai satu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan sebelum ini Belanjawan 1999 adalah belanjawan defisit. Ini merupakan dasar yang telah dirancang oleh kerajaan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi bagi melawan kemelesetan ekonomi. Bagi tahun fiskal ini kurangan kira-kira RM16 bilion dianggarkan iaitu 6% daripada keluaran dalam negara kasar berbanding sejumlah RM9.6 bilion pada tahun 1998. Tahun 1998 walaupun pada mulanya ia merupakan belanjawan lebihan tetapi akhirnya ia menjadi belanjawan kurangan disebabkan peruntukan tambahan sebanyak RM7 bilion. Sebahagian besar daripada kurangan ini dijangka akan dibiayai oleh pinjaman dari sumber dalam negeri dan ini merupakan masalah kita dan ianya juga merupakan tanggungjawab kita.

Tuan Yang di Pertua, semasa kita menempuhi kegawatan ekonomi, terdapat segelintir golongan yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga keperluan asas atas alasan kos meningkat walaupun ianya dikeluarkan dalam negara, sebagai contohnya, minyak masak. Pada masa yang sama terdapat beberapa tangkapan kepada golongan yang mencari keuntungan secara mudah dan saya mencadangkan supaya kerajaan perlu mengenakan satu penalti yang tinggi atau penjara mandatori bagi memperingati segolongan rakyat yang tidak patriotik, tanggungjawab individu tertentu demi kepentingan negara dan kesusashan rakyat ini tidak langsung tersemat di jiwa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi bukan alasan kepada tanggungjawab kerajaan bagi peningkatan ekonomi kampung dan pemulihan

rumah di bawah program pembasmian kemiskinan. Terima kasih saya kepada kerajaan bagi pihak lebih kurang 41,300 keluarga termiskin dengan peruntukan sebanyak RM108 juta. Begitu juga bagi pihak empat juta pelajar yang diperuntukkan sejumlah RM440 juta yang disediakan untuk bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan. Bagi pelajar masyarakat saya, iaitu masyarakat Orang Asli yang seramai lebih kurang 25,000 orang dari pelbagai peringkat yang akan menikmati bantuan khas sebanyak RM5 juta, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan.

Strategi dan program pembangunan masyarakat saya, Orang Asli menerusi pembangunan tanah melalui konsep penswastan yang dicadangkan dan dipohon oleh pihak-pihak lain seperti kes Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum iaitu kes Bukit Lanjan dan kebanyakan kampung Orang Asli dalam negeri Selangor mempunyai implikasi yang tidak elok dari segi politiknya. Terdapat bekas dan kakitangan kerajaan yang menjadi ejen kepada syarikat-syarikat tertentu. Walaupun ianya merupakan satu kaedah untuk memajukan masyarakat ini, tetapi hakikat sebenar mereka tidak dapat menerima kerana cadangan top-bottom ini bukan datang daripada kehendak mereka sendiri. Mereka datang kepada saya merayu agar kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menilai kembali program ini, menanggunghkan sementara atau menolak terus segala permohonan pihak tertentu sehingga mereka dapat menerima program-program yang dicadangkan. Bukankah luas lagi tanah lain yang boleh dimajukan untuk memberi keuntungan kepada pemaju hartanah.

Masyarakat Orang Asli terdiri hanya lebih kurang 105,000 orang dan tanah yang diwartakan untuk mereka hanya 19,507.42 hektar. Tanah yang lulus tetapi belum diwartakan hanya seluas 28,932.27 hektar. Tanah yang dipohon seluas 78,975.56 hektar. Tanah yang didiami tanpa apa-apa permohonan seluas 5,664.55 hektar. Jadi keseluruhan tanah tersebut adalah lebih kurang 133,079.80 hektar. Ini bermakna hanya 0.403% keperluan tanah yang diduduki oleh masyarakat Orang Asli seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada sektor pertanian. Walaupun sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar 3.9%, realiti sebenar yang

diterima oleh usahawan kecil tani adalah melalui cengkaman orang tengah yang sentiasa mengaut keuntungan. Tidak dapat dinafikan keupayaan sejuta petani sepenuh masa, setiap kempen kerajaan disahut dengan seribu harapan, tetapi malang juga yang datang dan perkara ini bukan sesuatu yang baru. Kerap kali berulang tetapi tidak ada langkah-langkah berterusan kecuali beberapa kenyataan oleh jabatan dan kementerian yang bertanggungjawab, lebih kepada tindakan secara *ad hoc* dan kes yang sama tetap juga berulang. Masalah maklumat pasaran dan kestabilan harga merupakan kemelut yang sukar diungkai oleh para petani.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 625,000 ahli Pertubuhan Peladang Seluruh Negara (PPK) menaruh harapan yang tinggi kepada Pertubuhan Peladang yang berjumlah 268 buah keseluruhannya. Tambahan pula dengan pengumuman kerajaan memberi suntikan modal sebanyak RM300 juta daripada RM700 juta di bawah Tabung Makanan Negara kepada Pertubuhan Peladang. Pelan keluaran hasil tani berasaskan permintaan sebenar tidak pernah dirancang bersesuaian dengan maklumat pasaran bagi memudahkan urusan tani bagi menentukan apa yang harus dikeluarkan pada sesuatu masa. Ini berlaku kalau kita lihat baru-baru ini Kementerian Pertanian, kempen begitu beria-ia, suruh tanam sayur, tanam itu, tanam ini, tetapi apa yang berlaku selepas 3 bulan dilihat dan didapati semua harga keluaran pertanian telah turun dan menjejaskan pendapatan boleh dikatakan kesemua petani kita. Sepatutnya peranan ini harus disediakan oleh FAMA ataupun Pertubuhan Peladang bagi menjamin kesejahteraan ahli-ahlinya.

Jadi saya mencadangkan supaya kedua-dua agensi ini perlu digabungkan di bawah satu bumbung kerana peranan dan tanggungjawabnya sentiasa bertindih di antara satu sama lain. Seandainya semua pihak lebih komited, saya percaya Pertubuhan Peladang akan menjadi koperasi gergasi bukan sahaja peranannya dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Pada pertengahan tahun 1998, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengumumkan betapa berpotensi negara ini dalam industri ternakan secara integrasi, tidak silap saya di negeri Johor. Dalam Dewan yang mulia ini,

Kementerian Pertanian telah memberitahu bahawa terdapat lebih kurang 50,000 ternakan telah ditenak secara integrasi dengan tanaman utama kelapa sawit yang melibatkan 125,000 hektar. Kalau dilihat kepada keluasan yang diusahakan oleh FELDA sahaja, seluas 517,251 hektar yang ada. Ini bermakna keupayaan menampung sebanyak lebih daripada 200,000 ternakan dalam satu masa untuk ladang-ladang FELDA tidak termasuk ladang-ladang yang diusahakan oleh agensi seperti FELCRA, RISDA dan agensi-agensi peladang yang lain. Alasan yang telah diberitahu adalah disebabkan oleh kekurangan benih baka.

Saya mencadangkan penguatkuasaan terhadap Animal Ordinance 1953 berkaitan tentang larangan penyembelihan kepada ternakan betina produktif diberi perhatian. Kalau dilihat sekarang ini banyak ternakan betina disembelih sewenang-wenangnya sesuka hati. Sedangkan dalam Animal Ordinance terdapat clause ataupun seksyen yang melarang sama sekali semua ternakan betina disembelih sesuka hati selagi tidak mendapat pengesahan daripada pegawai veterinar yang berkenaan. Jadi program pembiakan serentak permanian berhadap dan program pengasingan anak ataupun calf-calf program perlu diambil tindakan lebih serius untuk memantau masalah masalah kekurangan baka yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini terdapat sebilangan masyarakat Orang Asli yang menjadi penggemar kepada satu jenis minuman iaitu minuman samsu ubat yang menggantikan minuman seperti stout, carlsberg, wiski dan lain-lain arak yang mempunyai harga mahal. Walaupun semua samsu ubat ini yang mengandungi kuantiti alkohol yang amat tinggi dan tidak sesuai diminum, ianya sudah dijual secara berleluasa sebagai minuman keras berselindung di sebalik samsu ubat bagi bahan campuran untuk memasak bagi masyarakat Cina.

Jadi kalau mengikut takrif iaitu 2208.90100 bagi keterangan samsu ubat, dengan izin, include medicated, di mana kadar duti import semasa adalah 31/100% volume per litre kepada kadar duti import yang dicadangkan 37/100% volume per litre, maka na naik 6% sahaja, saya mencadangkan supaya kadar duti

import tersebut perlu ditingkatkan setaraf jenama liquor lain. Langkah ini saya rasa amat perlu menggalakkan gaya hidup sihat dan mengurangkan gejala sosial akibat meminum minuman keras.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 pada masa hanya sebulan kita kehilangan apa yang dinikmati dalam masa sedekad yang ada. Kita perlu insaf dan sedar kesenangan kita tidak selalu berterusan dan tidak semestinya kesusahan tidak boleh diatasi seandainya Pelan Pemulihan Ekonomi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II di Dewan Negara melalui Rang Undang-undang Perbekalan 1999. Ini perlu mendapat sokongan yang padu dari segenap rakyat Malaysia dan saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

12.48 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, yang dikasihi. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada beliau yang telah mengemukakan satu Belanjawan yang pada hemat saya telah berjaya menangkis masalah kewangan dan krisis kontinjen ekonomi serantau. Dan alternatif yang dipilih adalah merupakan selective capital control, dengan izin, dan penetapan kadar pertukaran wang asing secara jangka pendek.

Seterusnya penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) untuk melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) cara jangka pendek, pertengahan dan panjang. Sewajarnya tindakan-tindakan yang telah diambil, memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur dalam negara, peniaga-peniaga, pedagang-pedagang begitu juga bank-bank dan pihak-pihak usahawan-usahawan untuk menggerak semula aktiviti-aktiviti ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun impak krisis kewangan akan menjadi satu kenyataan kepada ekonomi dan sosio-ekonomi yang seperti mana dijangka

pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1999 ialah mencatatkan pertumbuhan hanya 1% dan tahap pertumbuhan ekonomi akan merosot 4.8% dan tahap inflasi juga akan meningkat lebih kurang 3.5%. Kita optimistik bahawa kita akan dengan izin, pull through the crisis. Saya percaya dan yakin kepimpinan yang ada dan kepintaran pemimpin-pemimpin kita yang ada akan dapat menyelamatkan keadaan dan seterusnya membawa kita kepada satu era atau keadaan ekonomi yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya memperbahaskan tentang belanjawan ini saya ingin memberi penumpuan kepada pentingnya undang-undang, peraturan dan disiplin untuk kita sama-sama menyambut apa yang telah dibentangkan dalam belanjawan negara. Apa yang telah difikirkan dan telah diambil tindakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga ahli Kabinet yang lain sebenarnya perlu mendapatkan atau menggerakkan kita untuk me'refleksi' balik atau membuat reflection kepada apa yang telah berlaku sama ada kita melihat kepada krisis kewangan yang berlaku itu sebagai satu titik hitam dalam sejarah ekonomi negara ataupun kita melihat kepada titik hitam itu sebagai satu tempoh masa untuk kita merenung kembali berfikir dan seterusnya mengambil tindakan yang positif untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam diri kita sendiri, bukan sahaja kita mengatakan bahawa kejadian yang telah berlaku itu adalah kerana lantaran daripada perbuatan-perbuatan di luar kawalan kita tetapi dalam keadaan itu kita perlu juga dapat memberi pertimbangan bahawa kita juga mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa undang-undang, peraturan dan disiplin sesebuah negara, organisasi dan individu tidak akan dapat menepati ciri-ciri kewujudannya. Sesungguhnya ketamadunan manusia itu sendiri bersendikan undang-undang, peraturan dan disiplin iaitu ianya dapat dikatakan bertamadun. Undang-undang, peraturan dan disiplin pula adalah hasil pemikiran yang berasaskan falsafah ilmu dan pengalaman berlandaskan perintah Tuhan, moral dan etika, pragmatisme dan juga utilitarianism, dengan izin, prinsip-prinsip demokrasi, kebebasan asasi untuk menepati pengekaln keamanan dan keadilan

sesebuah negara. Sistem undang-undang, peraturan dan disiplin itu memberi legitimasi dan kredibiliti dan menyusun ketertiban institusi pemerintahan negara dan mengatur perilaku penduduknya dalam semua bidang sosial, ekonomi dan politik.

Walau bagaimanapun undang-undang perlu berevolusi melalui perubahan untuk kekal relevan. Yang pentingnya perlu kita fikirkan dewasa ini daripada falsafah-falsafah ahli-ahli falsafah yang telah kita anuti ialah apakah undang-undang yang ada, falsafah-falsafah yang telah diajukan relevan kini kerana banyak maklumat, pandangan, pendapat telah dikemukakan dan difikirkan oleh manusia sejak jadinya Adam hingga kini tetapi pada hemat saya sampailah masanya kita hari ini lebih menumpukan kepada adakah apa yang kita fikirkan dan telah kita bentuk dan kita wujudkan sebagai sistem ataupun sebagai rujukan itu relevan kerana relevancy itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah sebenarnya fakta yang akan menentukan dan mengekalkan legitimasi dan kredibiliti kita sama ada sistem kita lihat dari segi sosio-ekonomi mahupun politik.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kritikal yang kita hadapi menguasai isu-isu negara kini yakni dari segi politik, ekonomi dan sosial. Ketepatan ini saya katakan juga perlu dilihat dari sistem politik negara kerana sistem politik yang tepat dan relevan akan sebenarnya menentukan sama ada sistem politik itu akan memberi kestabilan negara kerana pemerintahan negara tidak akan menjadi stable dan tidak akan dapat berfungsi tanpa adanya satu sistem yang berlandaskan undang-undang yang relevan. Kalau kita lihat apa yang berlaku banyak negara yang mana politiknya tumbang mungkin salah satu fakta terakhir ataupun sebab yang menyebabkan sebab mutakhir menjadikannya political riot ialah kerana ekonomi tetapi perlulah kita ingat bahawa jikalau sistem politik itu benar-benar berlandaskan satu sistem perundangan yang kukuh dan relevan, ianya tidak mungkin akan berlaku.

Saya ingat dan baca di dalam surat khabar bahawa di Indonesia setelah berlakunya banyak rusuhan oleh penuntut-penuntut maka Kerajaan Indonesia telah cuba mengeluarkan satu undang-undang untuk menyekat demonstrasi-

demonstrasi penuntut-penuntut. Jadi di situ mungkin apa yang telah dipersoalkan oleh ramai antara penuntut-penuntut kita adakah relevan Undang-undang Universiti atau Akta Universiti itu kepada negara, kalau dilihat apa yang baru-baru berlaku di Indonesia tentu sekalilah undang-undang itu sangat relevan untuk kita terus dapat mengukuhkan satu sistem politik yang berlandaskan demokrasi dan berfungsi serta dapat mentadbir dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi undang-undang yang wujud dan undang-undang yang paling utama di negara ini ialah Perlembagaan. Perlembagaan kita adalah perlembagaan yang bertulis. Satu perlembagaan yang begitu lama difikirkan, begitu diolah dengan semasak-masaknya oleh satu komisi iaitu COBOL Commission di mana dalam perlembagaan itu diletakkan segala-gala yang relevan untuk pentadbiran negara majmuk Malaysia ini selepas kemerdekaan. Di dalam Perlembagaan disebut siapakah yang perlu menjadi pemerintah, siapakah dia pemerintah iaitu Eksekutif di bawah Perkara 39 hingga 43C, Badan Perundangan di bawah Perkara 44 hingga 69 dan Badan Kehakiman di bawah Perkara 121 hingga 131A. Sebenarnya Perlembagaan negara kita telah diubah sebanyak 41 kali walaupun ia telah merdeka hanya setelah 41 tahun berbanding dengan Perlembagaan Amerika yang walaupun telah beratus tahun tetapi ianya dipinda hanya dua atau tiga kali sahaja. Justeru itu Perlembagaan kita tetap relevan kerana ianya melalui evolusi perubahan yang sentiasa berubah. Ianya telah dipinda sejak tahun 1957 - 1958, Penubuhan Malaysia 1963, Pengasingan dengan Singapura 1965, Darurat 1969, Kuasa Majlis Raja-raja antaranya tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin juga dikaitkan dengan apa yang telah berlaku semalam dengan UMNO. Perlembagaan UMNO juga telah diubah seperti mana juga Perlembagaan negara yang pada saya tepat dan relevan untuk kita perbahaskan dalam membahaskan belanjawan ini telah juga diubah untuk mengekalkan kewibawaan dan keberkesanan sistem pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu kita sekarang banyak menghadapi berbagai-bagai isu yang sebenarnya menyentuh tentang keyakinan terhadap pentadbiran negara, dan keyakinan negara ini pula dikaitkan dengan cabang-

cabang pemerintahan negara antaranya ialah kuasa eksekutif dan juga kuasa kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak perkara yang telah dibangkitkan yang cuba dikatakan kehakisan keyakinan ialah kerana ramai antara kita tidak faham dan tidak kenal Perlembagaan. Ramai di antara kita tidak tahu bahawa apa pun yang berlaku di dalam negara ini adalah berlandaskan undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung petang ini.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Petua: Puan Kamilia binti Ibrahim diminta menyambung perbahasan.

2.31 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya tadi yang bersekitar kepada dua perkara iaitu keyakinan dan relevansi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah mengatakan apa pun yang telah berlaku di negara ini sebenarnya adalah berlandaskan undang-undang yang telah digubal, diterima pakai dan masih lagi relevan. Sebenarnya perkara-perkara yang dipertikaikan itu semuanya juga adalah merupakan perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan negara.

Beberapa perkara telah ditimbulkan untuk menghakis keyakinan terhadap pemerintahan negara contohnya kuasa eksekutif dipertikaikan dalam isu pemecatan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kuasa ini nyata diperuntukkan di bawah Perkara 39 iaitu kuasa pemerintah, di mana di bawah Perkara 43(5) urutan daripada Perkara 39, yang menyebut bahawa

tertakluk kepada Fasal 4, Menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Petuan Agong, melainkan jika perlantikannya dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan atas nasihat Perdana Menteri.

Kita dapat lihat dalam Perlembagaan, prinsip-prinsip demokrasi diterangkan dengan begitu jelas dan nyata. Ada peruntukan tentang pilihan raya bila berlakunya perasaan rasa tidak puas hati, bahawa apa pun tindakan yang akan diambil mengikut ketertiban undang-undang.

Kita ada peruntukan pilihan raya mengikut Perkara 113 iaitu pilihan raya boleh diadakan setiap lima tahun sekali dan Perkara 118 juga memperuntukkan cara mencabar pemilihan. Perkara ini menunjukkan lagi bahawa perundangan yang ada, Perlembagaan yang wujud, memberi kebebasan untuk bersuara dan kebebasan untuk memilih.

Saya juga ingin membuat contoh yang ketiga iaitu dari sudut kehakiman. Kuasa kehakiman diberi peruntukan khusus dalam Perkara 121 malah Perkara 120 dalam Perlembagaan memperuntukkan kuasa Mahkamah Agong dan Mahkamah Tinggi menghukum kerana penghinaan terhadap mahkamah.

Sebenarnya dalam Perlembagaan negara kita begitu terperinci memperuntukkan hak-hak kuasa, bidang kuasa dan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh individu-individu terhadap pihak-pihak yang diberi kuasa untuk menentukan pentadbiran negara. Tidak kiralah sama ada diannya eksekutif ataupun pihak kehakiman sekali pun. Saya juga ingin menyentuh di sini bahawa kuasa polis juga diperuntukkan dalam perlembagaan di bawah Perkara 132.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin nyatakan bahawa dalam kita menentukan ekonomi negara, ada pihak-pihak yang cuba menghakis keyakinan terhadap pemerintahan negara, adalah perkara yang tidak benar. Dan perkara yang sepatutnya tidak boleh diterima dengan tanpa kita sebenarnya mengkaji balik bahawa apa pun kuasa yang diberi dalam pemerintah dan pentadbiran negara ianya adalah berlandaskan undang-undang dan undang-undang ini adalah merupakan undang-undang utama negara iaitu di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berpendapat kerana wujudnya kejahilan mengenai undang-undang negara, kejahilan tentang terpakainya undang-undang tertentu bagi perkara-perkara yang telah dilaksanakan atau dikuatkuasakan, maka timbullah pelbagai pertikaian dan banyaklah tuduhan yang dilemparkan kepada pemimpin negara, kepada sistem pentadbiran hinggalah kita banyak mempersoalkan tentang sistem dan juga machinery pentadbiran negara sama ada dari segi eksekutif, perundangan mahupun dari segi kehakiman.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan bahawa penerangan tentang Perlembagaan dan undang-undang dibuat seluas-luasnya. Contohnya perlulah di dalam program-program televisyen lebih banyak menyatakan menerangkan tentang undang-undang yang wujud di negara ini tentang terutamanya Perlembagaan negara. Perlulah juga dibuat sebaran di dalam Internet, billboard yang ada untuk iklan-iklan contohnya untuk rokok. Peter Styevesant begitu besar perkataannya disebut di situ. Mungkin baiknya kalau di atas billboard itu juga ditulis undang-undang yang menyekat remaja di bawah 18 tahun tidak boleh membeli rokok atau undang-undang mengenai kesihatan, mengenai menghisap rokok.

Saya juga mencadangkan banner yang ada di tepi-tepi jalan itu juga jikalau ada satu perkara ataupun satu agenda yang diadakan di Kuala Lumpur maka perlulah juga diberi undang-undang berkaitan dengan event yang akan dijalankan contohnya jikalau ada event mengenai pameran ataupun ekspo, mungkin boleh ditulis di situ dua, tiga baris perkataan mengenai undang-undang, mengenai perniagaan dan perdagangan.

Ini ialah kerana saya berpendapat undang-undang perlu disebar kerana undang-undang bukanlah satu perkara yang dibuat dan hanya perlu diketahui oleh peguam-peguam dan pihak yang akan hanya terkena dihukum apabila dia melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua juga bersetuju dengan saya bahawa maxim, dengan izin, *ignorance of the law is no excuse* itu adalah satu maxim yang lapuk dan tidak relevan lagi. Maka, perlulah kita

menukarkan maxim tersebut supaya adalah penting bahawa pihak yang berkuasa memberitahu kepada orang ramai tentang undang-undang yang telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh dalam perbahasan ini ialah dari sudut Perlembagaan dan ekonomi negara. Perlembagaan juga mengikut Perkara 92 dalam Perlembagaan menyebut dengan khususnya tentang peruntukan Rancangan Pembangunan Negara. Jadi, kita banyak telah melihat pelbagai perancangan negara dalam bentuk Rancangan Malaysia Kedua, Dasar Ekonomi Baru dan yang paling baru dalam bentuk pembentukan MTEN dan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara. Ini sebenarnya diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Mungkin ramai di antara kita tidak membaca Perlembagaan bahawasanya ini juga adalah satu tindakan yang selari dengan peruntukan di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua dalam konteks ini, tadi setelah kita mendengar Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menerangkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MTEN dan saya juga memahami bahawa MTEN juga tidak mempunyai tenaga manusia yang mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugasnya yang begitu banyak dan terperinci dan memandangkan perancangan MTEN ini adalah penting untuk kita memulihkan ekonomi negara dalam jangka pertengahan dan jangka panjang, saya ingin mencadangkan tenaga manusia ditambah bagi Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dikepalai oleh Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim kerana ini adalah paling relevan buat masa ini kerana untuk keberkesanan dan bagi tujuan melaksanakan apa yang diperuntukkan di bawah Perkara 93 Perlembagaan yang memberi kuasa untuk siasatan, tinjauan dan perangkaan bagi agensi-agensi kerajaan dan juga bagi badan-badan lain untuk membangunkan ekonomi negara.

Justeru itu adalah penting kita cadangkan bahawa sumber tenaganya ditambah. Saya juga ingin menyentuh di sini dari aspek salah satu daripada perancangan MTEN iaitu menyusun semula, antara lain koperasi dan bank koperasi. Persoalannya ialah dalam MTEN melaksanakan tugas-tugasnya, saya juga ingin mengemukakan di sini untuk MTEN memberikan pertimbangan

yang sedalam-dalamnya, memikirkan sama ada koperasi masih relevan atau tidak. Saya juga ingin penjelasan daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tentang justifikasi untuk meneruskan koperasi dan juga bank koperasi. Mungkin ada baiknya jikalau ianya distruktur semula dan diubah menjadikan institusi-institusi yang lebih proaktif dan boleh dapat menjalankan tugas-tugas atau fungsinya dengan lebih berkesan kerana koperasi-koperasi adalah terikat dengan undang-undang koperasi yang kadang kala tidak dapat memberi koperasi pemangkin yang diperlukan untuk ianya maju.

Dalam MTEN melaksanakan tugas-tugasnya, saya juga ingin mencadangkan dari aspek tugasnya atau fungsinya memelihara integriti sistem perbankan bahawa perlulah ada diwujudkan satu sistem check and balance dan accountability bagi memastikan sistem perbankan negara ini dapat berjalan dengan baiknya kerana kita tahu perlunya lebih dipertingkatkan disiplin dan peraturan dalam sistem perbankan dan MTEN juga telah memberikan garis panduan bahawa ianya juga berfungsi untuk mengawasi dengan rapi perkembangan kredit secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga saya ingin mencadangkan bahawa dalam mengawasi dengan rapi perkembangan kredit secara keseluruhan ini, sebenarnya ianya adalah satu masalah besar yang dihadapi oleh negara kerana banyaknya NPL yang kita percaya ianya adalah berlaku kerana kurangnya disiplin dan regularisasi di dalam sistem perbankan terutamanya di dalam pengeluaran kredit-kredit. Kita tahu bahawa banyak antara kredit yang telah dikeluarkan oleh pihak bank – apa yang telah banyak diperkatakan oleh penulis-penulis luar yang menganalisis tentang masalah ekonomi negara iaitu pinjaman-pinjaman yang diberi bukan berasaskan viabiliti projek tetapi berasaskan apa yang dianggap akan merupakan keuntungan bagi projek-projek berkenaan.

Adalah diharapkan bahawa pihak MTEN akan dapat mewujudkan jikalau sudah ada, etika-etika untuk bank-bank dan syarikat-syarikat. Etika-etika itu perlulah dapat dilaksanakan terutamanya dalam mengurangkan kos

perniagaan kerana kos perniagaan yang tinggilah menyebabkan banyaknya peningkatan perbelanjaan di dalam syarikat-syarikat yang telah banyak terwujud di negara ini. Yang paling pentingnya ialah kepada pihak pengurusan syarikat atau bank perlulah mengamalkan, dengan izin, wage restrain iaitu terutamanya bagi menentukan gaji-gaji dan elaun-elaun dan perks yang diberi kepada pihak pengurusan juga perlulah adanya dalam keadaan ekonomi kini dapatlah pihak syarikat atau bank membuat program-program retraining dan memberi galakan kepada perniagaan-perniagaan yang lebih berbentuk hitech.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi dalam perkara ekonomi ini dari konteks Perlembagaan, saya ingin merujuk kepada Perkara 105 Perlembagaan iaitu tentang Juruaudit Negara. Juruaudit Negara ini juga kita – saya dan rakan-rakan dalam Dewan banyak menerima timbunan laporan dan di antaranya ialah Laporan Juruaudit Negara. Tidak tahulah, kadang-kadang kita pun tidak sempat hendak tengok tetapi setelah saya meneliti Perlembagaan ini, saya lihat di bawah Perkara 105, Juruaudit Negara ini rupanya memang diperuntukkan dalam Perlembagaan dan disebut di sini apakah haknya dan bagaimanakah kuasa Parlimen itu sebenarnya memberikan kuasa kepada Juruaudit Negara. Bersabit dengan Juruaudit ini, saya pun berkesempatan meneliti dua Laporan Ketua Audit Negara bagi negeri Kedah dan juga negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya telah sampailah masanya seperti mana dalam awal ucapan saya tadi menyebut tentang tiba masanya dalam kita memikirkan semula, merenung kembali apakah dia kesilapan dan kelemahan kita yang juga saya katakan merupakan fakta-fakta yang menyebabkan keadaan ekonomi kita dalam krisis kini. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Kedah contohnya, saya tidak mengatakan negeri-negeri lain, itu tidak ada masalah tetapi bila saya ambil, saya terambil Laporan bagi negeri Kedah.

Saya lihat di muka surat 8 tentang kawalan perbelanjaan mengurus. Kita dapati bahawa disebut di sini, contohnya peruntukan tambahan berjumlah RM545,162 bagi 11 butiran: *‘peruntukan tidak perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM21.51 juta mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar*

berjumlah RM16.73 juta". Jadi, peruntukan tambahan yang diminta sebenarnya tidak dipakai, malah apa yang diminta belanja sebenarnya adalah banyak kurangnya daripada apa yang diminta. Sama jugalah bila ia memperuntukkan tentang: *'perbelanjaan tidak perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM30 juta mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenarnya sebanyak RM25 juta'*".

Jadi, kita dapati banyak discrepancies, walaupun mungkin kita tahu bahawa dalam projection untuk perbelanjaan kita akan cuba meminta lebih daripada yang sepatutnya tetapi ini juga pada hemat saya adalah salah satu daripada kelemahan kita untuk membuat projection yang setepat mungkin kerana kita tahu dalam perbelanjaan, jikalau ianya melebihi daripada apa yang kita hendak, kemungkinan kita akan berbelanja daripada apa yang kita patut belanja. Kita juga tahu bahawa dalam perbelanjaan negeri-negeri, perbelanjaan perbadanan-perbadanan, agensi-agensi kerajaan, wang-wang ini perlu kita ingat adalah wang tax payers, wang yang disumbangkan antara lainnya oleh mereka yang membayar cukai. Jadi, kita perlulah berhati-hati supaya kita dapat membuat peruntukan Belanjawan yang lebih tepat dan pastinyalah yang relevan.

Saya juga telah membaca Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak. Di sini dalam jadualnya: *"baki akaun tidak dapat disahkan, akaun tidak bergerak, pendahuluan belum dihapus kira, pendahuluan belum dijelaskan, contoh alat ganti tidak bergerak, tunggakan hasil melebihi RM1 juta"*, malah saya rasa masa sidang Belanjawan dahulu pun saya juga membaca laporan audit ini dan saya dapati juga banyak kelemahan yang mana kita juga mahu menyoal mengapakah berlakunya begitu. Juruaudit banyak memberi laporan tetapi laporan-laporan yang dibuatnya biasalah kalau bagi pihak pengurusan, apa yang akan dijawab ialah: *"kami akan membaiki keadaan, kami akan turut apa yang telah dicadangkan"*.

Persoalannya ialah sejauh manakah kawalan perbelanjaan mengurus ini diberi perhatian - diberi perhatian oleh Ahli Parlimen yang diberi mandat, diberi amanah untuk melihat kepada perbelanjaan negara, diberi juga agensi-

agensi kerajaan terutamanya kalau kita lihat agensi-agensi kerajaan yang tidak mempunyai mesyuarat agung tahunan tetapi ianya banyak berurus dengan pihak awam, contohnya EPF, Tabung Haji, ASN dan pelbagai lagi.

Jadi saya berpendapat bahawa tanggungjawab ini sebenarnya adalah satu tanggungjawab yang berat yang mungkin perlu diberi perhatian lebih oleh Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya mencadangkan bahawa laporan-laporan Ketua Audit Negara ini dibentangkan di persidangan Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat dan juga di persidangan Dewan Undangan Negeri dan ianya perlu dibahaskan bagaimana kita membahaskan Belanjawan, perlu dilihat satu persatu supaya benar-benar dapat kita memberi ruang masa yang memuaskan sekurang-kurangnya ada di antara kita akan menyemak dan mungkin juga kita perlu melihat balik, mengkaji balik dan meminta pihak Juruaudit memberi jawapan. Kalau pihak Juruaudit tidak memberi jawapan, Juruaudit mungkin boleh mendapatkan jawapan yang lebih memuaskan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa kepada perkara yang juga penting dalam kita membincangkan tentang keyakinan kepada pentadbiran negara, pemerintahan negara untuk memberi keyakinan kepada ekonomi. Ini ialah Perkara 5 hingga 13, dalam Perlembagaan iaitu Kebebasan Asasi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak terdapat kebebasan mutlak di mana-mana di dunia ini kerana dikenakan keadaan Persekutuan dan status nilai masyarakat, kebebasan mempunyai sekatan dan ianya adalah merupakan satu tanggungjawab. Banyak pihak telah melaung-laungkan tentang hak kebebasan asasi, hingga ianya cuba mengganggu-gugat keadaan ekonomi, sosial dan juga politik negara. Sebenarnya mereka yang banyak melaung-laungkan tentang hak kebebasan asasi ini tidak memahami apa yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan kita. Tidak memahami falsafah peruntukan hak kebebasan asasi. Jadi kerana itulah kita dapati banyak masalah yang dikemukakan, walhal apa yang diperkatakan oleh mereka itu telah pun menjadi undang-undang. Jika mereka mempersoalkan tentang hak kebebasan untuk bergerak, undang-undang contohnya, Internal Security Act (ISA), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Perkara 149 yang dengan terang dan nyata memberi kuasa kepada Parlimen untuk mewujudkan undang-undang tentang perbuatan-perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman dan sebagainya. Saya juga ingin merujuk kepada Perkara 151 iaitu Sekatan-sekatan Terhadap Tahanan Pencegahan yang dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dalam keadaan darurat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini semuanya adalah diperuntukkan di dalam undang-undang dan undang-undang yang memang kita laksanakan dan kita juga perlu mengingatkan kepada mereka bahawa hak asasi ini bukanlah merupakan satu hak yang mutlak tetapi merupakan hak yang perlu diawasi oleh undang-undang demi untuk ketenteraman dan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin sentuh sedikit sahaja kerana saya rasa ramai lagi rakan-rakan yang hendak bercakap. Saya inginlah mengingatkan kepada anak-anak kita bahawa kebebasan asasi ini tidak bermakna kita bebas melakukan apa yang kita mahu. Malah saya merasakan hak kebebasan asasi yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan ini hendaklah kita laksanakan dengan sebaik mungkin dengan penuh rasa tanggungjawab dan penuh rasa komitmen untuk kita dapat mewujudkan satu generasi anak muda yang bakal mewarisi pemerintahan negara dan bakal mewarisi negara ini untuk dapat mereka tadbirkan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin menyuarakan satu perkara yang saya rasa juga tidak kurang pentingnya jikalau kita mahukan pemulihan ekonomi yang baik iaitu agenda sosial negara. Masa ini kita tahu memang ada Majlis Sosial Negara yang telah diwujudkan oleh kerajaan tetapi kita masih lagi belum dapat buktikan, dapat diwujudkan satu agenda sosial negara yang benar-benar dapat melahirkan satu generasi yang komited, yang faham apa itu disiplin, apa itu bekerja keras dan apa itu sayangkan negara. Kita masih banyak melihat masalah-masalah sosial, contohnya penyalahgunaan dadah, yang ini memang banyak diketahui, beribu-ribu dan kita juga mewujudkan pusat serenti. Adalah dicadangkan tindakan-tindakan yang cepat, pantas, tepat dan relevan dilaksanakan. Dahulu ramai yang telah

mencadangkan compulsory military service, yang kita tahu banyak telah tidak dapat dilaksanakan tetapi saya inginlah mencadangkan hari ini bahawa kita memikirkan semula compulsory military service ini supaya ianya dapat mendisiplinkan anak-anak muda dan seterusnya menanamkan semangat cintakan negara.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa sekolah-sekolah diperketatkan disiplin dan dahulunya dicadangkan sekolah daripada pagi sampai ke petang untuk memastikan bahawa murid-murid sekolah akan terus berada di bawah kawalan sekolah. Tetapi ianya juga tidak dapat dilaksanakan, jadi saya merasakan idea itu adalah idea yang baik, yang perlu kalau dapat kita fikirkan dan kita rancangkan semula supaya dapat mengawal anak-anak kita agar tidak terseret ke dalam perkara-perkara yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita cuba memupuk sayangkan negara juga inginlah saya membangkitkan Perkara 152 iaitu Bahasa Kebangsaan. Bahasa Kebangsaan negara ini ialah Bahasa Malaysia ataupun sekarang ini telah dipanggil semula bahasa Melayu. Ini adalah diperuntukkan di bawah Perkara 152 yang telah dipersetujui oleh semua rakyat negara ini semasa ianya diwujudkan dalam Perlembagaan. Saya rasa adalah tidak wajar jikalau kita rakyat Malaysia masih lagi tidak dapat bersama-sama dengan rakan-rakan kita yang boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia kerana ia adalah perkara yang penting, kerana dalam mahkamah pun adalah diwajibkan mengikut Akta Bahasa Kebangsaan menggunakan bahasa Melayu, juga bagi urusan-urusan pejabat perlu digunakan bahasa Melayu. Jadi saya merasakan bahawa perlulah kita balik kepada fokus pembinaan bangsa, sayangkan dan cintakan negara ini. Kita balik kepada peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan kita dalam tahun 1957, kita sudah banyak lupa, kita tidak balik kepada apa yang asas, we go back to the basic. Apa yang banyak saya perkatakan sebenarnya adalah berbalik kepada basic yang masih relevan, yang masih tepat untuk kita dapat bersama-sama mewujudkan satu negara yang lebih makmur dan lebih united.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini bahawa sampailah masanya untuk kita lebih fokus, lebih tepat dan relevan dan kita perlulah balik kepada apa yang telah diperuntukkan di bawah undang-undang asas.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya saya mengatakan bahawa Perlembagaan kita relevan, undang-undang kita relevan, polisi dan dasar-dasar kita relevan, pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad relevan, kebangkitan Asia Timur relevan dan kita yakin boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor.

3.00 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Belanjawan 1999. Belanjawan Negara yang dibentangkan baru-baru ini telah menggariskan lima strategi dan langkah-langkah baru untuk mengaktifkan ekonomi yang terjejas teruk di samping melindungi kepentingan rakyat yang turut menerima kesan langsung daripada krisis kewangan yang berlaku. Sekiranya strategi yang disusun dan langkah-langkah yang diambil itu benar-benar dapat memulihkan keadaan ekonomi kita maka sewajarnya ia diberikan sokongan padu tetapi seandainya strategi yang diatur itu bertujuan untuk melindungi kepentingan segelintir individu atau golongan minoriti dan seterusnya menjerumuskan negara ke dalam kancah kegawatan ekonomi yang lebih serius, maka ia harus dinilai dan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang melanda rantau Asia sejak pertengahan tahun lepas telah menjadikan tahun 1998 sebagai tahun yang penuh cabaran bagi negara Malaysia. Keadaan ini diburukkan lagi dengan defisit dalam belanjawan kali ini iaitu sebanyak berbilion-bilion. Kita tidak boleh menafikan bahawa sebahagian daripada masalah ekonomi kita adalah

disebabkan kita menjadikan saham sebagai sandaran dan kekuatan ekonomi dan bukannya aktiviti yang benar-benar bercorak perniagaan yang melibatkan urusan jual beli. Kemunculan sebegitu ramai tokoh korporat dan jutawan di dalam tempoh waktu beberapa tahun kebelakangan ini cukup membanggakan tetapi golongan tersebut seharusnya dibiarkan berdikari dan tidak sewajarnya dibantu semata-mata kerana ia memberikan sumbangan sebanyak 28%.

Kita perlu ingat masih ramai rakyat yang miskin yang sekadar kais pagi makan pagi, yang mempunyai pendapatan sekadar untuk meneruskan kehidupan yang perlu diberi bantuan. Wang yang tersimpan di dalam dana-dana tempatan perlu dipertahankan, ditadbir dan diuruskan dengan baik. Wang tersebut seharusnya digunakan untuk tujuan pelaburan produktif dan menguntungkan. Belanjawan kali ini perlu menjurus ke arah memulihkan dan bukan menyelamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang 98% ekuiti dimiliki oleh kerajaan telah mengalami kerugian yang besar sebanyak tiga kali dalam tempoh 12 tahun iaitu pada tahun 1986 disebabkan skandal BMF di Hong Kong yang memaksa Petronas untuk membuat suntikan berbilion, kemudian pada tahun 1989 sekali lagi Bank Bumiputra mengalami kerugian berjuta-juta ringgit telah pun disuntik kembali oleh Petronas. Pada tahun ini pula perlu disuntik melalui Khazanah Nasional Berhad. Di sini persoalan yang timbul, adakah kerajaan membuat penyiasatan yang rapi dan teliti sehingga ke akar umbi. Di manakah kelemahan atau kesilapan serta punca yang menyebabkan BBMB mengalami kerugian sedangkan Hong Kong Bank tidak kedengaran menanggung kerugian sehebat itu.

Di antara tahun 1996, 1997 telah menunjukkan defisit yang besar di dalam imbalan pembayaran yang disumbangkan oleh bahan-bahan pertanian. Oleh pengeluaran hasil dan bahan pertanian tempatan seperti baja, makanan dan hasil pertanian yang lain perlu dilipat gandakan kerana negara kita yang terkenal dengan hasil bumi dan memiliki tanah yang subur, anugerah dari

Allah S.W.T mampu mengeluarkan bahan tersebut sekiranya ia dirancang secara teliti dan diusahakan secara bersungguh-sungguh.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan Kelantan boleh dicontohi kerana telah memulakan langkah menanam jagung bijirin untuk bekalan ternakan sehingga 2,000 ekar pada tahun 1999, insya-Allah, sebagai usaha mengurangkan import bahan tersebut dari luar negara dan seterusnya membantu mengelakkan pengaliran mata wang ke luar negara kerana sebelum ini jagung yang digunakan diimport dari negara luar termasuk Amerika Syarikat, China, India dan Amerika Selatan. Usaha Kerajaan Kelantan menggalakkan para petani menyertai program penanaman di tanah terbiar patut dicontohi oleh kerajaan dan negeri-negeri lain yang masih banyak tanah terbiar yang tidak diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati amalan membaca di kalangan masyarakat Malaysia masih di tahap yang rendah, terutama sekali di kalangan remaja. Para remaja lebih gemar membaca majalah hiburan yang melalaikan tanpa memberi kesan yang positif dalam pembentukan akhlak mereka. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengatasi masalah itu daripada berterusan dengan melaksanakan Kempen Membaca, di samping menyediakan kelengkapan buku di perpustakaan awam dan menyediakan perpustakaan bergerak di desa-desa.

Kita bimbang sekiranya membaca tidak menjadi satu tabiat di kalangan rakyat Malaysia ia akan menjurus kepada masalah kekurangan ilmu pengetahuan dan turut menjejaskan minat penerbit dan penulisan buku untuk menghasilkan karya mereka. Pihak kerajaan sepatutnya memberi perhatian terhadap aspek pembangunan dan penyelidikan bagi menghasilkan penemuan baru untuk memenuhi keperluan dan kehendak semasa. Sudah tiba masanya Malaysia dijadikan pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan yang menjadi pembekal ilmu pengetahuan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi sekolah akan dibuka semula dan sudah pasti di kalangan ibu bapa terpaksa menyediakan sejumlah wang untuk menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak. Kesempitan amat terasa terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana yang mempunyai bilangan anak yang ramai bersekolah. Oleh itu kerajaan perlu membantu meringankan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat dengan menyediakan kemudahan pinjaman buku teks. Mengagihkan skim pinjaman buku teks amat perlu dikaji semula kerana langkah kerajaan memberi kemudahan pinjaman kepada penjaga yang berpendapatan RM1,500 ke bawah dirasakan kurang wajar terutama sekali kepada penjaga yang tinggal di bandar-bandar terpaksa menyewa rumah dengan kadar yang tinggi dan mempunyai bilangan anak yang ramai.

Sehubungan itu saya menyeru kepada kerajaan agar melonggarkan syarat pengagihan buku teks ini supaya kemudahan dapat dinikmati oleh mereka yang memerlukan tanpa melihat kepada faktor pendapatan semata-mata tetapi juga perlu mengambil kira faktor lain seperti bilangan anak-anak yang

bersekolah dan anak yang berada di pusat pengajian tinggi bagi membantu meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa.

Saya ingin mencadangkan agar polisi KWSP dikaji semula agar wang KWSP bukan sekadar boleh dikeluarkan untuk tujuan membeli rumah atau perubatan tetapi juga untuk tujuan pendidikan iaitu melanjutkan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman philosophy dan teknologi maklumat ini para pelajar sering terdedah dengan masalah disiplin, keruntuhan akhlak dan maruah yang membangkitkan kepada masalah sosial di kalangan remaja. Masalah-masalah yang dihadapi di kalangan pelajar ini seolah-olah menunjukkan kegagalan atau kelemahan kokurikulum pendidikan Islam dan moral atau kegagalan untuk mempunyai kokurikulum tersebut kepada para pelajar pendidikan Islam dan moral sepatutnya wajar bukan untuk tujuan lulus periksa sahaja tetapi perlu ditanam ke dalam jiwa pelajar sehingga sehati.

Ada para pelajar tidak lemah menghadapi cabaran kehidupan yang semakin mencabar terutama sekali pengaruh persekitaran. Menyedari akan masalah keruntuhan akhlak yang semakin berleluasa di kalangan pelajar, kita dapati permintaan ibu bapa untuk memasukkan anak-anak mereka ke sekolah ajaran agama semakin tinggi. Oleh itu kerajaan perlu menyediakan ruang yang luas termasuk kemudahan infrastruktur bagi memenuhi permintaan tersebut.

Di sini saya menyeru kerajaan agar mendirikan atau menukar bilangan sekolah harian yang ada untuk dijadikan sekolah aliran agama bagi menampung permintaan yang semakin tinggi di kalangan ibu bapa. Kemudahan asrama patut disediakan di semua sekolah aliran agama yang terdapat di negara ini, agar pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah berpeluang untuk belajar di sekolah aliran agama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh tentang masalah pelajar Tingkatan Tiga yang secara automatik dapat memasuki Tingkatan Empat, walaupun lulus hanya satu mata pelajaran sahaja. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang tidak berminat dan lemah di dalam pelajaran. Mereka mungkin rasa terpaksa hadir ke sekolah sedangkan mereka yakin mereka pasti

gagal di dalam peperiksaan SPM kerana sebahagian mereka masih gagal untuk menguasai kemahiran 3M.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik sekiranya pelajar-pelajar ini ditempatkan di sekolah-sekolah yang menyediakan bidang kemahiran seperti sekolah menengah vokasional yang telah dimansuhkan agar sekurang-kurangnya mereka memiliki kemahiran untuk berdikari pada masa hadapan. Sehubungan itu, bidang dan sekolah vokasional yang digantikan dengan sekolah teknik patut diwujudkan seberapa segera bagi membantu menyediakan kemahiran khusus kepada pelajar yang lemah dalam pelajaran. Dengan adanya sekolah menengah vokasional, secara tidak langsung akan membantu mencungkil potensi yang ada di dalam diri para pelajar dan seterusnya mengurangkan masalah disiplin sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu yang seakan-akan dilupakan iaitu isu murtad di kalangan umat Islam dan saudara baru di negara kita. Masalah murtad ini timbul disebabkan kerapuhan akidah umat Islam masa kini yang menjadikan mereka tidak tahan diuji terutama sekali pada era globalisasi yang serba canggih ini. Kerajaan perlu memikul tanggungjawab dan wajib membendung gejala ini dari terus berlaku. Langkah Kerajaan Kelantan mengadakan Bulan Sembahyang, Bulan Dakwah dan Kempen Menutup Aurat perlu dicontohi oleh kerajaan dalam mengatasi masalah ketandusan akidah di kalangan umat Islam. Allah S.W.T. telah memberi pengajaran kepada kita di dalam firmanNya.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Minta laluan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat kononnya soal akidah, kita pun bersetuju soal akidah perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa cuma cara kita ialah melalui penerapan, tetapi yang saya hendak tanya Yang Berhormat atau wakil Kerajaan Negeri Kelantan ini, kenapa setelah Kelantan pada tahun lepas, walau pada Bulan Sembahyang, saya pun terlibat dengan Bulan Sembahyang tetapi masalah sosial itu jauh meningkat berbanding dahulu sama ada dari segi

dadah, soal gugur anak dan sebagainya Kelantan masih mendahului negeri lain. Apakah kaitan akidah dan pelaksanaan program-program agama oleh kerajaan negeri? Minta penjelasan, Tuan Yang diPertua.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang sebenarnya di dalam usaha, cuma usaha kita, yang melaksanakan bukan di tangan kita, hanya merupakan usaha kita ke arah kebaikan sebab yang menunaikan itu Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kerana hendak memberi kefahaman itu ialah daripada Allah S.W.T., kita hanya memberi. Di dalam firmanNya: [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang diPertua, sedikit sahaja lagi, minta laluan sedikit sahaja, pendek sahaja. [*Ketawa*] Kalaulah betapa Yang Berhormat boleh bersetuju, bahawa memang kita merancang tetapi takdirnya daripada Allah S.W.T. Jadi kalau apa pun yang berlaku setelah dirancang oleh mana-mana kerajaan tanpa perasaan sentimen apa-apa bahawa perkara itu adalah juga berlaku. Apakah perancangan Kerajaan Persekutuan dalam soal meningkatkan akidah dan sebagainya dan berbalik kepada soal khusus yang murtad yang pernah disebut oleh wakil-wakil PAS dalam ucapannya ini adalah ditakdirkan, apakah Yang Berhormat boleh setuju?

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Sebab benda yang mentakdirkan ini Allah S.W.T. kita hanya menerima sahajalah tetapi hanya meningkatkan usaha kita lagi. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: "Sesungguhnya dengan sembahyang itu dapat mencegah perkara mungkar." Begitu juga dengan pertandingan-pertandingan yang menjuruskan kepada aktiviti-aktiviti maksiat seperti ratu cantik perlu dihapuskan. Aktiviti dakwah yang berterusan terutamanya di kalangan saudara baru perlu dititikberatkan. Adalah suatu yang menghairankan kerana dalam usaha kita untuk mengembangkan syiar Islam, ada pula di kalangan umat Islam sendiri yang keluar daripada agama Islam, apatah lagi kalau ia membabitkan saudara baru.

Oleh itu kerajaan perlu mengambil inisiatif agar proses pemantapan akidah dilakukan secara berterusan, agar semua umat Islam sedar tentang kewajipan mempertahankan Islam dari sebarang anasir yang cuba untuk merosakkan kesucian Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan ibu bapa memainkan peranan yang penting ke arah pendidikan kanak-kanak tetapi malangnya sekarang ramai ibu bapa yang bimbang apabila anak-anak mereka gagal di dalam peperiksaan dan tidak dapat memasuki institusi pengajian tinggi tetapi tidak merasa apa-apa apabila anak-anak tidak mengambil Islam sebagai satu cara hidup.

Oleh itu di sini, saya ingin menyeru diri saya dan Yang Berhormat semua agar kita sama-sama mengamalkan cara hidup Islam kerana kita semua yakin Islam sahaja yang mampu menyelesaikan masalah ummah dan sesungguhnya Islam boleh. Justeru itu marilah kita sama-sama berpegang teguh dengan ajaran Allah S.W.T. dan melaksanakan apa yang Allah suruh dan meninggalkan segala larangannya. Firman Allah S.W.T [*membaca ayat suci Al-Quran*] maksudnya, “Dan apa-apa yang di bawa oleh Rasulullah S.A.W. maka hendaklah kamu ikut, dan apa-apa yang ditegah, dilarang oleh Rasulullah S.A.W. maka hendaklah kamu meninggalkannya”. Sekian, dengan ini saya mohon menyokong Belanjawan 1999.

3.22ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah syukur saya kepada Allah S.W.T kerana dapat dipanjangkan umur, murah rezeki, sihat tubuh badan, waras fikiran dan membolehkan saya berbahas dipembentangan Belanjawan 1999 ini dan tahniah kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan belanjawan pertama belanja defisit tahun ini tetapi meyakinkan kepada kita, rakyat Malaysia keseluruhannya termasuklah wakil-wakil PAS sendiri yang baru berucap pun ada unsur-unsur keyakinan yang saya catat beberapa point dan saya pun turut berbahas kerana ada setengah point itu saya setuju, setengah itu tidak berapa setuju dan setengah itu langsung tidak setuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin, yang membuat penyusunan secara teratur untuk Ahli-ahli Dewan Negara 'Senators' bercakap secara bergilir dan terancang begini kerana memanglah perancang itu adalah satu perkara yang baik, bila kita merancang, pelaksanaannya adalah baik kecuali takdir Allah S.W.T. Saya setuju dengan Yang Berhormat yang berucap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal Belanjawan 1999 ini saya akan menyentuh beberapa perkara, topik-topik yang khusus untuk menjimatkan masa yang diperuntukkan sekadar 30 minit dan saya fikir sesuai untuk ditimbulkan ataupun di'highlight'kan dalam konteks kita menghadapi belanjawan berdefisit ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya mengenai soal ekonomi saya menyanjung dan mengucapkan syabas kepada kerajaan yang mengambil langkah-langkah khusus dan meyakinkan dalam soal ekonomi negara kita yang sedang menghadapi masalah tetapi telah menampakkan unsur-unsur pemulihan yang semakin ketara. Di dalam usaha memulihkan otonomi ini melalui belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Kedua di Dewan Negara kita ini, saya ingin menyentuh tentang Danaharta yang melibatkan soal NPL yang telah pun, Insya-Allah, mengikut pembentangan belanjawan akhir tahun ini RM8 bilion NPL akan diselesaikan ataupun settle di bank-bank atau di sistem perbankan di negara kita.

Cuma saya bagi pihak masyarakat, perkara ini kecil barangkali kepada bank-bank tetapi besar kepada masyarakat khususnya mereka yang terlibat dalam perniagaan kecil dan sederhana ataupun mereka yang terlibat dengan sewa beli dan pajakan di mana menggunakan wang bank untuk pinjaman membiayai pembelian kereta, motosikal, rumah dan sebagainya. Masih berlaku walaupun semasa Bank Negara mengamal nasihat IMF untuk menyingkatkan tempoh NPL daripada 6 bulan kepada 3 bulan. Kita juga terkejut surat daripada peguam-peguam, daripada pejabat-pejabat guaman yang masyarakat maksudnya yang menerima surat untuk tarik balik sama ada kereta, motosikal, pinjaman pengangkutan, perumahan dan sebagainya? Tetapi Alhamdulillah, setelah kerajaan melalui belanjawan ini telah mengarahkan bank untuk memanjangkan tempoh NPL daripada 3 bulan kembali kepada 6 bulan yang masih mendebarkan dada, mereka yang terlibat dan saya yakin ramai yang terlibat ialah soal masa yang suntuk masih diberi notis, kalau dua bulan atau setengahnya tiga bulan, masih dihantar surat-surat untuk menarik balik kemudahan bank ataupun kemudahan pinjaman daripada finance company yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan ini saya amat memahami kerana saya sentiasa berbincang dengan kawan ataupun sahabat-sahabat yang

terlibat, mereka kata ia merupakan satu kejutan, kadang-kadang tekanan jiwa, sudahlah pendapatan berkurangan hasil daripada potongan dan sebagainya, elaun setengah itu tidak dibayar, ditanggung ataupun dibayar secara berperingkat, kalau RM5,000 dibayar RM1,000 ke, RM2,000, terima pula surat ugutan, hendak tarik balik kereta, terfikir kalau kereta itu ada di tengah jalan raya kena tarik dan ini merupakan gangguan kecil yang menyebabkan mereka yang terlibat itu tidak selesai, sudahlah pendapatan mereka terjejas.

Jadi saya sukacita mencadangkan pihak Bank Negara khususnya mengambil tindakan sewajarnya untuk menasihati bank-bank berkenaan supaya tidak melakukan perkara ini dan jangan mengambil kesempatan di atas kekeliruan di atas tempoh NPL yang ditarik, disambung dan sebagainya daripada enam bulan kepada tiga dan tiga bulan kepada enam bulan. Ada sedikit kekeliruan, menyebabkan kesempatan ini diambil. Dan saya sukacita mengingatkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara ini juga menyebabkan ramai yang mula merasa terancam daripada tindakan-tindakan itu sehingga ada jenaka-jenakalah di kawasan, dia kata sekarang kita ramai 'YB', saya tanya kenapa ramai 'YB' – maksudnya 'yang bankrap'. Saya ingat 'YB' - 'Yang Berhormat'. Ini kerana keadaan ekonomi yang sedang melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang juga telah kita bincang, bahas dan telah kita luluskan, kita berbangga soal danamodal di mana kerajaan menggunakan kemudahan dalaman untuk menanam modal ataupun melalui seat capital sejumlah RM3 bilion yang mana suntikan sebanyak RM4.5 bilion. Ini juga saya minta supaya Bank Negara mengambil perhatian khusus kepada bank-bank tertentu, saya ada contoh tetapi saya tidak suka menyebut nama bank tersebut kerana saya tidak suka memalukan bank itu kerana saya juga terlibat dengan satu perniagaan tetapi sebagai contoh saya yakin Bank Negara telah tahu, saya menghantar surat sendiri ke Bank Negara bahawa satu bank pinjaman RM15 juta kita buat service bayaran bulanan tanpa jejas hendak ditarik balik. Kemudian berunding daripada RM15 juta hanya RM7.5 juta dibenarkan kemudahan overdraft digunakan, hendak ditarik balik dan kita terpaksa merayu berjumpa Bank Negara dan akhirnya Bank Negara campur tangan ataupun memberi perkhidmatan untuk menolong, akhirnya, Alhamdulillah, boleh digunakan. Apa yang saya hendak timbulkan, terima kasih kepada Bank Negara cuma kepada bank itu kita pun tidak hendak berlaku

hubungan yang tidak baik – bermuka masam – di antara kita peniaga dengan bank. Sepatutnya bank-bank berkenaan harusnya menerima apa yang diarah oleh Bank Negara ataupun dasar kerajaan itu sebagai satu perkara yang sama-sama kita rasai dan sama-sama mendukung supaya hasrat kerajaan untuk memulihkan ekonomi ini lebih cepat tercapai dan danamodal yang diberi oleh kerajaan itu adalah bermanfaat untuk mereka dan bermanfaat untuk kesemua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar rungutan tetapi ini terserahlah kepada kerajaan untuk menyiasat iaitu tentang kemudahan pinjaman kereta dan perumahan. Mengikut belanjawan, laporan akhbar, kenyataan Perdana Menteri, Menteri Kewangan Kedua dan sebagainya bahawa kemudahan ini telah dipertingkatkan. Pinjaman perumahan sampai 100%, ada yang 9% faedahnya, pinjaman kereta sampai 9% faedahnya dan pinjaman 85% tetapi masalahnya masih ada di kalangan rakyat yang masih susah dan rumit untuk mendapatkan pinjaman ini dan lagi sekali saya menyeru pihak bank supaya mempermudah dan mendukung dasar-dasar ini supaya ia dapat mencergaskan aktiviti ekonomi di peringkat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang paling menarik yang menjadi bahan percakapan sama ada di Parlimen, coffee house, New York dan seluruh dunia ialah mengenai kawalan modal yang telah dibuat oleh kerajaan kita yang telah pun menampakkan kesan positif dan baik dalam soal pemulihan ekonomi. Kita dapat melihat daripada *Business Times*, *Asia Week* dan majalah-majalah antarabangsa daripada tokoh ekonomi dunia juga ramai memperakui bahawa langkah ini adalah baik dan bersetuju dengan pandangan, cadangan awal, sejak bermulanya krisis ekonomi ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan bahawa mesti dikenakan peraturan kepada perdagangan wang dunia secara menyeluruh kerana Malaysia tidak mampu apatah lagi kita negara kecil, penduduknya kecil, kekuatan kita pun bukanlah sekuat mana ibarat timun dengan durian, kalau kita golek kerana kita timun, kita luka, apatah lagi kalau durian golek atas kita lagi kuat lukanya.

Maka di sini saya melihat sesuatu ada di sebalik kalau tokoh-tokoh ekonomi mengakui bahawa apa yang Malaysia buat baik, yang China telah buat dahulu, negeri China telah buat lama dahulu, bermakna ada kebaikan cuma barangkali masalah psikologi, kadang-kadang manusia ini ada perangai

yang ego terutama orang politik tidak mahu mengaku tambahan pula dari negara kecil, ibarat orang tua ataupun orang dewasa tidak mahu mengaku kalau pandangan itu daripada murid ataupun orang yang kecil dan saya mencadangkan perkara ini apa salahnya kalau kita memakai pepatah Melayu; “Kecil jangan disangka anak, besar bukan semestinya bapa” Kalau Amerika besar pun tetapi kalau tidak boleh tampil dengan idea yang baik apakah salah Amerika, Eropah menerima pandangan dari orang kecil Malaysia tetapi ianya baik kepada kesan ekonomi bukan Malaysia sahaja, Asia dan seluruh dunia, global melalui kawalan peraturan perdagangan wang.

Walau bagaimanapun, saya tadi menerima hakikat, bahawa manusia ini kadang-kadang kepalanya keras terutama orang politik dan kalau pemimpin-pemimpin dunia ini memangnya orang politik, bermakna kita perlu berbuat sesuatu untuk memastikan kekerasannya boleh dilembut sebab tidak ada benda yang keras yang tidak boleh dilembutkan. Dato’ Haji Mohamad, setuju dengan saya? Kalau tokoh agama setuju, alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa kesan psikologi yang perlu kita buat, tidak ada benda yang tidak boleh berubah. Kalau Perdana Menteri kita pernah menghentam siapa sahaja, Clinton, Margaret Thatcher atau sesiapa, Perdana Menteri New Zealand, Australia, John Howard atau sesiapa tetapi kadang-kadang boleh berbaik balik, macam kita orang politiklah. Semalam Presiden UMNO menyatakan “There is no permanent enemy, there is no permanent friends in politic”, kenapa kita tidak boleh gunakan teori ini untuk melembutkan kekerasan pemimpin-pemimpin dunia melalui hubungan pemimpin kita juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai kuasa cakap yang meyakinkan yang membolehkan orang hati lembut walaupun pernah berkelahi, pernah bergaduh, biasalah orang politik, sama ada politik UMNO, politik mana, politik dunia pun biasa, tidak mustahil perkara itu tidak boleh berubah maka saya mencadangkan supaya Perdana Menteri banyak membuat kerja-kerja memperbaiki hubungan dengan tokoh-tokoh negarawan dari luar negara untuk melembutkan hati mereka menerima cadangan yang baik, akhirnya dapat menyelamatkan ekonomi negara, ekonomi dunia kerana

pandangan itu jika diterima seperti diperaku oleh tokoh-tokoh ekonomi dunia memang baik kepada global ekonomi, bukan soal Malaysia sahaja.

Dengan hujah ini pun saya rasa kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap cukup meyakinkan cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya juga selaku orang politik nampak barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini bacaan saya sahajalah, hendak pastikan masalah dalam negeri, memastikan masalah dalam negeri stabil, selamat, terjamin, tidak mahu tinggal rumah supaya keadaan rumah itu boleh kukuh. Permasalahan seperti yang kita tahu memang berasas bila pemecatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kekosongan jawatan maka masalah itu berkembang daripada kekosongan jawatan, gawat politik sementara, ada soal reformasi dan sebagainya, soal kecil, besar mana, tiada kajian dibuat tetapi kesannya ada.

Selepas itu ada perkembangan kepada soal siapa hendak jadi Timbalan Perdana Menteri, mula ada kelompok-kelompok yang lobi melobi, serang menyerang, fitnah memfitnah, buruk memburuk, rancang merancang ke arah hendak dapat jawatan Timbalan Perdana Menteri. Maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barangkali kalaulah pandangan saya tadi untuk beliau keluar negeri untuk membuat pemulihan, pemulihan kepada soal ekonomi dengan cadangan-cadangan seperti yang saya katakan tadi, tidak yakin dengan masalah dalam negeri.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat perlantikan, ini pandangan saya kepada jawatan Timbalan Perdana Menteri secepat mungkin. Sekadar maklumat, Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar, kawan-kawan semua mendengar dari Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan lain-lain, semua bercakap

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Datuk Haji Hashim bin Safin: Boleh.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Ismail: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Hashim, sama ada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali ini kroni Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya kenal lama Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, dia boleh kroni kepada siapa sahaja. Dia pandai sebab dia apply teori politik, 'there is no permanent friends and permanent enemies in politic', dengan izin, sebab Perdana Menteri pun gunakan bahasa Inggeris semalam.

Tuan N. Marimuthu: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Orang sebelah kanan bangun.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat jelaskan apa yang dikatakan 'permanent friends and permanent enemies', minta translate ke bahasa Malaysia.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Saya gunakan itu sekadar memberi kesan jenaka yang lebih sedikit, sebenarnya boleh diterjemahkan - "Di dalam politik tidak ada musuh yang kekal dan kawan yang kekal," dan kalau hendak tambah sedikit "yang kekal adalah matlamat semasa".

Tuan Yang di-Pertua, soal maklumat yang kita perolehi, sekadar untuk pendengaran kita semua dan insya-Allah kalau lantak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui wakil-wakil Menteri yang ada, bahawa maklumat yang kita dapati peringkat di bawah bersedia mematuhi keputusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, lantiklah, bukan siapa sahaja, sebab ada asas, lantik saya tidak boleh, saya tahu saya tidak boleh. Memang seperti yang dikatakan tokoh-tokoh yang disebut kononnya Yang Berhormat Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Saya mendapat maklumat bahawa di kalangan mereka ini boleh diterima dan kalaulah sesiapa yang dilantik di kalangan mereka itu memudahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat kerja-kerja di luar negara dan serahkan kepada sesiapa untuk mengendalikan urusan dalam negeri semoga perkara ini boleh memberi kesan (impact) yang baik kepada pemulihan ekonomi yang sudah mula menampakkan keberkesannya akhir-akhir ini. Barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh terus menemui agensi-agensi dunia seperti rating agency dan sebagainya, lobi balik,

kalau tanpa asas dia boleh turun dan dengan usaha dia barangkali dia boleh naik balik sebab fundamental kita memang baik tetapi sekadar kerana masalah sentimen politik, keegoan dan kemarahan oleh sebab-sebab tertentu dengan serta-merta rating kita turun dan kalau dibuat mengapa tidak boleh naik balik. Ini perkara biasalah. Jadi perkara itu penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh kepada soal yang telah disentuh dalam Belanjawan ini iaitu cabaran ekonomi, pada muka surat 28 buku Belanjawan 1999 digariskan enam cabaran ekonomi Malaysia. Cuma saya ingin menimbulkan satu lagi cabaran yang perlu kita buat ialah soal yang telah pun saya sebut tetapi tidak khusus iaitu soal dalaman negara, soal dalaman politik yang perlu distabilkan. Kestabilan dalam politik ini boleh berlaku melalui kepatuhan kita kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kesetiaan kita, bersatu kita, setia kita dan bersepadu kita semua.

Bila menyebut soal kestabilan dalam cabaran ekonomi untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada usaha untuk memulihkan ekonomi ini ianya bermula dari kestabilan UMNO, negara Malaysia, sejarah politik ekonomi Malaysia sehingga kini bermula daripada kestabilan UMNO, bermula dari kestabilan Melayu. Kalau Melayu tidak stabil, UMNO tidak stabil, yang lain juga turut terjejas. Maka sekali lagi saya minta perkara ini boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan kestabilan itu diberi pemulihan seberapa segera yang mungkin melalui perlantikan-perlantikan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh mengenai strategi Belanjawan. Strategi Belanjawan cukup baik, seperti yang ada pada muka surat 29 buku Belanjawan 1999, ada lima strategi, kita semua baca dan ketahui. Cuma saya ingin menyentuh yang akhir, strategi Belanjawan yang kelima iaitu menjamin kesejahteraan rakyat. Saya rasa strategi ini diletakkan di nombor satu, kesejahteraan rakyat itu penting dalam suasana kegawatan ekonomi, masalah pendapatan semakin terjejas, perbelanjaan semakin terhimpit, perut semakin terjerut seperti yang dikatakan oleh Yang

Berhormat dari PAS tadi, perbelanjaan persekolahan anak-anak sedang dihadapi, maka soal kesejahteraan rakyat ini penting.

Saya melihat dari segi peruntukan perbelanjaan kesejahteraan rakyat itu kecil sangat, sekadar RM265 juta adalah terlalu kecil sedangkan saya rasa di saat ini sepatutnya peruntukan kesejahteraan rakyat lebih besar. Sudahlah selama ini kita berbelanja ke peruntukan lain yang lebih besar, apalah salahnya tahun 1999 sebelum tahun 2000 kita belanja lebih besar ke kawasan luar bandar, cara belanjanya senang, beri peruntukan yang lebih kepada agensi-agensi yang terlibat di luar bandar dan pastikan pelaksanaannya tidak tiris di mana-mana, sampai kepada rakyat supaya perkara ini boleh dirasakan secara terus oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya suka mencadangkan kepada kementerian ialah peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen dan Senator-senator. Kalau dahulu hanya RM100,000 untuk satu penggal, jika dibahagi - RM30,000 sahaja. Saya mencadangkan kedua-dua sekali kepada wakil-wakil Parlimen diberi peruntukan tambahan untuk tahun 1999 dan kepada Senator pun diberi peruntukan tambahan kalau boleh RM100,000 untuk tahun hadapan ataupun kalau lebih, lagi baik kerana saya yakin cara yang kita buat semua Senator bersetuju perbelanjaan kita secara terus melalui projek-projek kecil kita boleh beri, misalnya kepada mereka di kawasan untuk membuat jalan dengan harga RM5,000 10% untung bolehlah RM500, kepada masyarakat kampung RM500 besar. Berilah peruntukan RM10,000, kalau keuntungan bersih 10% - RM1,000 mungkin dia dapat menanggung keluarganya untuk masa hadapan dan sebagainya.

Begitu juga kita masuk kepada strategi mencergaskan ekonomi di bawah dan ekonomi di bawah bermula dari ekonomi orang kampung, biar mereka merasai kesan pemulihan ekonomi, mereka ini boleh merasai nikmat daripada kewangan negara. Memang kita dapat melihat kalaulah perkara ini boleh berlaku di peringkat bawah ini dapat menikmati peruntukan secara terus, saya yakin mereka akan lebih yakin kepada Barisan Nasional, apatah lagi setelah kita mengalami kegawatan ekonomi diikuti dengan kegawatan politik, kalau

kita redakan sekejap ingatan mereka yang singkat itu dapat kita pergunakan, lupakan sahaja yang berlalu, fikir masa hadapan, Barisan Nasional adalah satu-satunya parti yang baik.

Kalau pilihan raya tahun 2000 kita dapat menarik balik masyarakat luar bandar untuk menyokong Barisan Nasional dan memberi undi yang baik, insya-Allah, Barisan Nasional dapat terus memerintah dan kalau Barisan Nasional dapat memerintah dengan strategi yang baik, dengan dasar-dasar fiskal yang baik, kita akan dapat memastikan Malaysia akan terkeluar daripada masalah ekonomi. Tetapi cuba kita bayangkan kalaulah satu kerajaan baru naik selepas pada ini, sudah tentunya tidak Barisan Nasional, tentu mereka tidak akan meneruskan dasar-dasar yang telah kita buat dan tentunya akan menyebabkan kegawatan ekonomi yang lebih gawat dan akan menyusahkan usaha-usaha kita untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan sangat supaya kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada luar bandar termasuklah peruntukan jalan-jalan luar bandar. Saya akan bincang khusus mengenai luar bandar ini apabila sampai kepada kementerian, bila kita bercakap soal-soal kementerian nanti di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kerana saya mengalami banyak masalah yang sekarang dialami oleh masyarakat luar bandar – banyak sangat. Insya-Allah, saya akan menyebutkan di dalam tajuk-tajuk atau kementerian-kementerian khusus.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik sedikit kepada Senator Hajah Hunaizah, wakil PAS, Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim yang bercakap tadi. Ada yang saya setuju, memang kita bersetuju dengan langkah kerajaan negeri menanam jagung dan sebagainya. Cuma satu lagi masalah politik yang sedang dilakukan oleh Kerajaan PAS walaupun orang PAS alim, tetapi politik ada corner ataupun liku-likunya masing-masing. Soal tanah, kalau Kerajaan Negeri Kelantan ikhlas untuk menolong kemudahan rakyat di luar kawasan, usaha-usaha Kerajaan Persekutuan melalui kementerian-kementerian ke luar-

luar bandar ialah dengan mempermudah kelulusan tanah kepada pihak-pihak Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensinya ataupun ahli-ahli perniagaan, korporat-korporat dari Kuala Lumpur yang dicamkan sebagai orang kerajaan untuk memiliki tanah.

Saya difahamkan ada tokoh-tokoh yang bersedia membangun tanah di Kelantan, tetapi bila buat permohonan kononnya dicam orang ini Barisan Nasional dan sebagainya, akhirnya ditolak. Banyak agensi kerajaan yang memiliki tanah, hendak dimaju tergendala oleh kelulusan kerajaan negeri. Perkara ini amat mendukacitakan. Saya berserulah kalau Kerajaan PAS itu ikhlas dalam keadaan ekonomi yang sedang gawat ini, berilah kerjasama untuk memastikan soal tanah itu jangan dipermasalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya tertarik apabila disebut. Saya teringat semasa Tuan Yang di-Pertua menjadi Menteri Besar Kelantan satu ketika dahulu selama tiga penggal, iaitu mengenai cadangan sekolah Arab. Memang saya menyokong kerana ini soal kita bersama tanpa mengira PAS atau UMNO dan sebagainya. Kita menghendaki soal agama ini menjadi tujuan bersama, kita bangun bersama, kita maju bersama. Lagi sekali permasalahan yang sedang dihadapi dalam usaha tempat yang paling baik untuk berkembang sekolah agama adalah di negeri Kelantan, Terengganu. Yang paling baik Kelantan terkenal sebagai sebuah negeri yang dahulunya mengeluarkan tokoh-tokoh agama dengan sekolah-sekolah pondoknya dan sebagainya. Kalau semasa Tuan Yang di-Pertua dahulu banyak menubuhkan pondok moden, terdapat banyak sekolah Arab. Kalau dahulu ada sekolah Arab yang tidak hidup, dihidupkan.

Tetapi bila datang PAS kerana masalah politik lagi sekali banyak sekolah Arab yang tutup. Di kawasan saya sudah tiga sekolah Arab kena tutup. Dahulu kita bangunkan sekolah Arab, sekarang ditumbuhi oleh lalang. Jadi, melalui ucapan saya ini saya hendak sampaikan kalau Kerajaan Negeri Kelantan ini ikhlas untuk membangunkan sekolah-sekolah Arab kenapa tidak boleh memberi kerjasama untuk sekolah Arab ini dimajukan oleh Kementerian Pendidikan, walaupun sekarang hanya terhad melalui bantuan modal oleh

Kementerian Pendidikan diberi kepada sekolah Arab, tetapi kuasa penuh masih di bawah kekuasaan kerajaan negeri dan di bawah Yayasan Islam Kelantan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap lebih daripada itu, kerana masa terhad. Saya menyarankan supaya kita sama-sama memastikan rakyat di bawah merasai tidak tertekan sama ada dari segi ekonomi, sama ada dari segi perasaan, biar mereka rasa terjamin walaupun apa yang berlaku tetapi kembali semua kepada landasan yang baik. Soal politik cukuplah untuk kita memburukkan sesiapa. Perkara yang lepas, lepas, perkara itu sedang dibicarakan. Jangan kita melebihi lajak daripada laju dan sebagainya. Kerana saya menerima maklumat setengah itu kaki bodek menyampai maklumat ke atas lain. Tetapi kalau di bawah kita melampau sangat, memburukkan sesuatu tokoh, sedangkan mereka ini belum lagi dapat kita pisahkan benar-benar. Akhirnya memberi kesan yang tidak baik.

Sebab itu saya kata dalam soal keselamatan, kesejahteraan di bawah itu banyak perkara difikir. Jangan dengar hanya satu pihak sahaja sehingga pemimpin kita juga kadang-kadang mengeluarkan kenyataan yang menghiris perasaan orang-orang tertentu. Kerana kita kena ingat dalam politik ini memang ada kawan dan ada lawan, dan bukan semudah itu untuk kita memisahkan antara kawan dengan kawan walaupun kita mempunyai pendirian masing-masing dalam soal politik. Sebab itulah saya memikirkan bahawa janganlah lebih sudu daripada kuah, lebih lajak daripada laju untuk membuat kenyataan-kenyataan dalam kes-kes tertentu seperti yang berlaku baru-baru ini. Sekarang nampaknya perkara itu sudah berkurangan, barangkali feedback itu sudah disampaikan oleh special branch kepada pemimpin-pemimpin kita ataupun tokoh-tokoh tertentu dalam kenyataan-kenyataan yang kadang-kadang merosakkan dalam usaha kita memulih segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan saya dalam Belanjawan kali ini. Semoga saya dipanjangkan umur dapat berucap lagi di Belanjawan tahun depan dan dapat melihat ekonomi kita kembali pulih balik kepada landasan yang jitu dan rakyat kita kembali sejahtera, dan yang lebih penting, Tuan Yang di-

Pertua, semoga Barisan Nasional akan lagi sekali memenangi dalam pilihan raya akan datang, insya-Allah. Dengan itu, saya mohon menyokong ucapan Belanjawan 1999. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim Chee Chong.

3.57 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Belanjawan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada UMNO kerana telah berjaya mengadakan perhimpunan khas pada 13 Disember 1998 di mana dengan sebulat suara telah meminda perlembagaan sebanyak 15 fasal. Ini menunjukkan UMNO yang mengamalkan demokrasi lagi lama mendapat sokongan dari bangsa Melayu dan bangsa Malaysia. Perpaduan UMNO amat penting dalam arena politik negara kita. Kerana kestabilan UMNO adalah kestabilan Barisan Nasional. Kestabilan Barisan Nasional adalah kestabilan politik negara kita ini.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana niat jahat Soros dan sahabat-sahabatnya, negara kita Malaysia dan negara-negara yang lain di dunia ini mengalami kegawatan ekonomi. Tetapi pada hari ini negara kita Malaysia dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berusaha untuk memulihkan ekonomi negara kita. Pada 23 Oktober lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan sendiri membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan Rakyat, dan pada minggu yang lalu Yang Berhormat Menteri Kewangan II membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan yang mulia ini.

Rang Undang-undang Perbekalan tersebut adalah sinar baru, adalah harapan baru kepada bangsa Malaysia ini kerana mencadangkan bermacam-macam langkah untuk memulihkan ekonomi negara kita ini. Dalam pada itu, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) juga memainkan peranan penting

dalam usaha ini. Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, sebagai Menteri Tugas-tugas Khas dan Pengarah Eksekutif MTEN juga membentangkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) kita pada 23 Julai tahun ini selepas membincangkan ekonomi dengan segala lapisan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional kita, pada hari ini ekonomi negara kita mulai pulih. Pada hari ini kerajaan mengadakan kawalan modal dan kawalan pertukaran wang di mana kerajaan telah berjaya membawa balik RM33 bilion dari luar negara melalui kawalan pertukaran wang. Kini wang ini amat cukup untuk pinjaman perumahan dan lain-lain. Kerajaan juga telah berjaya memberikan beberapa gerakan untuk mencergaskan sektor hartanah dan lain sektor bagi memulihkan ekonomi negara kita. Demikian juga pasaran saham, kerajaan juga mengawal pasaran saham. Pada masa yang lampau saham-saham syarikat Malaysia menjadi sasaran pelabur asing tetapi hari ini dalam kawalan kerajaan kita. Pada hari ini indeks komposit di BSKL telah meningkat daripada paras terendah 262 mata pada September yang lalu kepada 533.88 mata pada Jumaat lalu iaitu 12 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, kami penuh yakin melalui usaha dan langkah-langkah Kerajaan Barisan Nasional, ekonomi negara kita akan pulih dengan secepat mungkin. Rakyat jelata negara ini akan memberi sokongan penuh kepada kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya ingin menyentuh tentang CLP, atau Sijil Amalan Guaman. Peperiksaannya adalah dianjurkan oleh Lembaga Kelayakan Profesional Undang-undang Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya baca surat khabar Pengerusinya, iaitu Tan Sri Mohamad Abdullah, sebagai Pengerusi Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang yang menyatakan peperiksaan CLP sekiranya penuntut gagal dalam peperiksaan maka akan disekat satu tahun, dalam satu tahun tidak dibenarkan 'resit' ataupun mengambil peperiksaan ulangan kerana memberi masa yang cukup kepada calon-calon untuk lulus peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya peperiksaan itu kita tidak boleh sekat calon, minta beliau tunggu satu tahun baru dibenarkan mengambil satu peperiksaan, kalau beliau gagal dalam peperiksaan itu. Pada hemat saya banyak penuntut ataupun mahasiswa dalam course CLP adalah mature student, orang yang sudah jadi bapa, ataupun yang sudah jadi datuk baru menuntut CLP, ada yang berumur 40-an atau 50-an. Kalau sekiranya kita sekat satu tahun apa yang dia belajar itu setahun kemudian dia akan lupa kerana orang lagi tua lagi senang lupa. Oleh itu kita tidak boleh sekat peperiksaan mereka selama satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mempunyai pengalaman gagal dalam peperiksaan. Orang ambil Law jadi peguam lima ataupun enam tahun, tetapi saya menjadi lawyer ambil masa yang panjang selama 17 tahun, beberapa kali saya gagal. Saya dua kali gagal. dalam LCE, dua kali gagal dalam qualifying test, setelah tujuh kali baru saya berjaya dalam peperiksaan HSC, Law Degree pun gagal, CLP peperiksaan pertama pun gagal tetapi try lagi dengan semangat dan harapan akan lulus. Jadi kita tidak boleh sekat seseorang penuntut di dalam mengulangi peperiksaan. Oleh itu saya harap agar Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang akan membenarkan sesiapa sahaja yang gagal di peperiksaan, jangan sekat mereka satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peruntukan. Saya diarahkan oleh sahabat saya Dato' Gan Kuok Kwan yang pernah menjadi Ahli Dewan Negara dan telah tamat tempohnya April tahun ini. Pada November tahun yang lalu, beliau juga mengemukakan permohonan peruntukan untuk sekolah-sekolah, tetapi pada November ini, satu tahun kemudian, beliau menerima sepucuk surat daripada Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan permohonan itu ditolak kerana tempohnya telah tamat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Dato' Gan Kuok Kwan mengemukakan permohonan peruntukan untuk sekolah-sekolah adalah pada bulan November tahun lalu, pada masa itu beliau masih seorang Ahli Dewan Negara tetapi kenapa permohonan itu ditolak. Oleh itu saya merayu kepada Jabatan Perdana Menteri agar meluluskan segala permohonan peruntukan

daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Selagi seseorang Ahli Dewan Negara memegang jawatannya sebagai seorang Ahli Senator permohonannya harus diluluskan. Kita tidak mahu janji kosong, kata harus dikotakan, apa yang kita janji kepada PIBG sekolah, apa yang kita janji kepada To'Kong ataupun kuil-kuil, ataupun pertubuhan kebajikan tempatan kita harus kotakan atau tunaikan janji-janji kita. Oleh itu saya memohon kepada Jabatan Perdana Menteri meluluskan segala peruntukan dengan segera, jangan tolak dengan apa-apa alasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kempen pemilikan rumah yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 Disember 1998, di mana sesiapa yang membeli rumah dalam tempoh satu bulan iaitu mulai 12 Disember 1998 hingga 12 Januari 1999 akan mendapat pelbagai potongan insentif istimewa. Pada hemat saya, satu bulan untuk membeli harta benda adalah amat singkat. Oleh itu saya memohon kepada kerajaan agar tempoh satu bulan itu akan dapat dilanjutkan kepada enam bulan.

Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan sesiapa yang membeli rumah dalam tempoh satu bulan ini akan dikecualikan daripada cukai setem. Mengikut Utusan Malaysia semalam, ia berkata cukai setem, Sales and Purchase Agreement (S & P) sahaja, itu tidak banyak cuma RM12 sahaja untuk tiga atau empat copy, tetapi stamp duty untuk transfer ataupun tukar milik itu yang banyak iaitu biasanya 1% on the purchase price, dengan izin. Saya harap apa sahaja setem akan dapat dikecualikan agar menggalakkan pembeli-pembeli untuk membeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perompak di laut. Baru-baru ini saya membaca surat khabar di mana saya mengetahui ada perompak laut di negeri Kedah membunuh seorang nelayan dalam mana seramai 300 orang merayu kepada kerajaan agar mengambil tindakan sewajarnya untuk menghapuskan perompak laut. Jenayah-jenayah yang dilakukan oleh perompak laut adalah begitu serius bukan sahaja merampas harta benda orang awam, tetapi juga membunuh orang awam. Oleh itu saya menyeru kepada Kementerian Dalam

Negeri dan Kementerian Pertahanan untuk mengambil tindakan sewajarnya menghapuskan perompak-perompak laut di negara kita untuk menjamin keselamatan nyawa dan harta benda rakyat Malaysia dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendidikan - Fakulti Pergigian iaitu doktor gigi khususnya. Biasanya Fakulti Pergigian harus tiga tahun hingga empat tahun pengajian, kalau empat tahun untuk Fakulti Pergigian adalah cukup mengikut pandangan saya tetapi di Universiti Malaya adalah dari empat tahun hingga lima tahun, sekarang kursusnya adalah lima tahun untuk Fakulti Pergigian. Tetapi di Amerika Syarikat, tempoh kursus itu cuma tiga tahun sahaja. Universiti di negara kita ini ada orang asing yang menjadi pensyarah, kontrak mereka cuma tiga tahun sahaja, cukup tiga tahun mereka akan pulang ke negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita menyingkatkan kursus, ada dari empat tahun dipendekkan tempohnya menjadi tiga tahun, jadi kita tidak boleh panjangkan tahun itu. Oleh itu saya menyeru kementerian bahawa Fakulti Pergigian adalah empat tahun bukan lima tahun, empat tahun sudah cukup untuk melatih seseorang itu menjadi doktor gigi. Dalam pada itu tentang sistem gunakan mesin di universiti. Mengikut maklumat yang diberi kepada saya sekarang ini setiap student menggunakan sebuah mesin. Pada hemat saya, kita haruskan gunakan satu mesin untuk tiga orang mahasiswa dan bukan seorang gunakan satu mesin, ini akan menjimatkan wang negara kita, juga kita boleh mengambil mahasiswa tiga kali ganda lebih dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah perbincangan saya dengan seorang doktor gigi yang berpengalaman, yang mempunyai kelayakan BTS MTS dan PTS iaitu Dr. Philip Ting di Seremban. Beliau juga mencadangkan Inti Kolej Nilai boleh menjalankan Fakulti Pergigian untuk melatih mahasiswa bagi first year and second year. Saya harap kementerian akan mengkaji cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini menyentuh Kementerian Kesihatan. Saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan akan kontrol technetium, minta technetium memohon lesen daripada Kementerian Kesihatan. Pada hemat saya ataupun doktor pakar gigi yang menyatakan bahawa lesen itu

adalah tidak payah, technetium itu tidak perlu kontrol kerana technetium itu adalah di bawah kontrol doktor gigi.

Di Australia sepuluh tahun yang lalu, telah dilaksanakan dasar ini tetapi sudah gagal. Dalam pada itu bayaran yang diterima daripada bayaran lesen adalah tidak cukup untuk perbelanjaan. Oleh itu, saya harap Kementerian Kesihatan akan mengkaji semula tentang technetium di'licence'kan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Al Gore, Timbalan Presiden Amerika Syarikat baru-baru ini dalam satu majlis makan malam, secara terbuka menyokong reformasi dan tunjuk perasaan di Kuala Lumpur. Ini adalah satu sikap yang biadap yang mengganggu hak ehwal dalaman negara kita. Juga Soros baru-baru ini, orang yang merosakkan ekonomi negara kita dan ekonomi dunia minta Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir disingkirkan. Mereka memang tidak faham sistem demokrasi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sistem demokrasi negara ktia adalah sistem demokrasi berparlimen. Di negara Amerika Syarikat ada dua orang yang saya sangat menghormatinya, pertama, adalah pengasas Amerika Syarikat iaitu George Washington dan kedua, adalah seoang Presiden Amerika Syarikat iaitu Presiden Abraham Lincoln yang menyatakan dalam ucapannya dalam satu upacara pengkebumian askar-askar yang gugur di dalam perang saudara. Beliau menyatakan; *"Sekiranya sesebuah negara itu bersistem demokrasi di mana kerajaan rakyat oleh rakyat dan untuk rakyat, maka negara itu tidak akan dilenyapkan di muka bumi ini"*.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini negara kita Malaysia adalah mengamalkan sistem dan dasar yang dicadangkan oleh Abraham Lincoln iaitu kerajaan kita Barisan Nasional adalah dipilih oleh rakyat dan untuk rakyat. Jadi, kita menasihatkan orang Amerika Syarikat jangan mengganggu hal ehwal orang lain. Pada tahun 1950-an Amerika Syarikat menggunakan nama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengganggu hal ehwal Korea maka

timbullah peperangan Korea pada tahun 50-an dan juga dalam tahun 60-an Amerika Syarikat mengganggu Vietnam jadi berlakunya peperangan Vietnam. Jadi ramai rakyat jelata yang tidak berdosa telah terkorban dalam peperangan itu.

Pada hari ini kita harap Amerika Syarikat jangan mengganggu hal ehwal dalaman negara kita. Dalam pada itu saya mendesak Kementerian Dalam Negeri terutama Cawangan Khas menyiasat sama ada Amerika Syarikat menggunakan wang untuk menggulingkan Kerajaan Barisan Nasional kita atau tidak. Kalau sekiranya sesiapa yang terlibat dalam hal itu, kita berharap kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menentang niat jahat Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan akan meminda Undang-undang Lalulintas dalam mana orang yang membawa kereta secara merbahaya, menyebabkan kematian seseorang, kalau didapati bersalah di mahkamah akan dibicarakan. Saya sokong penuh atas cadangan ini oleh kerana pada hari ini ramai orang memandu kereta secara merbahaya, tidak menghiraukan keselamatan pengguna yang lain dan terdapat juga road bully. Kerajaan ataupun Kementerian Pengangkutan harus mengambil tindakan sewajarnya terhadap road bully yang begitu kasar sikapnya di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari perbahasan Belanjawan 1999 dan juga pada saya adalah ucapan perpisahan. Oleh kerana tempoh saya akan tamat pada 7 April 1999, sesi ini adalah sesi terakhir yang saya berucap di Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah 40 tahun di arena politik. Saya telah berkhidmat kepada rakyat jelata dan negara kita selama 40 tahun iaitu 40 tahun adalah satu masa yang panjang. Mulai dari tahun 1990, saya dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Rakyat selama 5 tahun, selepas itu saya dilantik menjadi seorang Ahli Dewan Negara, hampir 8 tahun saya berada di bangunan Parlimen. Saya telah memberi segala teguran yang membina kepada kerajaan, bukan hanya memuji sahaja, harus juga kita beri cadangan dan teguran yang membina. Pada hemat saya selama 8 tahun ini, without fear or favour, saya adalah menyuarakan untuk rakyat, apa hasrat rakyat kita harus suarakan untuk mereka di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana sokongan Perdana Menteri, saya dilantik menjadi Ahli Dewan Negara selama tiga tahun. Untuk MCA biasanya satu term sahaja, sungguhpun Perlembagaan mengatakan seseorang Senator boleh jadi dua terms, sebab orang ramai, jadi satu term sahaja. Baru-baru ini kita ada bincang, kalau dua terms, kalau Dewan Negara, kita jangan hadkan dua terms, kalau sekiranya Dewan Negara memerlukan perkhidmatan seseorang Senator harus juga tambah satu atau dua terms, tidak hadkan berapa term tetapi oleh kerana ramai orang di dalam MCA, jadi biasanya satu term sahaja.

Jadi hari ini saya ingin mengucapkan selamat berjuang kepada saudara-saudara. Saya sudah lama di politik sungguhpun satu term sahaja tetapi bila-bila masa Dewan Negara kalau memerlukan perkhidmatan saya, saya akan pulang ke Dewan Negara untuk berkhidmat kepada negara dan bangsa kita.
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan politik adalah amat pahit pada hemat saya. Dua tahun dahulu saya pernah mengatakan kerana perjuangan politik ayah saya meninggal dunia, heart attack, juga hari ini mulai dari tahun 1986 saya masuk MCA, saya pulang dari England sesudah melanjutkan pelajaran saya pada tahun 1985, pada tahun itu saya ingat tidak akan masuk politik lagi. I want to enjoy my life, saya hendak melancong seluruh dunia, jadi saya ingat tidak mahu masuk politik lagi. Tetapi pada pilihan raya yang diadakan pada tahun 1986, satu minggu lagi sebelum penamaan calon, MCA masih belum ada candidate for Seremban sebab Dr. Chen Man Hin, Pengerusi DAP bukan senang hendak mengalahkannya. Itu kubu DAP.

Jadi, untuk menyokong MCA dan terus turut menjadi calon MCA ataupun calon Barisan Nasional di dalam pilihan raya tahun 1986. Dalam pilihan raya itu saya adalah seorang yang bersih, yang sudah lama berkhidmat kepada rakyat jelata, tanya orang Seremban semua tahu, ini Yim Chee Chong yang bersih sekali, jadi DAP tidak dapat cari kelemahan saya, dia panggil seorang kakak saya, seorang kakak saya yang menyokong DAP. Dia kata saya sudah tipu dia punya rumah, dalam kempen pilihan raya DAP panggil kakak saya, keluar, ini Yim Chee Chong tipu saya punya rumah. Cakap dalam pasar

Seremban, sana, situ, rapat umum tetapi orang Cina kata [*berbahasa Cina*] bermakna emas jati tidak takut kebakaran api, di dalam peribahasa Melayu mengatakan anjing menyalak gunung.

Pada hari ini kakak saya menyesal kerana fitnah saya, saya tidak tipu dia punya rumah, dia kata saya tipu, senang saja DAP boleh make a land search di land office, dari dia punya nama kepada saya punya nama, jadi itu saya boleh bawa ke mahkamah, dia langsung tidak boleh buat apa-apa, dia hendak bohong kepada orang yang tidak ada fikiran. Ha! Ini kali pertama DAP menentang saya menggunakan kakak saya. Ini kakak saya, kenapa dia tidak suka pada saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa itu, ibu bapa saya ada membeli sebuah rumah tetapi the registered owner adalah kakak saya. Masa itu saya kecil, dia besar, registered owner ialah kakak saya. Oleh kerana dia hendak halau semua orang dari rumah, seorang kakak saya yang lain kahwin dengan seorang lelaki, dia tidak suka, dia mahu halau ibu saya dan adik-adik keluar dari rumah hendak jual rumah itu, saya caveat rumah itu tidak dapat dijual, sebab itu dia marah kepada saya dan DAP menggunakan hal ini memfitnah saya tetapi gagal.

Pilihanraya tahun 1990 menggunakan cara yang sama juga. Sekarang mereka menggunakan seorang adik lelaki saya pula secara terbuka di dalam surat khabar mengatakan saya berhutang dengannya sebanyak RM150,000 dan tidak membayar.

Semasa saya menuntut di U.K saya meminjam wangnya sebanyak RM150,000 untuk membeli kereta, tidak bayar, semuanya tersiar di dalam *Nanyang Siang Pau, Sin Chew Jit Poh, Kong Meng, China Press*. Saya punya gambar pun keluar juga. Inilah orang yang tidak mahu bayar wang orang lain. Menfitnah saya dengan cara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hantar surat lawyer kepada semua newspaper, minta mereka minta maaf tetapi reporter tidak secara terbuka mengatakan sorry, kita tidak tahu kita telah published di newspaper, minta maaf tetapi *China Press* mengatakan sudah menerima surat lawyer saya, dia keluar, dia kata “Yim, seorang Senator telah menggunakan make use of power mengancam *China Press* supaya minta maaf”.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menggaji seorang lawyer mengambil tindakan undang-undang kerana fitnah, *China Press* akan dibawa ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Ini adalah fitnah DAP hendak merendahkan imej saya dengan cara yang kotor. Selain daripada itu mereka panggil seorang perempuan, saya tidak tahu siapa perempuan itu di dalam pejabat MCA dan berpura-pura sebagai isteri saya dan mengatakan saya sebagai suami yang tidak bertanggungjawab, tidak menjaga anak dan sebagainya. Seterusnya menggunakan segala kekotoran menentang saya.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja tetapi DAP iaitu Dr. Chen Man Hin, ada satu hal yang hendak saya beritahu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Election petition pada tahun 1986, saya dibicarakan di mahkamah kerana saya meminta mahkamah mengira semula kertas undian. Oleh kerana pengurus bohong di mahkamah jadi permohonan saya ditolak dengan kos, keputusan ini dibuat dalam tahun 1988.

Tetapi peguam Dr. Chen Man Hin, Pengerusi DAP pada tahun 1996 iaitu dua tahun dahulu dia meminta kos di mahkamah. Mahkamah telah membenarkan RM36,000 dan meminta saya membayar kosnya dan juga plus interest. Peguam Dr. Chen Man Hin meminta saya membayar interest selama lapan tahun tetapi jikalau mengikut undang-undang interest hanya boleh dituntut selama enam tahun sahaja, tidak boleh tuntutan lapan tahun.

Jadi saya tidak membayarnya, selain daripada itu kos diminta lebih daripada enam tahun, mengikut Rule of the High Court 1990 harus minta leave of the High Court, 'leave' bermakna meminta kebenaran daripada Mahkamah Tinggi, tetapi tidak minta Mahkamah Tinggi. Interest lapan tahun sejumlah RM52,000 minta daripada saya. Saya tidak mahu bayar kerana tuntutan itu menentang undang-undang negara kita.

Pertama, tidak meminta leave of the High Court, kedua minta lapan tahun interest daripada saya. Jadi dia sue saya supaya jadi bankrap, bila saya bankrap, saya tidak boleh jadi lawyer atau jadi Senator. Terus sahaja dia minta bincang atau tidak mahu bincang iaitu Christopher Fernando lawyer Yang

Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sekarang menjadi 'hero' di Mahkamah Tinggi.

Sekarang ini, setiap hari gambarnya keluar dalam surat khabar dan televisyen, terus sahaja filed the bankruptcy action against me in Seremban High Court. Permohonannya itu ditolak dengan kos, kali ini dia pula membayar kos kepada saya. Kemudian dia minta leave of the court dan minta enam tahun interest daripada saya tetapi saya tidak juga mahu membayarnya. Sekali lagi saya dihantar ke mahkamah, hendak sue saya bankrap.

Saya tidak mahu membayarnya bukan kerana tidak sanggup untuk membayar wang itu tetapi dia hendak saya membayar dengan kos, belum selesai lagi. Jadi saya pun marah kerana sudah dua kali sue saya supaya menjadi bankrap. Pada suatu hari, saya ingat bulan yang lalu saya pergi ke Klinik Dr. Chen Man Hin, dia adalah Pengerusi DAP. Saya tanya dia, you are a lawyer who submit bankrupt whether you are aware of it or not. "No, I am not aware of it". Dua kali tidak aware. Saya kata kalau macam itu, dua kali bankrap, satu kali ditolak dengan kos dan saya minta lawyer saya tuntutan sebanyak RM200,000. Berapa ribu terpulung kepada mahkamah tetapi saya kata RM200,000 dan dia terkejut.

Sekarang hendak sue saya bankrap, saya bohong, saya kata kawan saya adalah seorang hakim di Mahkamah Tinggi dan mengikut pandangan beliau second time bankruptcy action akan ditolak dengan kos. Saya ancam dia macam itu. Dia kawan sungguhpun we are not in the same party but we are still friend. I don't want to see him in the court, jadi saya cadangkan okay saya bayar you RM20,000 for final settlement. Dia kata okay, I will write to my lawyer, jadi saya pun balik. Saya dan isteri saya pun ada, ini tidak sangka saya diberitahu oleh kawan saya yang lain, bila saya masuk ke kliniknya, berbual dengannya tentang hal ini, dia ada tape recorder dan dia tape cakap saya. Kemudian dia hantar kepada Presiden MCA, tikam dari belakang.

Dia kata "Yim memalukan MCA bawa isterinya menangis, mengemis jangan sue Yim bankrap". Semua ini bohong belaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan saya tiga kali lawan dengan Dr. Chen Man Hin, kali yang ketiga baru menang iaitu pada tahun 1990. Orang kata saya giant killer pada masa itu, tetapi mereka menggunakan cara yang kotor dan keji, tikam dari belakang. Oleh kerana tuhan yang maha kuasa saya tidak akan mati.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tentang pengalaman politik. Hari ini nampaknya tidak ramai orang akan berucap, ada sesiapa hendak berucap. Tidak ramai lagikah?

Beberapa Ahli: Ramai lagi!

Tuan Yim Chee Chong: Oh, ramai lagi. *[Ketawa]* Jadi, kalau ramai lagi, Tuan Yang di-Pertua, lain kali kalau ada peluang saya akan beritahu lebih lanjut cerita-cerita macam filem tayangan gambar. Ini sangat menarik perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh tulis satu manuallah.

Tuan Yim Chee Chong: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh tulis satu manual.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, betul. *[Ketawa]* Macam Lee Kuan Yew.

Timbalan Yang di-Pertua: Betul.

Tuan Yim Chee Chong: Ini adalah perjuangan politik yang begitu baik, yang menikam daripada belakang dan juga ada musuh dalam selimut tetapi selama 40 tahun yang lalu, saya begitu jujur kepada perjuangan saya untuk rakyat jelata begitu jujur untuk negara. Jadi, saya harap macam mana orang menyeksa saya pun gagal juga pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat akan berucap dalam rang undang-undang ini, jadi saya mohon menyokong. Selamat berjuang Ahli-ahli Yang Berhormat, Selamat Berpisah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sri.

4.41 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Belanjawan 1999.

Saya ingin mula dengan kenyataan iaitu saya rasa bangga sebagai anak dan warganegara Malaysia pada waktu ini. Negara ini dilahirkan pada tahun 1957 dan pemimpin-pemimpin berbilang kaum telah bersatu di bawah satu bendera, berikrar untuk berkongsi kuasa dan bekerjasama untuk kemajuan negara. Dalam 40 tahun yang lalu, pembinaan negara dan bangsa telah dirancang melalui Rancangan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara. 16 tahun yang kebelakangan membawa pembangunan yang pesat tetapi 16 bulan yang lepas ini, jentera kerajaan dan jentera ekonomi tergendala. Ekonomi kita telah merosot tetapi syukur kepada Tuhan pelbagai strategi diamalkan tanpa bantuan luar dan keamanan negara masih dapat dikawal. Keadaan ini boleh dikatakan kerana rakyat Malaysia menghargai kestabilan politik dan memegang teguh kepada policy consensus di antara parti-parti komponen yang memimpin kerajaan.

Pemilihan diadakan setiap lima tahun. Rakyat diberi peluang untuk mengundi dan memilih kerajaan secara demokratik. Belanjawan tahunan dan rancangan lima tahun itu menjadi panduan kepada kemajuan. Belanjawan 1999 adalah Belanjawan defisit kerana kegawatan ekonomi yang dihadapi. Walau bagaimanapun, perkara-perkara penting tidak diketepikan. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I kerana memberi kepentingan kepada keperluan rakyat khususnya rakyat termiskin. Pendidikan, perumahan dan kesihatan serta pembasmian kemiskinan telah diberi priority dalam Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM13.5 bilion diperuntukkan kepada pembangunan sumber manusia. Hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini amat penting. Pembinaan sekolah menengah dan rendah serta meninggikan taraf sekolah vokasional dan teknik adalah mustahak tetapi kerajaan mesti memastikan iaitu skim-skim yang

dimulakan itu harus diteruskan. Kalau tidak kita akan kehilangan keyakinan rakyat dan juga negara-negara jiran.

Beberapa skim pendidikan francais telah diumumkan baru-baru ini. Saya ingin menarik perhatian kementerian kepada skim Asian Sheffield Medical College (ASMC). Pada 4 Julai 1996, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjalankan majlis memecah tanah untuk projek ini di Ipoh. Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak adalah antara 5,000 tetamu yang menyaksikan upacara itu. Ibu bapa dan pelajar-pelajar yang menyertai skim ini rasa bangga kerana program berkembar (twinning programme) ini akan mengurangkan kos perbelanjaan mempelajari kursus perubatan. Mereka telah menyimpan duit yang dikehendaki untuk anak mereka dapat mengikuti kursus ini. Ada ibu bapa yang menjual rumah kediaman pun. Selepas dua tahun skim ini menghadapi kesulitan dan masalah kewangan. 101 pelajar yang terlibat itu rasa keliru. Syarikat-syarikat yang membuat perjanjian dengan University of Sheffield itu belum menghubungi ibu bapa untuk membincangkan hal ini. Syarikat Suci Teguh Holdings Sdn. Bhd. dengan rakan-rakannya memegang 80% saham dalam projek ini, sepatutnya berterus terang dengan pihak pelajar dan ibu bapa. Pemegang saham bersama dalam skim ini adalah Yayasan Perak 12%; BXL Holdings 31.25%; Gopeng Bhd. 31.25% dan Paramount Corporation 25% yang menjalankan juga Kolej Damansara Utama, 20% dipegang oleh University of Sheffield.

Jadi, keadaan seperti ini akan merosot keyakinan rakyat terhadap program-program seperti ini. Tidak patut kita meluluskan francais skim pendidikan kalau kerajaan tidak boleh jamin skim itu akan dijalankan dengan sempurna. Saya harap kementerian akan mengambil tindakan yang positif dalam hal ini supaya mententeramkan fikiran orang-orang awam, kalau tidak imej kerajaan akan terjejas. Mungkin Tabung Pendidikan boleh membantu dalam hal ini.

Hal yang kedua dalam pendidikan ialah kemalangan yang berlaku kepada murid sekolah dalam waktu persekolahan. Seorang murid perempuan

sekolah rendah telah jatuh daripada bumbung sekolah semasa mengecat bangunan. Kaki beliau telah patah. Seorang pelajar lelaki Tingkatan Lima di Skudai telah ditimpa kemalangan apabila membantu membersihkan bilik setor. Saya tidak faham bagaimana seorang pelajar dalam kelas peperiksaan boleh diarah membuat kerja seperti itu. Budak itu mengalami brain injury dan tidak dapat menduduki peperiksaan SPM tahun ini. Saya harap Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian dalam hal-hal seperti ini. Keselamatan pelajar-pelajar di sekolah perlu diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah perumahan. Sebanyak RM783 juta disediakan untuk pembinaan rumah kediaman bagi anggota perkhidmatan awam serta rumah kos rendah. Di samping itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah melancarkan satu Kempen Memiliki Rumah untuk sebulan dari 12 Disember hingga 12 Januari. Mengikut laporan surat khabar, kempen ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan rakyat. Usaha memenuhi impian setiap keluarga memiliki rumah kediaman sendiri diberi insentif melalui kempen tersebut. Saya juga membaca dalam surat khabar iaitu negeri Pulau Pinang dan Johor ada kuota besar rumah yang belum dijual, mengikut Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin.

Di sini saya juga ingin menarik perhatian kepada golongan rakyat Malaysia yang bekerja di ladang-ladang. Skim perumahan untuk pekerja-pekerja ladang tidak diberi insentif. Majikan-majikan ladang yang bukan lagi dari kumpulan penjajah tidak menghiraukan perkara ini. Perjanjian yang telah ditandatangani oleh majikan-majikan ladang diketepikan dengan pelbagai alasan. Saya harap pemaju-pemaju diberi insentif dan pekerja-pekerja diberi konsesi supaya skim perumahan ini juga mencapai kemajuan. Perbezaan antara bumiputera di kampung dan bukan bumiputera di ladang ialah selepas bekerja seumur hidup di ladang, seorang pekerja ladang tidak mempunyai tanah atau rumah sendiri. Lebih perhatian boleh diberi kepada skim perumahan di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM4.51 bilion diperuntukkan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Sri. Mengenai perumahan di ladang-ladang, di kawasan saya ada satu ladang Estet Kerla, ada lebih kurang 500 orang pengundi MIC yang 100% setia, walaupun semasa Barisan Nasional kalah, peti undi MIC menang. Kemudian kerajaan negeri ada berjanji untuk memberi tanah ladang, kononnya tanah ladang untuk dibuat perumahan kepada MIC kaum India di Ladang Kerla, Tanah Merah, Kelantan tetapi setakat ini janji kerajaan negeri itu kosong dan pihak MIC bersedia membeli tanah itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Janji kerajaan negerikah?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Kerajaan negeri. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah peranan Yang Berhormat khususnya MIC untuk memastikan kerajaan negeri menepati janji memberi tanah ladang untuk perumahan kepada MIC di Ladang Kerla?

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Terima kasih, MIC sekarang telah menubuhkan satu Jawatankuasa oleh Majlis Tertinggi baru-baru ini. Saya akan membawa perkara ini kepada perhatian mereka, terima kasih.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: **Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan**

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, you punya kawan dari MIC minta laluan *[Ketawa]*

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Persatuan MIC baru sahaja menubuhkan satu Jawatankuasa tetapi Allahyarham Tun Abdul Razak telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk skim pekerja-pekerja ladang tetapi bagaimanakah kedudukan jawatankuasa tersebut, sampai sekarang pun saya tidak tahu?

Timbalan Yang di-Pertua: You mahu tanya Puan Sri kah?

Tuan N. Marimuthu: Saya setuju dengan pandangan Puan Sri, MIC baru-baru ini menubuhkan Majlis Tertinggi, berbincang berkenaan dengan perkara-perkara begini, menubuhkan satu jawatankuasa, ahli-ahli jawatankuasa

itu Ahli Exco Kerajaan Negeri dan juga semua ADUN Barisan Nasional daripada MIC. Sekian, terima kasih.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Berkenaan dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Jumlah RM4.51 bilion itu bertujuan untuk menambahkan kakitangan medical dan peralatan di hospital dan klinik. Skim kesihatan kita adalah baik tetapi pengurusan dan perbelanjaan telah bertambah sehingga mengamalkan piagam pelanggan Kementerian Kesihatan dengan berkesan itu menjadi dengan izin, mission impossible.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang melancarkan Kempen Gaya Hidup Sihat di ladang-ladang pada 10 Disember. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengumumkan iaitu RM1.3 juta diperuntukkan bagi tujuan ini dan beliau telah juga memberitahu iaitu pekerja-pekerja di ladang-ladang khususnya daripada kaum India menghadapi lebih masalah kesihatan daripada kaum-kaum lain. Jadi saya harap Kempen Gaya Hidup Sihat ini akan dilangsungkan dengan baik.

Berkaitan dengan itu saya juga mengalu-alukan kenaikan duti atas rokok, barangan tembakau dan minuman keras. Penagihan arak adalah punca utama yang menimbulkan masalah kesihatan, kewangan dan juga keganasan rumah tangga. Saya harap kempen ini dan kenaikan duti ini akan dapat mengurangkan tabiat buruk di kalangan generasi muda. Tetapi di sini saya juga ingin menarik perhatian kepada kempen-kempen lain seperti Kempen Anti-Dadah, Kempen Kebersihan, Kempen Anti-Merokok yang telah menelan belanja berjuta-juta ringgit, malangnya jumlah penagih dadah, penagih rokok dan penagih arak kian lama kian bertambah. Sampai PEMADAM telah pun mengakui kegagalan, mungkin ini adalah masa untuk mengkaji semula perbelanjaan dan keberkesanan cara-cara kempen yang diamalkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk perkara ladang juga, kempen pilihan raya sahaja dapat masuk ke ladang-ladang, kemudahan-kemudahan lain seperti kelas KEMAS, Skim Amanah Ikhtiar Malaysia tidak dibenarkan masuk kerana kawasan perladangan dianggap sebagai kawasan swasta atau persendirian. Walaupun pekerja-pekerja menjadi pengundi, arus pembangunan melepaskan mereka. Bekas pekerja-pekerja ladang yang kehilangan pekerjaan kerana projek-projek pembangunan, kini menjadi masyarakat setinggan juga boleh dibantu di bawah Program Pembasmian Kemiskinan. Syarat-syarat Skim Amanah Ikhtiar Malaysia tidak memberi peluang kepada pekerja-pekerja ladang ini untuk memulakan pekerjaan baru. Saya cadangkan supaya

kelonggaran syarat diberi kepada bekas pekerja-pekerja ladang supaya mereka boleh mendapat bantuan melalui skim ini dan memulakan perniagaan kecil.

Di samping itu saya juga berharap RM440 juta yang disediakan bagi Bantuan Buku Teks dan makanan tambahan untuk pelajar-pelajar miskin akan membantu golongan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam ucapan Belanjawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I, rakyat Malaysia berbilang kaum, hidup rukun damai dan memiliki perasaan patriotisme yang nyata. Kejayaan Sukan Komanwel membuktikan perpaduan kaum dan usaha untuk mementingkan negara tetapi kadang-kadang usaha kerajaan ini digagalkan oleh pihak-pihak tertentu kerana 'nila setitik rosaklah susu sebelanga'. Saya perlu mendedahkan di sini, untuk makluman pihak kerajaan perasaan tidak puas hati yang ditimbulkan atas pengumuman pemberian kereta Proton kepada pemenang pingat emas Sukan Komanwel yang mencatatkan rekod baru. Pihak Proton telah mengumumkan secara terbuka penghadihan kereta kepada mereka, selepas itu mengubah kriteria secara sulit. Perbuatan ini telah mengejutkan dan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Rayuan oleh pihak Majlis Olimpik Malaysia (OCM), belum dijawab lagi. Kalau perkara ini tidak dijelaskan imej syarikat kereta nasional dan motivasi ahli-ahli sukan akan terjejas, prestasi mereka dalam sukan-sukan lain mungkin terjejas juga.

Akhir kata usaha kerajaan untuk menjalankan rancangan yang memberi manfaat kepada semua kaum di Malaysia patut diteruskan. Kadang-kadang bukan semua kaum diwakili semasa sesuatu dasar digubal, keputusan diambil atau majlis diatitkan atau sesuatu rancangan disediakan, pihak yang bertanggungjawab itu perlu mengambil kira sensitiviti dan keperluan semua kaum di Malaysia.

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Minta laluan lagi. Puan Sri beri laluan atau tidak?

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hasrat pemegang pingat emas tunggal negara dalam acara olahraga Sukan Komanwel yang lalu, G. Saravanan untuk memiliki sebuah kereta baru, bakal dilaksanakan apabila kereta baru itu akan diserahkan kepadanya pada bulan ini. Tuan Yang

di-Pertua, ini bukan salah EON ini salah Sukom Berhad. Dia tidak ambil inisiatif untuk menyokong Encik G. Saravanan mendapatkan kereta ini. Pandangan ini saya sedar.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Kita tunggulah penjelasan daripadanya. *[Ketawa]* Dalam Belanjawan 1999 juga sejumlah RM47.42 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan RM18.53 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, satu perkara yang merunsingkan hati ialah pembaziran yang berlaku dalam perbelanjaan wang kerajaan. Pembekal-pembekal yang didaftar dengan Kementerian Kewangan untuk melaksanakan projek pembangunan menghadapi kesulitan kerana proses pembayaran adalah lewat.

Jadi peruntukan itu tidak sampai dengan sempurna kepada pengguna. Lebih kurang 30% hilang di dalam proses akibatnya barang dan kerja yang tidak sempurna atau kurang bermutu. Saya menyeru supaya masa ditetapkan untuk memproses sesuatu permohonan dan meluluskan pembayaran. Ada orang yang berfikir wang kerajaan itu adalah percuma seperti juga harta benda kerajaan, tetapi wang kerajaan adalah daripada rakyat melalui cukai dan sebagainya. Setiap pengguna membayar cukai ini secara langsung atau tidak langsung, jadi kalau negara kita, tanggungjawab kita sebaliknya menjaga wang negara juga adalah tanggungjawab kita. Kita perlu mengemaskinikan rumah kita sendiri, dengan izin, *our housekeeping needs to be improved.*

Faktor perikemanusiaan yang penting mesti diingat oleh semua penggubal dasar. Penggubal atau pencipta polisi perlu juga ingat diakhir sekali kita perlu menjawab kepada penggubal yang Maha Kuasa, *our creator* yang supreme. Jadi saya berharap semua perkara yang saya sentuh ini akan diberi perhatian dan saya ingin menyeru dan merayu kepada pihak yang membuat polisi supaya mengambil kira perasaan dan keperluan semua rakyat Malaysia dan saya diberi satu, apa yang dikatakan oleh pepatah orang tua Malaysia, kalau sayang jangan sayang sampai habis, kalau benci sangat jangan benci sampai habis. Sikap 'moderate' yang dinasihatkan oleh nenek moyang kita.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, seperti juga Yang Berhormat Tuan Yim, saya ingin mengakhiri ucapan ini yang merupakan ucapan saya yang terakhir dalam Dewan yang mulia ini, pada hari keesokan saya akan bersara dan saya merakamkan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi melantik saya; Presiden MIC, Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Velu yang telah memberi peluang berkhidmat di Dewan ini selama dua penggal.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya dalam Dewan ini, pihak media, tuan-tuan dan puan-puan yang memberi galakan kepada saya selama ini, kalau ada melakukan apa-apa salah silap saya mohon ampun dan maaf. Terima kasih, selamat berjuang, selamat tinggal, 'Vanakam, naudri. Sekian dan saya menyokong Belanjawan 1999. *[Tepuk]*

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: *[Bangun]*

Datuk Christina Lorline Tibok: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya beri kepada Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok dahulu oleh sebab Sabah tidak lama lagi ada pilihan raya, beri dia chance dahulu.

5.07 ptg.

Datuk Christina Lorline Tibok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 di Dewan yang mulia pada petang ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan I di atas pembentangan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 1998 yang lalu. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas strategi-strategi Belanjawan 1999 yang khusus direka untuk menangani risiko dan cabaran yang mungkin muncul pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, krisis kewangan yang melanda Malaysia dan Asia telah mejangkau lebih daripada satu tahun. Krisis ini telah menjadi tahun 1997 dan 1998 tahun-tahun yang sukar lagi mencabar. Keluaran dalam negara kasar

merosot dengan ketara dan mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 2.8% dalam suku pertama dan 6.8% dalam suku kedua tahun ini. Kemakmuran negara hasil daripada pertumbuhan pesat selama lapan tahun yang lalu telah terjejas berikutan krisis ini. Nilai Ringgit telah menyusut dengan ketara dan kini kita terpaksa membayar 60% lebih tinggi untuk mendapatkan US\$1. Pada masa yang sama BSKL telah mengalami kerugian yang besar semenjak bermulanya krisis ini pada bulan Jun tahun lalu. Pendapatan dan kekayaan negara kita telah berkurangan.

Dalam keadaan demikian, hasil kerajaan telah terjejas dengan ketara. Dalam keadaan seperti ini kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas untuk mencergaskan semula ekonomi dan pada masa yang sama, melindunginya daripada terjejas oleh persekitaran luar yang tidak stabil. Kerajaan telah mengkaji semula dasar kewangan yang ketat yang disarankan oleh IMF dengan meningkatkan peruntukan perbelanjaan dan melonggarkan dasar kewangan. Selain daripada itu, kerajaan telah melaksanakan “The National Economic Recover Plan” dengan izin, yang bertujuan menstabilkan Ringgit dan memulihkan keyakinan pasaran dan mengukuhkan asas-asas ekonomi.

Semenjak langkah-langkah yang baru ini dilaksanakan, ekonomi negara telah mula pulih. Dalam ucapan Yang Berhormat Dato’ Mustapa bin Mohamed, Menteri Kewangan II, pada 10 Disember yang lalu, di Dewan yang mulia ini, beliau telah memaklumkan kita, bahawa beberapa kesan positif sedang dirasai misalnya, jumlah pinjaman oleh sistem perbankan mula meningkat. Permintaan dalam negeri terutama bagi kereta penumpang telah bertambah, rizab luar negeri Malaysia telah meningkat dan permodalan pasaran BSKL menjadi stabil.

Tuan Yang diPertua, Rang Undang-undang Perbekalan 1999 akan memperuntukkan hampir sebanyak RM32 bilion yang akan dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan. Dalam perbahasan saya mengenai rang undang-undang ini, izinkanlah saya memberi sedikit emphasis dengan izin, kepada Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah RM32

bilion ini, sebanyak RM18.053 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Saya sangat gembira dan bangga kerana mengikut ucapan Belanjawan 1999 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebanyak RM390 juta akan diberikan kepada negeri Sabah untuk jalan dan jambatan.

Pembangunan infrastruktur adalah sangat penting dan diperlukan di Sabah dan Sarawak. Seperti mana yang kita semua tahu, Sabah dan Sarawak membentuk dengan izin, “60% of Malaysia surface area.” Peruntukan untuk jalan-jalan dan jambatan-jambatan adalah dialu-alukan kerana jalan-jalan di Sabah dan Sarawak khususnya jalan-jalan di luar bandar adalah sangat buruk.

Saya baru-baru ini telah melawat beberapa buah kampung sempena hari ucapan sekolah dan satu daripada jalan luar bandar yang saya lalui ialah Jalan Menggatal ke Kampung Tombongan di sebelah Gunung Crocker Range. Saya berpendapat, bahawa sekiranya seseorang itu mempunyai lemah jantung, baiklah jangan melalui jalan itu. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan dapat memperbaiki Jalan Menggatal-Kokol-Tombongan itu dengan secepat mungkin.

Sabah adalah negeri yang berbukit dan bergunung. Pembinaan jalan-jalan dan jambatan-jambatan pasti menelan lebih banyak lagi belanja daripada pembinaan jalan-jalan di tanah yang rata. Oleh itu, kerajaan perlu mengambil kira tentang “geographical make-up of Sabah” dengan izin, apabila menimbangkan peruntukan untuk negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang pendidikan yang akan mendapat peruntukan yang paling tinggi di antara semua peruntukan. Kementerian Pendidikan akan mendapati RM10.415 bilion mengikut jadual rang undang-undang yang kita bincang pada hari ini. Peruntukan yang besar ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, antara projek yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan termasuklah kampus tetap Universiti Malaysia Sabah.

Saya mengucapkan sungguh terima kasih kepada kerajaan kerana memberi kemudahan ini kepada negeri Sabah. Sabah telah merdeka melalui pembentukan Malaysia 30 tahun yang lalu, dengan izin, “35 years is a very long wait for a university.” Kerajaan Negeri Sabah memberi satu tapak tanah seluas 500 ekar untuk kampus ini dan kampus ini, dengan izin, will be one of most beautiful in Asia - with the view of the South China Sea to the West and the majestic Mount Kinabalu to the East.

Walau bagaimanapun, semua ini tidak akan bermakna jika banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar Sabah yang masih memerlukan peningkatan taraf. “We are already talking about smart schools but some schools in Sabah don’t even have electricity,” dengan izin. Perkara-perkara seperti ini haruslah diberi perhatian, lebih-lebih lagi Malaysia adalah dalam usaha menarik pelajar-pelajar daripada negara jiran untuk belajar di universiti kita. Oleh itu dengan peruntukan yang begitu besar untuk Kementerian Pendidikan, saya harap lebih banyak lagi peruntukan dapat diberikan kepada negeri-negeri di Malaysia Timur untuk meningkatkan lagi taraf dan keadaan fizikal sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita perhatikan bahawa RM3.6 bilion akan disediakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan supaya rakyat terus dapat menikmati taraf perkhidmatan yang baik dan selesa. Ini termasuklah pengambilan 3,900 orang pegawai perubatan dan paramedik pada tahun hadapan. Adalah diharapkan sebahagian daripada yang akan diambil bekerja nanti akan melibat orang-orang dari Sabah. Izinkan saya memaklumkan di sini bahawa mengikut laporan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) baru-baru ini, nisbah doktor kepada penduduk bagi Sabah pada tahun 1990 ialah seorang doktor untuk lebih 5,000 orang penduduk dan pada tahun 1997 pula nisbahnya ialah seorang doktor untuk 4,940 orang. Jelas di sini bahawa keadaan tidak banyak berubah daripada tahun 1990 hingga 1997. Ini menunjukkan bahawa keperluan untuk menambah lagi pegawai-pegawai perubatan di Sabah adalah jelas.

Selain daripada meningkatkan kemudahan dan peralatan hospital-hospital dan klinik-klinik, Kementerian Kesihatan juga telah merancang membina hospital-hospital baru di Lahad Datu dan Keningau, tetapi saya dimaklumkan oleh kerana ekonomi tidak mengizinkan projek-projek ini tertangguh. Walau bagaimanapun, saya harap Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya keperluan-keperluan kesihatan di Sabah kerana beberapa hospital daerah yang lama tidak lagi berfungsi dengan berkesan. Kehadiran banyak pendatang asing memang menjadi masalah kesihatan dan sosial di Sabah. Katil-katil di hospital, yang seharusnya untuk rakyat jelata, digunakan oleh pesakit-pesakit orang asing. Kadang-kadang wad-wad hospital pun begitu sesak sekali, sampailah pesakit-pesakit terpaksa tidur di lantai kerana tidak ada lagi katil yang kosong.

Selain daripada itu, saya juga berharap kepada Kementerian Kesihatan boleh memperuntukkan belanjawan untuk menangani penyakit-penyakit yang mudah berjangkit seperti kolera, hepatitis, malaria dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini sering dikesan di kalangan colony-colony pendatang orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam muka 36, teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau menyatakan bahawa sebanyak RM108 juta disediakan untuk membasmi kemiskinan melalui Program Pembasmian Rakyat Termiskin, Peningkatan Ekonomi Kampung dan Program Pemulihan Rumah. Peruntukan ini dijangkakan memanfaatkan seramai 41,300 keluarga miskin. Laporan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah menunjukkan bahawa pada tahun 1995, kadar kemiskinan bagi negeri Sabah adalah antara yang tertinggi di Malaysia iaitu 2.0% berbanding dengan purata bagi negara sebanyak 9.6%. Kadar kemiskinan ini telah menurun ke 24.0% pada tahun 1997. Ini adalah satu petanda yang baik walaupun pengurangan kadar itu tidak begitu membanggakan. Adalah diharapkan bahawa melalui program-program yang direka oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan, kadar kemiskinan dan pembangunan yang tidak seimbang di antara wilayah dapat dikurangkan. Dasar kerajaan membantu golongan yang kurang mampu juga mestilah diperhebatkan, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Bantuan buku teks dan bantuan makanan tambahan kepada pelajar yang yang kurang mampu juga harap dapat diteruskan. Saya harap jabatan-jabatan yang berkenaan akan dapat bertindak dengan lebih agresif dan proaktif untuk menyalurkan bantuan-bantuan ini di mana ianya diperlukan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana peka terhadap keperluan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah walaupun negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi. Tabung-tabung seperti tabung perumahan untuk rakyat termiskin, tabung mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah dan tabung pusingan perumahan kos rendah adalah sangat menggalakkan khususnya kepada orang-orang di luar bandar. Melalui tabung-tabung ini, dijangkakan sebanyak 27,500 unit rumah kos rendah akan disediakan. Selain daripada ini modal sebanyak RM2 bilion juga telah disediakan untuk kemudahan pinjaman kepada pemaju-pemaju untuk projek-projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan tahun hadapan, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta sebagai bantuan sokongan kepada program-program latihan untuk wanita. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas peruntukan ini. Melalui program-program pembangunan ini, lebih banyakkah wanita-wanita dapat dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan di bidang teknikal, institusi latihan sektor awam dan swasta. Adalah penting wanita diberi latihan kemahiran secara berterusan terutamanya bagi mereka yang ingin kembali aktif bekerja atau yang ingin meningkatkan potensi mereka. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa sektor-sektor awam dan swasta boleh menambahkan pengambilan wanita dalam bidang perindustrian, kemahiran dan teknologi terkini, selaras dengan keperluan industri.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Malaysia untuk tidak menerima ubat IMF telah menyelamatkan kita daripada kesengsaraan seperti yang dialami oleh Korea Selatan, Thailand dan Indonesia. Jeffrey D. Sachs dalam tulisannya "Asia Bailout Dialogue" menyatakan dan I quote, dengan izin, 'In all three

bailout countries, the IMF now recognizes that it wildly miscalculated the consequences of the crisis and its own targets for growth, inflation and exchange rate throughout the region. The sovereign debts of all three bailout countries – Indonesia, South Korea and Thailand have by now been reduced to junk-bond status. The banking sectors in all three countries have frozen up, especially following the IMF – led bank closures. All three countries are on the path to out right recession’.

Syukur kita tidak menelan ubat IMF. Walaupun negara telah dimiskinkan, Malaysia masih mempunyai kekuatan berdikari dan mempertahankan kedudukan menerus perjuangan merangsang semula pertumbuhan ekonomi. Kita harus bersyukur kerajaan masih dapat mengadakan segala keperluan rakyat dengan memastikan bidang-bidang penting seperti pendidikan, kesihatan, pembangunan desa dan bantuan-bantuan kepada golongan-golongan miskin tidak diabaikan. Malahan peruntukan kewangan bagi keperluan mereka ini ditambah. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang undang-undang Akta Perbekalan 1999. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah dari Sarawak.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1999 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada 10 Disember 1998. Dengan adanya peluang ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan kerajaan kerana telah menyediakan satu belanjawan yang mana saya percaya adalah yang terbaik yang dibuat dalam suasana ekonomi negara kita sekarang ini. Walaupun mempunyai defisit, belanjawan ini tetap memberi perhatian yang lebih kepada keperluan rakyat terutama sekali dalam bidang pendidikan, kesihatan, pembangunan desa dan pembasmian kemiskinan.

Strategi yang telah dirangka untuk memulih ekonomi negara juga adalah wajar dan seharusnya mendapat sokongan padu daripada semua lapisan rakyat untuk menentukan supaya kehidupan yang baik dan sejahtera yang kita nikmati selama ini akan berterusan. Dalam konteks ini, kita hendaklah berdiri teguh menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha beliau untuk memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dalam keadaan ekonomi yang sebegini rumit, negara kita masih lagi mampu untuk maju ke hadapan dan menjalankan kegiatan-kegiatan seperti yang dirancang dalam wawasan 2020. Kita berdoa semoga segala usaha kita ke arah memajukan negara akan sentiasa diberkati Allah dan dikurniakanNya dengan kejayaan yang cemerlang dan diberiNya perjalanan yang mudah tanpa gangguan dan penghalang.

Seperti mana yang kita maklum, negara kira baru-baru ini telah selesai menganjurkan temasya Sukan Komanwel dan Persidangan Ekonomi Asia-Pasifik ataupun singkatnya APEC yang telah mencapai satu kejayaan yang sangat membanggakan. Kejayaan ini telah diperakui oleh kebanyakan para peserta walaupun bermacam-macam perkara yang tidak diingini telah timbul sebelum dan semasa temasya dan persidangan tersebut berlangsung. Kita berharap Grand Prix Motosikal dan juga perlumbaan Formula One yang akan diadakan kelak akan turut mencapai kejayaan yang sama ataupun lebih baik lagi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa segala usaha kita sebagai penganjur antarabangsa ini telah meningkatkan nama Malaysia di dunia luar. Cogan kata 'Malaysia Boleh' sudah menjadi satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diteliti dengan sedalam-dalamnya, negara kita mempunyai kedudukan yang jauh lebih baik berbanding negara-negara lain yang sama dilanda oleh kegawatan ekonomi pada masa ini. Alhamdulillah, kita mempunyai keadaan politik yang stabil walaupun pada masa ini ianya telah diusik oleh segelintir rakyat yang mungkin diperdayakan oleh anasir-anasir luar. Siapa yang telah membesar-besarkan masalah ini seolah-olah

negara kita telah dilanda oleh rusuhan dan tidak dapat dikawal. Kita juga dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan hasil sumber asli yang kaya raya dan tanah yang subur serta rakyat yang bersatu padu yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kaum. Saya percaya keistimewaan inilah yang telah dapat memberi kekuatan kepada kita untuk bertahan dan menangani masalah yang sedang melanda. Oleh yang demikian kita hendaklah sentiasa - saya ulangi - kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T dan berdoa supaya keadaan yang buruk yang berlaku di negara-negara lain tidak akan timbul di negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah menunjukkan bahawa semenjak mencapai kemerdekaan daripada penjajah British, negara kita dapat membangun dengan pesatnya dan rakyat telah dapat menikmati hasil pembangunan ini terutama sekali dalam bidang pendidikan, pertanian, perindustrian dan di akhir dekad ini dalam telekomunikasi dan juga teknologi maklumat. Seterusnya kemajuan ini semakin ketara dan lebih pesat lagi dalam hampir dua dekad yang lalu. Dengan itu kita tidak ketinggalan dalam kemajuan yang mana juga berlaku di negara-negara lain di rantau ini.

Pencapaian kita yang begitu tinggi dalam pelbagai bidang ini telah tidak disenangi oleh anasir-anasir luar dan dengan tidak dijangka kita telah diserang oleh pedagang-pedagang mata wang yang mengakibatkan kejatuhan nilai ringgit Malaysia dan seterusnya menjejaskan kedudukan ekonomi negara. Seperti mana yang kita maklum, kegiatan pedagang-pedagang mata wang ini sudah lama wujud dan bukannya baru berlaku pada masa ini. Mereka pernah menjatuhkan nilai mata wang Sterling dan kegiatan mereka ini akan berterusan. Menyedari hakikat inilah maka Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita telah menyarankan secara terbuka dan secara luas di forum-forum antarabangsa supaya kegiatan pedagang-pedagang mata wang ini diawasi....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung besuk.

Tuan Abdilah bin Abdul Rahim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

